

**13 JULAI 2020 (ISNIN)**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

**PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT KEDUA**

---

**SHAH ALAM, 13 JULAI 2020 (ISNIN)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari (Sungai Tua)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.  
(Selat Klang)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

## **TIDAK HADIR (Dengan Maaf)**

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali  
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

**13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Masri bin Mohd Daud, D.S.A.P., P.C.M.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Muhajirih bin Ahmad  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
**Bentara**

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi  
Puan Nurul Liana binti Musa  
**Pelapor Perbahasan**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**Dewan dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Keempat Belas pada 13 Julai 2020 dimulakan dengan:

**I. DOA**

**II. PROKLAMASI**

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN** : Bacaan Doa.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN** : Proklamasi.

Oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah AlHaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah AlHaj, Darjah Kerabat (Selangor), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Kerabat (Terengganu), Darjah Kerabat (Kelantan), Darjah Kerabat (Perak), Darjah Kerabat (Perlis), Darjah Kerabat (Negeri Sembilan), Darjah Kerabat (Kedah), Darjah Kerabat (Johor), Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.), Dato' Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.), Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), Dengan Kurnia Allah, Sultan Dan Yang DiPertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya.

Bahawasanya Fasal (1) Perkara (70) Bahagian kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam Warta memanggil Dewan Negeri :

Maka oleh yang demikian, Beta, Sultan Sharafuddin Idris Shah AlHaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah AlHaj, Darjah Kerabat (Selangor), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Kerabat (Terengganu), Darjah Kerabat (Kelantan), Darjah Kerabat (Perak), Darjah Kerabat (Perlis), Darjah Kerabat (Negeri Sembilan), Darjah Kerabat (Kedah), Darjah Kerabat (Johor), Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.), Dato' Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.), Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), Dengan Kurnia Allah, Sultan Dan Yang DiPertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Beta di bawah Perkara (70) Bahagian Kedua, Undang-undang Tubuh Kerajaan

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

Selangor, 1959, DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 13 Julai hingga 17 Julai 2020 dan 20 Julai hingga 24 Julai 2020 dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Kedua Penggal ketiga Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Keempat Belas yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 15 hari bulan Jun 2020.

Dengan Titah Perintah Duli yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER :** Salam sejahtera dan selamat datang kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri dan Pegawai-pegawai Kerajaan Sekalian. Bertemu lagi dalam Mesyuarat Kedua Dewan yang mulia ini bagi Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor yang Keempat Belas.

Sebelum saya meneruskan aturan urusan mesyuarat pada pagi ini sukacita saya ingin memaklumkan bahawa pada 7 Julai 2020, Dewan Negeri Selangor telah menjalankan ujian saringan COVID-19 kepada sejumlah 678 orang yang akan menghadiri Persidangan Dewan. Mereka terdiri daripada Ahli Dewan Negeri Selangor, Ketua-ketua Jabatan, wakil Jabatan dan para Petugas yang akan bertugas semasa Persidangan Dewan.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, pada persidangan kali ini hanya mereka yang telah menjalani ujian saringan COVID-19 dan mendapat keputusan negatif dibenarkan memasuki Dewan ini. Sukacita dimaklumkan seramai 678 orang yang disaring adalah negatif COVID-19. Saya memandang serius perkara ini dan berharap semua Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian dapat mematuhi SOP yang telah ditetapkan iaitu 3W (*Wash, Wear dan Warn*) dan elakkan 3S (tempat yang Sesak – kawasan yang Sempit – Sembang dekat-dekat). Di samping itu, saya menyeru semua untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Dewan Negeri Selangor bagi menjaga keselamatan semua.

Saya juga menerima permohonan daripada Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, Ahli Dewan negeri Kawasan Bukit Antarabangsa merangkap Ahli parlimen Gombak dan juga Menteri Kanan MITI yang tidak dapat menghadiri Persidangan kali ini kerana berada di Dewan Rakyat pada 13 hingga 15 Julai 2020 sempena Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Parlimen ke 14 Tahun 2020.

Permohonan ini telah dikemukakan kepada saya dan saya telah meluluskan permohonan beliau.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

Tanpa melengahkan masa, saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat pada pagi ini.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan Mesyuarat seterusnya, memilih Timbalan Speaker Dewan Negeri Selangor.

### **[ MEMILIH TIMBALAN SPEAKER ]**

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, jawatan bagi Timbalan Speaker adalah kosong memandangkan yang Berhormat Sementa telah meletakkan jawatan sebagai Timbalan Speaker pada 16 Jun 2020 yang lalu. Menurut Fasal (2A), Perkara (71) Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor, 1959, Dewan Negeri bolehlah dari semasa ke semasa memilih seorang ahlinya menjadi Timbalan Speaker. Peraturan memilih Timbalan Speaker adalah mengikut Peraturan Tetap 5A (1) dan (2), Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima pencalonan bagi Timbalan Speaker. Saya menjemput Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari, Ahli Dewan Negeri Selangor Kawasan Sungai Tua untuk mengemukakan cadangan.

**PENCADANG (Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR)** : Bismillahirahmanirahim  
Tuan Speaker, saya dengan sukacitanya ingin mencadangkan supaya Ahli Dewan Negeri Kawasan Morib iaitu Yang Berhormat Tuan Hasnul bin Baharuddin, dicalonkan dan dipilih menjadi Timbalan Speaker Dewan Negeri Selangor.

**PENYOKONG (Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM)** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan ini telah pun disokong. Mengikut Fasal (2A), Perkara (71) Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor, 1959 dan Peraturan Tetap 5A (1) dan (2), Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor dengan ini saya sukacita memasyurkan Yang Berhormat Tuan Hasnul bin Baharuddin Ahli Dewan Negeri Kawasan Morib dipilih sebagai Timbalan Speaker. (Tepuk meja).

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, Timbalan Speaker mengangkat sumpah dan menandatangani surat sumpah

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**TUAN SPEAKER** : Dengan hormatnya saya mempersilakan Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri Kawasan Morib untuk mengangkat sumpah dan menandatangani surat sumpah jawatan sebagai Timbalan Speaker. Dipersilakan.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN** : Dengan nama Allah maka dengan lafaz ini bahawa adalah saya Hasnul bin Baharuddin yang telah terpilih menjadi Timbalan Speaker Negeri Selangor dengan sesungguhnya mengangkat sumpah atau berikrar akan menunaikan dengan setianya kewajipan saya dengan seberapa daya upaya dan saya mengaku akan taat setia kepada Negeri Selangor dan saya akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Negeri Selangor kepada Allah saya berserah.

**TUAN SPEAKER** : Saya menjemput Setiausaha Dewan untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Membentangkan Kertas-kertas Mesyuarat.

1) Kertas Mesyuarat Bilangan 12 Tahun 2020

- Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK – Pembasmian Kemiskinan) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Pembangunan Perniagaan Atas Talian (E – Dagang) Untuk Peniaga Kecil Di Negeri Selangor.

2) Kertas Mesyuarat Bilangan 13 Tahun 2020

- Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor (*Special Select Committee On Water Resource Management Of The State Of Selangor – JPK SAS*) Berhubung Pencemaran Sumber Air Sehingga Menyebabkan Henti Tugas Tidak Berjadual Loji-loji Rawatan Air dan Pembekalan Semasa Kecemasan.

3) Kertas Mesyuarat Bilangan 14 Tahun 2020

- Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban Dan Ketelusan (*Special Select Committee On Competence, Accountability And Transparency – SELCAT*) Berhubung Penilaian Prestasi PBT dan Ahli Majlis Di Negeri Selangor.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

- 4) Kertas Mesyuarat Bilangan 15 Tahun 2020
- Cadangan Pindaan Kepada Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor.
- 5) Kertas Mesyuarat Bilangan 16 Tahun 2020
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK – Pembasmian Kemiskinan) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Usaha Kerajaan Dalam Meningkatkan Tahap Literasi Pengurusan Kewangan.
- 6) Kertas Mesyuarat Bilangan 17 Tahun 2020
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Pejabat Tanah dan Daerah (JP – PADAT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Kerjasama Di Antara Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) Dan Malaysia Space Agensi (MYSA) Untuk Tujuan Pemantauan Dan Penguatkuasaan.
- 7) Kertas Mesyuarat Bilangan 18 Tahun 2020
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK – Pembasmian Kemiskinan) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Tahap Kemahiran Kebolehkerjaan dan Kemahiran Teknikal Yang Mampu Meningkatkan Pendapatan Rakyat Di Negeri Selangor.
- 8) Kertas Mesyuarat Bilangan 19 Tahun 2020
- Sijil Ketua Audit Negara Dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 Bagi Dua Belas (12) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.
    1. Majlis Bandar Raya Shah Alam
    2. Majlis Bandar Raya Petaling Jaya
    3. Majlis Perbandaran Klang
    4. Majlis perbandaran Ampang Jaya
    5. Majlis Perbandaran Subang jaya
    6. Majlis Perbandaran Selayang

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

7. Majlis Perbandaran Kajang
8. Majlis Perbandaran Sepang
9. Majlis Perbandaran Kuala Langat
10. Majlis Daerah Kuala Selangor
11. Majlis Daerah Hulu Selangor dan
12. Majlis Daerah Sabak Bernam

Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, Pertanyaan-pertanyaan

**TUAN SPEAKER :** Saya mempersilakan Bukit Lanjan.

**Y.B. TUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Tuan Speaker.  
Tuan Speaker soalan nombor 1.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING (N37 BUKIT LANJAN)**

#### **TAJUK : KEGANASAN RUMAH TANGGA SEMASA PKP**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Berapa kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan di Negeri Selangor sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?
  - b) Apa bantuan dan sokongan telah diberi kepada mangsa-mangsa oleh Kerajaan Negeri?
  - c) Apa yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengelak kes keganasan rumah tangga berulang lagi?

#### **JAWAPAN:**

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Selamat pagi. Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakah. Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Lanjan, yang bertanya keganasan rumah tangga PKP. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat berdasarkan statistik, bilangan kes keganasan rumah tangga yang telah dilaporkan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah sebanyak 90 kes. Statistik kes mengikut

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

pecahan Dewan Undangan saya ada yang penuh namun saya hanya akan membaca 3 yang tinggi pertama N40 : Kota Anggerik ada 10 kes. Yang kedua N34 Bukit Gasing dan untuk Bukit Lanjan hanya 4 orang. Itu adalah yang lain kalau nak tahu tu saya bagi secara nilai ya. Untuk makluman untuk Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor sentiasa prihatin terhadap kebajikan mangsa keganasan rumah tangga. Di antara tindakan-tindakan yang diambil bagi membantu mangsa keganasan rumah tangga oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

1. Membantu mangsa keganasan rumah tangga bagi memfailkan permohonan Perintah Perlindungan Interim di mahkamah;
2. Mengadakan dan mengatur pengangkutan bagi mangsa ke kediaman alternatif atau tempat selamat atau tempat berlindung sekiranya mangsa memerlukan;
3. Mengadakan dan menguruskan pengangkutan bagi mangsa ke hospital/ tempat kemudahan perubatan yang terdekat bagi rawatan kecederaan sekiranya diperlukan;
4. Memberi penerangan dan advokasi kepada mangsa tentang hak untuk mendapatkan perlindungan terhadap keganasan rumah tangga;
5. Menemani mangsa ke kediamannya untuk mengambil barang-barang kepunyaannya;
6. Memberi sokongan bantuan kewangan menerusi Tabung Bantuan Segera (TBS) atau mana-mana skim bantuan kewangan bulanan kendalian JKM sekiranya mangsa layak dan memerlukan dan terakhir sekali, menyediakan khidmat kaunseling dan sokongan kepada mangsa yang memerlukan.

Kerajaan Negeri juga melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan dan Wanita melalui kerjasama sebuah badan bukan kerajaan iaitu WAO atau pertubuhan Pertolongan Wanita telah menjalankan projek komuniti selamat bersepada. Yang menekankan keterlibatan kesejahteraan hak perlindungan dalam komuniti termasuk keperluan meruncing untuk mereka dapat menetap di tempat yang bebas dari keganasan khususnya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan PKP yang lalu. Hasil daripada program usaha sama ini pihak WAO telah menerima jumlah peningkatan yang signifikan dari aspek jumlah aduan atau panggilan ke atas talian hotline. bantuan keganasan rumah tangga WAO seperti berikut. Dalam bulan Januari 266, dalam Februari 250, bulan Mac 361 dan dalam bulan April 898 kes ataupun panggilan telefon. Selain itu sepanjang sebulan setengah iaitu dari pertengahan April hingga Mei 2020 sejumlah 21 orang wanita dan kanak-kanak telah berjaya dilindungi setelah mereka melalui keganasan rumah tangga. Seramai 10 orang wanita sebagai keganasan rumah tangga telah diberi perkhidmatan dan tempat selamat. Manakala anak-anak mereka berjumlah 11 orang

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

keseluruhannya yang datang ke kawasan daripada Ampang Jaya, Petaling Jaya, Shah Alam, Rawang dan Kajang. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Kerajaan Negeri berpendapat, isu keganasan rumah tangga ini memerlukan penggembangan tenaga dan kerjasama daripada semua pihak bagi memastikan ianya dapat dibendung. Selain daripada tindakan penguatkuasaan undang-undang yang dijalankan oleh pihak Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, antara langkah-langkah lain yang boleh diambil adalah seperti berikut, mewujudkan rangka kerja tindakan balas kecemasan atau pun *Emergency Respon Frame Works*. Usaha ini melibatkan penyesuaian SOP Perkhidmatan, Sokongan dan Perlindungan bagi mangsa mengikut konteks kecemasan supaya persefahaman dan jelas terbentuk antara semua pihak Agensi Pihak Bukan Kerajaan dan mangsa ketika krisis melanda. Kedua mengukuhkan akses mangsa kepada perkhidmatan asas seperti rumah perlindungan sementara perkhidmatan sokongan sosial supaya Negeri Selangor mampu berdepan dengan segala keganasan rumah tangga secara lebih efektif terutamanya dalam keadaan kecemasan. Ketiga memantapkan sokongan bagi barisan hadapan contohnya pegawai Polis, JKM, Hospital yang memainkan peranan penting dalam menghubung mangsa kepada perkhidmatan sokongan ini. Melalui pembiayaan bengkel latihan bersama bagi pegawai barisan hadapan dalam pengendalian kes keganasan terhadap wanita. Kedua penambahan dan pembiayaan jawatan pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat yang dikhatuskan untuk pengendalian kes keganasan. Memantapkan mekanisme antara agensi yang sedia ada, mesyuarat antara agensi 2 kali setahun supaya tindak bersama dan pengumpulan data dapat diselaraskan. Akhir sekali memperbanyakkan khidmat masyarakat mengenai saluran pertolongan kepada mangsa-mangsa keganasan rumah tangga. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN LAI WAI CHONG : Soalan tambahan.**

**TUAN SPEAKER : Teratai**

**Y.B. TUAN LAI WAI CHONG : Adakah Kerajaan memberi kuasa ataupun bajet kepada PWB supaya mereka boleh memainkan satu peranan untuk membantu kes tersebut?**

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Teratai. Sebenarnya tidak ada dana khas untuk membantu mangsa-mangsa keganasan rumah tangga melalui PWB. Namun penyelia-penyelia PWB sudah menjalani khusus dan mereka terlibat dalam pembentukan Komuniti Selamat untuk mereka menerima aduan dan juga menghubungkan mangsa-mangsa keganasan dan di dalam kursus-kursus ataupun kempen-kempen kesedaran keganasan terhadap wanita ataupun *Violence Against Women* ini adalah antara perkara pembinaan kapasiti kepada semua**

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

penyelia-penyelia PWB dan juga aktivis-aktivis masyarakat supaya mereka lebih peka terhadap keganasan rumah tangga dan mereka tahu apakah yang patut dilakukan tapi yang paling kritis di semua kawasan ADUN-ADUN juga perlu mengambil peka terhadap perkara ini sekiranya ada kes-kes seperti ini datang kepada Yang Berhormat Adun sekalian, saya mohon untuk cepat melaporkan dan menghubungi pihak kita supaya kita dapat menyelamatkan mereka dan melindungi mereka. Seterusnya kempen yang paling saya ingat semua orang tanam di dalam fikiran benak hati kita telah penyelesaian di dalam rumah tangga ataupun di dalam keluarga bukan melalui keganasan dan semua wanita perlu ditanam daripada kecil apa pun kesalahannya, dia tidak boleh dipukul oleh suami atau dikasari oleh suami. Sekiranya ini ada, maka kali pertama ia mereka diganasi dalam rumah tangga mereka sudah tahu apa buat. Kerana penyakit keganasan rumah tangga ini adalah mental suami itu bukan salah isteri. Jadi saya harap semua kita peka kepada keganasan rumah tangga dan langkah-langkah semua kita semua mainkan untuk kita membanteras penyakit ini. Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO menyebutkan bahawa jumlah kes 90 sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan dan penambahan bilangan jumlah panggilan-panggilan daripada Januari sehingga kini. Adakah jumlah kes yang signifikan berlaku dibandingkan dalam tempoh kawalan pergerakan dengan sebelum itu. Apakah jenis kategori keganasan yang berlaku dalam tempoh PKP ini ? Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Kes ini saya tidak dapat *figure* yang sebelumnya ya, sebelum PKP tapi mengikut laporan lisan yang telah diberikan kepada saya memang meningkat dan kajian yang ada, nanti saya bentang kemudian ada lagi soalan. Kajian IWB sendiri semasa tempoh PKP ini memang meningkat tapi daripada panggilan talian telefon yang saya dedahkan tadi, yang diterima oleh WAO itu sudah menunjukkan bahawa Januari 266, Februari 250, dalam Mac 361 dalam bulan April 898 kes, semuanya mengenai keganasan rumah tangga. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Taman Templer.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Terima kasih. Tuan Templer cuma nak bertanya soalan tambahan kepada Yang Berhormat EXCO. Pecahan kaum, pecahan kaum dan juga maksudnya keganasan rumah tangga ni banyak berlaku di mana, di kampung ke? Di tepi pantai ke? Di bandar ke? Yang ini EXCO kena jawablah.

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Yang Berhormat Taman Templer, yang sebenarnya, data tu ada tapi kita tak bawa ke sini sebab tak sangka soalan pecahan kaum itu. Sama ada di tepi pantai ke apa, tetapi masa PKP di rumah lah sebab mereka tak boleh pergi ke pantai.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Maksudnya Tuan Speaker rumah di tepi pantai. Rumah di tepi pantai. Sebab tak boleh keluar musim PKP ni kan. Tu yang tanya tu.

**TUAN SPEAKER** : Pagi ini Taman Templer nampaknya ceria sikitlah. Bersemangat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Bandar Utama

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN** : Terima Kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 2.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN (N36 BANDAR UTAMA)**

#### **TAJUK : PEMBANGUNAN SISTEM PANGKALAN DATA DAN MAKLUMAT WARGA MISKIN DI SELANGOR**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa cadangan di masa hadapan terdekat bagi membangunkan sistem pangkalan data warga miskin di Selangor supaya Kerajaan Negeri mempunyai maklumat penuh mengenai status pendapatan keluarga serta bantuan-bantuan yang telah diterima oleh mereka dari pelbagai pihak?

#### **JAWAPAN:**

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Tuan Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Bandar Utama, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi sentiasa prihatin dan peka dalam membantu meringankan beban hidup rakyat. Kepekaan ini telah direalisasikan melalui program-program di bawah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR). Di bawah Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi sendiri, program pembasmian kemiskinan dan pengupayaan ekonomi telah dilaksanakan sejak tahun 2008 lagi. Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan telah berjaya memberi manfaat kepada 4,506 orang miskin di negeri Selangor manakala Program Pemberian Bantuan Secara Baucar Untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan telah berjaya membantu seramai 609,632 orang miskin dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM60,963,200.00.

Oleh yang demikian, dalam usaha menambah baik program-program sedia di bawah bantuan IPR, Kerajaan Negeri sedang membangunkan satu sistem yang dipanggil Sistem *Smart* Inisiatif Peduli Rakyat nama singkatannya (SSIPR) yang bertujuan untuk memudahkan rakyat dalam membuat permohonan dan membantu Kerajaan Negeri dalam pengurusan dan pemantauan maklumat serta data keseluruhan IPR. Melalui SSIPR ini, kesemua 33 program di bawah IPR akan disatukan di dalam satu gerbang informasi bagi membolehkan rakyat mendapat maklumat dan mendaftar secara dalam talian bagi inisiatif yang layak dimohon dengan lebih mudah. Projek SSIPR telah dibangunkan secara berkala dan akan siap sepenuhnya pada November 2020.

Sistem ini secara tidak langsung akan mewujudkan satu pangkalan data bagi kesemua rakyat Negeri Selangor khususnya warga miskin mengenai maklumat pemohon, pendapatan individu mahupun isi rumah dan segala inisiatif yang telah diterima oleh mereka dari Kerajaan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri juga sentiasa berusaha untuk memantapkan lagi SSIPR selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri untuk menjadi *Premier Regional Smart State* menjelang tahun 2025.

**TUAN SPEAKER** : Bandar Utama

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN** : Terima kasih Tuan Speaker. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO kerana menerangkan pelbagai program kebaikan di Negeri Selangor dan juga menerangkan akan adanya sistem yang baru. Cuma saya ingin tanya di sini apa yang saya lebih minat untuk ketahui adalah sekiranya sistem yang baru akan diwujudkan akan diwujudkan adakah dia berkaitan dengan pangkalan data daripada jabatan kerajaan yang lain, contohnya adakah kita akan mengetahui sekiranya penerima bantuan juga ini juga menerima bantuan zakat ataupun merupakan penerima bantuan daripada JKM dan sebagainya. Terima kasih.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih Bandar Utama. Saya difahamkan pembangunan sistem ini adalah berkaitan rapat dengan program-program Kerajaan Negeri Selangor. Saya juga tidak dibekalkan dengan maklumat tentang zakat dimasukkan sekali lagi saya percaya JKM tak masuk bersama ia hanya melibatkan program-program IPR dan juga bantuan-bantuan khas daripada Kerajaan Negeri Selangor

**TUAN SPEAKER** : Saya persilakan Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Tuan Speaker, minta izin duduk. Soalan saya soalan nombor 3.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB**

**(N18 HULU KELANG)**

#### **TAJUK : COVID-19**

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah dalam RM yang telah disalurkan oleh Kerajaan Selangor sepanjang tempoh menghadapi penularan COVID-19. Nyatakan pecahan atau tujuan kegunaan dana yang disalurkan.

#### **JAWAPAN :**

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** *Bissmillahhirrahmannirrahim*, terima kasih Tuan Speaker. Soalan ini saya akan jawab bersekali dengan soalan mulut No. 73 (a) dan (c) berkenaan dengan Covid-19 juga daripada Hulu Kelang. Soalan No. 228 – Perbelanjaan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (Mac – Jun) oleh Bukit Lanjan, Soalan No. 285 – Bantuan Covid-19 daripada Sungai Burong dan soalan No. 293 (a) dan (b) – Bantuan Rakyat daripada Sungai Air Tawar.

- a) Kerajaan Negeri telah menyediakan bantuan kepada penduduk-penduduk di seluruh Negeri Selangor di bawah Pakej Rangsangan Selangor Prihatin. Di bawah Pakej ini, terdapat sebanyak 42 inisiatif telah diperkenalkan yang melibatkan impak kewangan berjumlah RM 413,933.00 Juta.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

Perincian bagi inisiatif berserta jumlah peruntukan adalah seperti berikut. Insentif RM200 kepada petugas hospital yang melibatkan perbelanjaan RM 1.18 Juta dan penerimanya adalah sebanyak 5,931. Bantuan makanan kepada petugas hospital di Negeri Selangor yang menelan belanja RM 192,000.00 dengan 2,161 menerima bantuan dan sokongan. Penangguhan bayaran sewaan selama 3 bulan di bawah Skim Smart Sewa dengan impak kewangan RM 600,000.00 kepada 2,733 orang. Peningkatan had nilai daripada RM 20 Ribu kepada RM 30 Ribu bagi aktiviti-aktiviti Mesra Rakyat bagi pembelian keperluan asas melibatkan impak RM 1.68 Juta kepada 33 Ribu penduduk-penduduk Negeri Selangor. Pemberian insentif sebanyak RM 500 One Off kepada penjaja-penjaja yang melibatkan perbelanjaan RM 11,442,000.00 kepada 22,884 orang. Pengecualian sewa 1 bulan di premis PBT kepada penjaja-penjaja berlesen yang melibatkan perbelanjaan RM 2.78 Juta kepada 12,516 orang. Penangguhan bayaran balik selama 3 bulan bagi usahawan Skim HIJRAH yang melibatkan peruntukan sebanyak RM 70 Juta kepada 39,818 orang. Bantuan sara diri sebanyak RM 200 kepada pelajar Selangor di IPTA di Sabah dan Sarawak atau pun di Borneo yang melibatkan peruntukan RM 141,400.00 kepada 986 orang. Bantuan makanan kepada pelajar-pelajar UNISEL, KUIS dan INPENS yang melibatkan RM 37,200.00 dan melibatkan 270 orang. Dan ke-10, program mudah cara urus diri Mahasiswa sempena Perintah Berkurung oleh Pihak Berkuasa Mesir yang melibatkan RM 49,800.00 kepada 1,365 orang. Itu untuk fasa pertama dan ia melibatkan 122,264 orang mendapat manfaat.

Untuk insentif kedua, Penjagaan Anak-anak *Frontliner* dengan perbelanjaan lebih kurang RM 63,300.00. Bantuan makanan kepada petugas barisan hadapan sekali lagi kepada RM 326,080.00. Bantuan makanan kepada petugas media sebanyak RM 93,472.00. Keperluan *Task Force COVID* Selangor sebanyak RM 50,000.00. Bantuan Smart Selangor daripada KLIA ke hotel atau pun Bas Smart Selangor yang bergerak dari KLIA ke hotel-hotel kuarantin sebanyak RM 2.038 Juta. Membekalkan topeng muka, *hand sanitiser* dan sarung tangan RM 2.6 Juta. Operasi stesen kuarantin penempatan *Person Under Surveillance* di ILIM dan ILKAP sebanyak RM 927,919.03. Penambahan atau pun menaik taraf Program Skim Peduli Sihat RM 42,500,000.00. Saringan/ *mass-test* di kawasan *hot spot* wabak Covid-19 sebanyak RM 3.66 Juta. Bantuan kepada warga Selangor yang dijangkiti wabak Covid-19 RM 162 Ribu setakat ini. Program kesihatan mental RM 151,900.00. Pengecualian Denda Lewat Untuk Pembayaran Cukai Taksiran RM 12.8 Juta. Peningkatan had berbelanja bagi program/ aktiviti mesra rakyat RM 3.3 Juta. Pemberian kepada Ahli-ahli Majlis dan sebanyak RM 10k atau pun RM 5k RM 2.44 Juta. Perluasan Skop bagi peruntukan MPKK dan KKI adalah sebanyak RM 2.4 Juta. Bantuan kewangan RM 400 kepada penerima program *Blueprint* kumpulan F&B yang terjejas RM 430,000.00. Bantuan makanan asas kepada Agropreneur (Pendapatan bersih RM 1,500 ke bawah) RM500,000.00. Dan bantuan kepada petani, penternak, nelayan dan IAT RM 1.5 Juta. *Sustainability of food supply* atau yang dipanggil Selangor

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

Agro Market (SAM) melibatkan RM 1 Juta *revolving fund*. Membangunkan platform e-learning RM 246,000.00. Penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor RM 6 Juta. Bantuan makanan untuk mahasiswa UNISEL dan KUIS RM 73,000.00 dan tempoh bayaran premium dilanjutkan selama 1 bulan bagi pemegang notis 5A dan 7G yang tamat pada tempoh pelaksanaan PKP melibatkan peruntukan RM 87.8 Juta. Tabung Khas Bantuan Covid-19 RM 2.1 Juta. Inisiatif *Selangor Pay* belum lagi diberlakukan. Manakala keseluruhan lagi kita turut memberikan beberapa program seperti pemberian sumbangan kepada masyarakat Orang Asli sebanyak RM 288,000.00. Bantuan susu bayi dan lampin pakai buang melalui Pusat Wanita Berdaya sebanyak RM 336,000.00. Keseluruhannya, melalui peruntukan yang kita telah sediakan RM 413 Juta kita telah berbelanja lebih kurang RM 262 Juta dan ia melibatkan 3.5 juta rakyat Negeri Selangor atau pun 54% daripada keseluruhan populasi rakyat di Negeri Selangor, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Tuan Speaker,  
soalan Sementa, No. 4.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI (N43 SEMENTA)**

#### **TAJUK : PEMILIKAN RUMAH (HOC) KEPADA PEMBELI WARGA ASING**

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Berapa bilangan rumah mewah yang tidak terjual di Negeri Selangor? Mohon nyatakan mengikut daerah.
  - b) Berapakah bilangan rumah mewah yang terjual dan manfaat kewangan kepada Kerajaan Negeri?
  - c) Adakah Kerajaan Negeri bersedia membuka penjualan rumah mewah ini kepada warga asing?

#### **JAWAPAN :**

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Sementa. Untuk soalan (a) tiada definisi yang jelas menerangkan apakah istilah rumah mewah di Negeri Selangor. Manakala bagi (b), Pejabat Tanah Dan Galian Selangor melalui Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bil. 2/2020 yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ket-36 2019, mengadakan Program Khas berkenaan Had Harga Jualan dan Perolehan Hartanah bagi warga negara asing di Negeri Selangor. Melalui pekeliling ini, rumah dari jenis banglo dan teres berkembar atau pun *Semi-D* berharga minimum RM 2 Juta yang belum terjual oleh pemaju dan telah mendapat *Certificate of Completion And Compliance* atau pun CCC sehingga tahun 2018 boleh dijual kepada warga negara asing. Program khas ini sah sehingga 31 Disember 2020. Pengasingan harga yang ada di dalam atau pun jenis rumah yang ada di Negeri Selangor ialah dipanggil sebagai harga kawalan dan harga bebas. Ia tidak ada soal murah atau pun kos sederhana itu mungkin *level-level* yang telah diberikan oleh pemaju.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya No. 5.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN (N03 SUNGAI PANJANG)**

#### **TAJUK : TARAF EKONOMI LUAR BANDAR**

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Apakah bantuan-bantuan Kerajaan yang tersedia untuk para usahawan desa?
  - b) Adakah Kerajaan telah mengenal pasti produk-produk khusus untuk dijenamakan sebagai "Made in Selangor"?

#### **JAWAPAN :**

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Sungai Panjang. Soalan sekitar tentang taraf ekonomi luar bandar. Izinkan saya menjawab iaitu Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi telah merangka dan

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

melaksanakan pelbagai program yang memfokuskan pemberdayaan ekonomi desa dan kampung tradisi. Malah ada 2 program yang terbesar iaitu pertama Program Sara Ekonomi Desa dan keduanya Program Sarang Ekonomi Desa yang telah dilaksanakan jayanya pada 2019. Di antara program yang telah dijalankan di bawah Program Sarang Ekonomi Desa iaitu satu inisiatif baharu untuk meningkatkan taraf ekonomi dan pendapatan golongan B40. Objektif utama program ini adalah untuk merancakkan serta mempelbagaikan aktiviti perniagaan khususnya di lokasi tumpuan pelancongan. 2019 kita memilih Kelip-kelip atau pun Kuala Selangor sebagai perintis untuk projek atau pun program ini dan Kerajaan Negeri telah pun berhasrat agar program ini bukan sahaja memacu pembangunan lestari kawasan luar bandar tetapi meningkatkan tahap pendapatan penduduk tanpa perlu berhijrah ke kawasan bandar. Potensi pendapatan baharu dan tambahan boleh dijana melalui khidmat promosi pelancongan, restoran dan hidangan makanan tempatan, produk hiliran, penginapan, cenderamata dan kraf tangan serta rekreasi kampung yang bakal memberi manfaat kepada peserta program.

Untuk makluman Yang Berhormat, tahun lepas kita telah pun daripada pemilihan 52 peserta, 43 peserta telah pun berjaya di lahirkan daripada Sarang Ekonomi Desa ini dari pelbagai jenis perniagaan dan antaranya 20% telah pun peningkatan pendapatan daripada tidak sampai 1 angka sekarang ini telah pun mencelah kepada 2 angka dan 3 kali ganda khususnya.

Dan program kedua ialah program Industri Kampung iaitu kita khususkan kepada Program Kulinari iaitu Program Khusus pembuatan dan penyediaan kuih-kuih tradisional, pastri, kek dan sandwich di mana 444 peserta telah pun terlibat dan akhirnya mereka bukan saja telah pun berjaya membuat penyediaan kuih-kuih yang berasaskan kulinari ini, tetapi mereka juga telah dapat kita gabungkan dan gandingkan dengan pasaran tempatan di restoran-restoran yang mana produk itu sebenarnya berkualiti tinggi yang mana mereka dibimbing oleh chef-chef yang betul-betul mendapat pengiktirafan daripada negara.

Kerajaan Negeri telah melaksanakan usaha mempromosi produk-produk keluaran usahawan tempatan ke pasaran domestik dan antarabangsa. Bagi mempertingkat mutu dan kebolehpasaran produk keluaran Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan menganjurkan program Pembungkusan Produk *Made In Selangor*. Melalui program-program promosi yang dijalankan, banyak produk keluaran usahawan Selangor mempunyai potensi untuk diketengahkan. Dalam usaha untuk memastikan kualiti produk yang dihasilkan menepati standard yang ditetapkan. Tahun lepas kita telah bekerjasama dengan pihak SIRIM dan boleh dikatakan sehingga kini hampir 70 usahawan menerima bantuan pembungkusan tahap asas dan 24 usahawan telah pun berjaya kita bawa ke promosi antarabangsa. Apa yang saya ingin nyatakan di sini setiap tahun peruntukan untuk program ini sebanyak RM 550,000.00 dan

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

alhamdulillah tahun ini kita telah mengembangkan sedikit hubungan atau pun program pembungkusan ini dengan kita mencadangkan DDEC dengan izin atau pun *Malaysian Design Development Center* Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia akan bersama dengan produk *Made In Selangor*. Yang penting bukan sahaja mereka boleh menghasilkan produk tetapi ada di kalangan produk-produk itu yang boleh diketengahkan dan mereka perlu mendapat *intellectual property* dengan izin untuk memastikan tidak ada jiplak atau pun cetak rompak kepada produk yang dihasilkan. Jadi buat masa ini program tersebut terbuka kepada semua kategori produk dan kriteria pemilihan untuk program ini juga begitu ketat khususnya dia tak bolehlah sebarang produk tetapi kita buat pemilihan mesti beroperasi telah ada *bisness* dan ia boleh dipasarkan dengan baik. Jadi itu sahaja Tuan Speaker, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Tuan Speaker, soalan tambahan saya. Apakah faktor utama dalam memasarkan jenama *Made In Selangor* ini. Dan boleh nyatakan contoh-contoh produk yang telah berjaya menembusi pasaran luar negara dan apakah impak kepada perindustrian tersebut.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Sungai Air Tawar, saya tidak ada maklumat lengkap tetapi pada asasnya saya boleh gambarkan produk-produk ini boleh dikatakan separuh daripadanya adalah produk-produk F&B atau pun makanan dan minuman. Selain daripada itu, ada juga produk-produk contohnya kita ada produk batik Selangor, kita ada produk hasil daripada kraf tangan, juga diketengahkan. Tetapi asasnya faktor utama yang kita pilih adalah produk-produk yang kita rasa ada potensi untuk dipasarkan. Ingin saya maklumkan dalam Dewan Negeri ini ada satu produk yang kita tak jangkakan dia mendapat pasaran antarabangsa iaitu Ikan Patin Tempoyak. Kita rasakan ini produk kegemaran tempatan, tetapi bila kita bawa ke luar negara khususnya di Negeri China tahun lepas, kita dapat produk ini mendapat minat daripada peserta sana daripada penduduk di sana, akhirnya produk ini telah mula dipasarkan. Jadi dengan *packaging* yang betul, dengan kita membantu usahawan-usahawan tempatan kita khususnya di luar bandar, daripada pasaran, bahan mentah yang mereka ada, mereka boleh buat *packaging* yang tahan lama, yang boleh dieksportkan, akhirnya kita lihat kejayaan ini boleh di bawa ke tengah dan akhirnya *inshaAllah* urusan-urusan ini telah pun dapat berjaya membuka rangkaian-rangkaian perniagaan dengan pihak-pihak yang sedia ada, *inshaAllah* terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Sijangkang.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan supaya sumber bahan mentah terutamanya daripada sudut produk daripada uBC sentiasa berada di dalam keadaan yang mencukupi kerana di Kuala Langat antaranya yang mengeluarkan produk hasil daripada uBC ini selalu diutarakan kekurangan bahan mentah di Negeri Selangor ini.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Sijangkang, sebenarnya tahun ini kita telah memulakan satu program di bawah pengembangan sara ekonomi desa di mana kita bekerjasama dengan pihak pertanian khususnya untuk memastikan juga produk-produk bahan mentah ini dapat kita hasilkan. Yang terkini dalam dua minggu lepas saya telah pun berbincang tentang bagaimanakah kita boleh membuat Program Saraan Ekonomi Desa berdasarkan cili terlebih dahulu kerana ianya sebenarnya mendapat satu permintaan yang tinggi cili untuk kita menghasilkan *Insya Allah* kalau tidak menjadi aral, 260 peserta akan bersama dalam program ini yang akan membuat penanaman cili dengan kaedah pemodenan iaitu fertigasi. Kita ambil maklum, bahawa bahan-bahan mentah ini menjadi faktor utama kadang-kadang menyebabkan usahawan luar bandar ini tidak *sustain* dalam perniagaan mereka. Sebab itu di bawah Program SELDAC iaitu *Selangor Delivery Chain* kita akan ada satu usaha di mana tak semestinya pengumpulan bahan-bahan mentah ini datang daripada pihak-pihak yang mengeluarkan barang secara besar. Hatta jika mereka ada sekilo, dua kilo di belakang rumah ataupun di sekeliling di kawasan mereka itu juga mereka boleh mengajukan atau menjual secara *direct* kepada pihak SELDAC ini dan SELDAC akan buat pengumpulan dan akhirnya pihak usahawan yang memerlukan bahan mentah ini boleh membeli secara langsung daripada pihak orang-orang kampung yang mempunyai bahan-bahan mentah ini. Jadi itu sahaja, terima kasih.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Silakan Sungai Panjang.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga Yang Berhormat EXCO, soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan akses terhadap dengan bantuan-bantuan yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat EXCO sebentar tadi. Yang paling mustahak kepada pengusaha-pengusaha di luar bandar ini, usahawan-usahawan di luar bandar ini bukan sahaja daripada segi *packaging* untuk mereka menembusi pasaran domestik dan juga antarabangsa tetapi untuk mereka mendapatkan pensijilan ataupun dengan izin *certification* berkenaan dengan produk-produk mereka khususnya produk-produk yang berdasarkan makanan ini. Jadi bagaimana untuk usahawan-usahawan ini mendapatkan

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

akses terhadap bantuan dan juga sokongan daripada pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Sungai Panjang. Pertama, akses bagaimakah pihak-pihak luar bandar atau masyarakat luar bandar ini pertama melalui ketua kampung masing-masing. Ketua Kampung akan mengutarakan dan mengetengahkan apakah program-program yang boleh diketengahkan melalui sistem *profile* kampung yang telah kita mulakan seawal 2019 kita telah pun mengenal pasti sebenarnya berapa ramai yang telah membuat perniagaan di dalam kawasan kampung. Daripada situ kita memilih dan ketua-ketua kampung mengangkat perkara ini dalam perbincangan dalam mesyuarat dan akhirnya kita pilih bagaimana mereka perlu, siapa yang layak untuk kita ketengahkan, itu pertama. Yang keduanya bukan sahaja kita hanya melihat, kalau kita melihat tentang pasaran antarabangsa pastinya persijilan amat penting sebab itu produk *made in Selangor* ini dia bersekali dalam memastikan bukan sekadar membuat pembungkusan dengan baik, *design* yang cantik dan sebagainya tapi kita pastikan ianya boleh mendapatkan pasaran. Saya rasa di bawah Bandar Baru Klang telah pun membuat banyak program. Program-program untuk memastikan usahawan-usahawan yang ada ini dapat dilatih supaya pensijilan ini dapat dibuat dengan baik jadi usaha sama kami ini sebenarnya dapat memberikan hasil yang baik kalau tak silap saya 100 orang setiap tahun dipilih untuk memastikan mereka mendapatkan pensijilan-pensijilan yang sewajarnya yang ditentukan oleh kerajaan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sijangkang ! Sungai Panjang! Sijangkang ! Minta maaf Sijangkang betul.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 6.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI (N51 SIJANGKANG)**

#### **TAJUK : PRESTASI KAWALAN PEMBAKARAN TERBUKA**

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah status kes yang berlaku dan prestasi kawalan pada tahun ini berbanding 3 tahun yang lalu?

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

### **JAWAPAN :**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih kepada Tuan Speaker. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor setakat dari 1 Januari 2020 sehingga 30 Jun 2020 sebanyak 982 aduan pembakaran terbuka diterima berbanding dengan 3 tahun yang lepas adalah seperti berikut :-

TAHUN	KES
2019	2,054 kes
2018	1,516 kes
2017	1,066 kes

JAS Negeri Selangor telah mengambil tindakan perundangan merupakan bayaran kompaun dan juga kertas siasatan terhadap kes-kes pembakaran terbuka berdasarkan dapat dikenal pasti pelaku ataupun pemilik tanah. Berikut merupakan bilangan tindakan perundangan yang telah diambil iaitu :-

TAHUN	TAWARAN KOMPAUN	KERTAS SIASATAN
2020	Setakat 30 Jun 2020, 14 kes	1
2019	49 kes	2
2018	62 kes	9
2017	24 kes	9

Untuk keseluruhan prestasi kawalan bagi tahun 2020 setakat ini hanya kompaun 14 iaitu ada pengurangan berbanding tahun lepas. Kita harap pada berikutnya 6 bulan ini kita dapat mengurangkan kompaun yang akan keluar. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Silakan Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Pembakaran terbuka nampak berkurangan saya ingat mungkin sebab PKP. Adakah pembakaran terbuka ini ada beberapa kategori yang kita boleh kategorikan dan pembakaran hutan adakah juga termasuk dalam laporan tertentu terima kasih.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Ya yang ini memang, kita memberi fokus kepada bukan setakat pembakaran di untuk kediaman dan kilang tapi juga bagi keutamaan kepada kebakaran di hutan, hutan-hutan simpan yang selalu berlaku kebakaran di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya kepada Yang Berhormat EXCO, pembakaran terbuka ini memang di Ijok itu memang teruk dan kronik. Banyak tindakan telah diambil, saya hendak tanya Kerajaan Negeri Selangor sama ada tindakan yang lebih serius iaitu merampas hak-hak pemilik tanah yang berkali-kali telah melanggar undang-undang pembakaran terbuka. Adakah kes-kes yang telah tanah-tanah yang telah dirampas oleh Kerajaan Negeri Selangor?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih Yang Berhormat Ijok, so bagi mengurangkan kes pembakaran terbuka Kerajaan Negeri mengambil tindakan dengan melaksanakan pengacara seperti berikut, yang pertama untuk tanah kita telah mengenal pasti di beberapa bidang tanah dekat Johan Setia di mana kita dapat tak ada owner langsung tak dapat dikesan owner dia so kita kalau insiden ini berlaku terus berlaku kita akan ambil tindakan rampasan dan apa yang berlaku di Ijok merupakan pembakaran sampah terutama *recycle* so beberapa kes-kes diterima dan kita akan ambil tindakan undang-undang atau kita akan teruskan untuk...

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Boleh saya tambah, pembakaran yang teruk ialah pembakaran tempurung di kilang-kilang hak milik orang yang boleh dikesan tetapi bila tindakan telah diambil iaitu di beri *fine* tetapi dua tiga bulan dia mula balik, itu yang saya hendak beritahu pada Kerajaan Negeri Selangor, tindakan lebih serius sepatutnya diambil tentang pengusaha atau hak milik kilang-kilang yang berkali-kali melanggar syarat.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Saya tak ada maklumat untuk kilang-kilang tersebut. Saya akan dapatkan maklumat ini dan saya akan bagi jawapan bertulis untuk Yang Berhormat Ijok.

**TUAN SPEAKER** : Dengkil, soalan.

**Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH** : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, soalan nombor 7.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

### **TAJUK : ISU PENYEWA KEDAI PBT**

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi kelonggaran kepada peniaga dari segi pengurangan sewa, penyediaan tempat kondusif untuk peniaga serta pengunjung serta lain-lain inisiatif bagi membantu peniaga-peniaga kecil yang terjejas akibat COVID?

### **JAWAPAN :**

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Tuan Speaker, soalan ini akan dijawab bersekali dengan soalan nombor 64 daripada Yang Berhormat Gombak Setia. Selama ini Kerajaan Negeri melalui PBT juga telah menghasilkan peluang penjajaan kepada rakyat Selangor khususnya mengikut kekosongan unit atau tapak gerai yang sedia ada. Sedar akan desakan yang dihadapi akibat penularan COVID 19, Kerajaan Negeri telah memberikan kelonggaran kepada peniaga dari segi pengecualian bayaran sewa premis PBT bagi bulan April dan Mei bagi tahun 2020 dan kelayakan pengecualian adalah kepada penyewa yang telah mempunyai lesen tahun 2020 serta mematuhi komitmen bayaran sewa bulanan. Selain itu Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan insentif RM 500 kepada para penjaja dalam Pakej Ransangan Ekonomi Selangor Prihatin. Sebanyak 22,884 penjaja di seluruh Negeri Selangor telah mendapat manfaat tersebut dengan jumlah peruntukan sebanyak RM 11,442,000.00. Persediaan latihan dan pematuhan dan pemantauan kaedah pelaksanaan aktiviti norma baru bagi memastikan pengunjung berasa selamat dan selesa untuk kembali mengunjungi gerai-gerai dan premis-premis perniagaan dan juga merupakan salah satu usaha bagi membantu semula pemuliharaan pasca ekonomi COVID 19. Bagi tujuan itu Kerajaan Negeri telah mengendalikan kempen B.E.L.I. sebagai rujukan tabiat membeli belah dan norma baru. B bererti beratur dan mengamalkan penjarakan sosial. E penggunaan *E-Wallet* sebagai alternatif pembayaran dan L lajukan proses pembelian, I imbas QR Code Selangkah bagi memudahkan *contact tracing*. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Dengkil.

**Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH :** Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO. Pertama kali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Besar kerana telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga ini

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

sewaan percuma di masa COVID namun begitu saya ingin mencadangkan atau bertanya adakah pihak PBT ingin meneruskan cadangan kepada peniaga yang melebihi 10 tahun agar dinilai semula kepada permohonan peniaga yang baru memandangkan 10 tahun ini sebelum PKP mendatangkan beberapa isu yang agak memberikan kesan kepada PBT itu sendiri dan saya ingin bertanya adakah 10 tahun peniaga itu akan dilanjutkan atau dinilai semula, sekian.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Yang Berhormat Dengkil, Kerajaan Negeri sebenarnya telah menurunkan arahan kepada semua PBT untuk mengkaji semula tempoh 10 tahun. Sekiranya telah sampai kepada tempoh 10 tahun PBT akan mengkaji kesesuaian adakah lesen tersebut akan di lanjut ataupun di tamat dan diberi peluang kepada pemohon yang lain. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Klang.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya adalah dalam konteks dalam sekarang ini apabila dilepaskan saja boleh bermiaga, orang nak bermiaga melainkan di tempat-tempat yang tidak sah. Penguatkuasaan berlaku, adakah rancangan kerajaan untuk selepas beberapa bulan rakyat tidak dapat bermiaga dan dapat hasil pendapatan diberikan peluang yang peluang ini PBT-PBT mencadangkan kawasan-kawasan tertentu untuk dua atau tiga bulan peniaga terutamanya penjualan durian Musang King.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Bagi saya kalau tak salah faham apa Yang Berhormat maksudkan tu adalah bagi penjaja sementara di tepi jalankan? Bagi penjaja di tepi jalan sekiranya tidak mendatangkan bahaya kepada lalu lintas dan tidak mendatangkan kesesakan lalu lintas maka lokasi itu boleh dipertimbangkan untuk memberi lesen sementara kepada penjaja di lokasi itu, oleh itu saya ingin menggalakkan penjaja-penjaja dan bantuan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk mengemukakan permohonan seperti macam ini kepada PBT bagi PBT untuk mempertimbangkan permohonan seperti macam ini untuk menolong penjaja-penjaja tersebut.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Melawati.

**Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI :** Tuan Speaker, soalan nombor 8.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI (N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : ISU PENYEWA KEDAI PBT**

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
- Apakah projek infrastruktur dan tebatan banjir yang telah dan akan dilaksanakan di Daerah Kuala Selangor bagi mengurangkan risiko banjir?
  - Apakah status Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Buloh?

**JAWAPAN :**

**Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM** : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Malawati, Yang Berhormat Tuan Speaker. Bukit Malawati bertanyakan berhubung aspek infrastruktur, pelaksanaan infrastruktur dan tebatan banjir di daerah Kuala Selangor bagi mengurangkan risiko banjir dan bahagian B nya mengenai program Rancangan Tebatan Banjir, status di Sungai Buloh, di daerah .. di kawasan Sungai Buloh ya.

- Untuk makluman, di dalam tempoh 2016 hingga 2020 di bawah peruntukan RMK 11 terdapat 4 buah projek menaik taraf infrastruktur telah diluluskan bagi mengurangkan risiko banjir yang melibatkan kos berjumlah RM 17.4 Juta melalui Jabatan Pengairan dan Saliran. 3 projek telah siap dilaksanakan iaitu:
  - Projek Kawalan Hakisan dan Memperkuuh Benteng Pantai Kawasan Pertanian Daerah Kuala Selangor (RM 6.2 Juta). Tarikh siap projek ialah pada 28 Jun 2018.
  - Projek Kerja-kerja Membina, Membekal dan Menguji Jaya Pam, Kerja-kerja Elektrik Serta Kerja Berkaitan di Rumah Pam Kg. Asahan Daerah Kuala Selangor (RM 4.7 Juta). Tarikh siap projek ialah pada 19 Disember 2018.
  - Projek Kerja-kerja Membina Membekal, Memasang dan Menguji Jaya Pintu Air, Kerja-kerja Elektrik Serta Kerja-kerja Berkaitan di Pintu Air Compartement D, Kg. Harmoni Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor (RM 2 Juta). Tarikh siap projek ialah pada 30 November 2019.

Manakala 1 lagi projek sedang dalam pelaksanaan iaitu:

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

- i. Projek Kerja-kerja Membina Membekal, Memasang dan Mengujijaya Pam, Kerja-kerja Elektrik Serta Kerja-kerja Berkaitan di Pintu Air Parit Merbau, Parit Mahang, Daerah Kuala Selangor RM4.5 juta dan dijangka siap pada Februari 2021. Mungkin ada berkait sikit dengan COVID ini, jadi mungkin ada *delay* sikit ya.
- b) Bagi projek yang akan datang ini, yang dalam pelaksanaan, yang saya sebut dalam sidang yang lepas iaitu Program Rancangan Tebatan Banjir di Sungai Buloh (Fasa 1) dengan peruntukan RM 40 juta ini yang melibatkan 17.5 km jajaran sungai bermula dari pekan lama Sungai Buloh dengan skop kerja seperti mendalamkan sungai, membina benteng kiri dan kanan sungai, pintu air dan rumah pam. Ini pun telah dibawa ke Lembaga Perolehan, Kementerian Alam Sekitar dan Air yang bersidang pada 29 Jun 2020, Jabatan Pengairan dan Saliran sedang menunggu keputusan kepada perolehan ini untuk mula dilaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Buloh. Selain daripada itu, saya pernah juga mengumumkan dalam sidang yang lepas berhubung dengan projek Tebatan Banjir yang berkaitan dengan fenomena air pasang besar di pantai negeri Selangor. Untuk daerah Kuala Selangor telah menerima peruntukan RM 12 Juta ya, dalam proses penyediaan, aspek teknikalnya, reka bentuk dan juga penilaian pelaksanaan sebelum dilaksanakan:
  - i. Yang pertama, dikenal pasti iaitu projek itu akan dilaksanakan iaitu projek Kawalan Hakisan dan Memperkuuh Benteng Pantai di Kg. Sg. Janggut, ini berdekatan dengan Pantai Remis dan juga Kg Tok Adam, ini di Pekan Tanjung Karang berjumlah RM6 juta.
  - ii. Yang kedua ialah Projek Kawalan Hakisan dan Memperkuuh Benteng Pantai di Kg. Lembah Pantai Sg. Kajang, Tanjung Karang. Projek ini dalam penyediaan reka bentuk untuk dibuat sebut harga ya.

Terima kasih.

**TUAN SPEAKER : Bukit Malawati.**

**Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Terima kasih.**

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Bagi *chance* lah.**

**Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan saya. Dalam pada pihak Kerajaan ingin memastikan**

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir Sg. Buloh, yang walaupun ia di bawah Persekutuan, namun, apa perancangan pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan ia dapat dilaksanakan segera kerana ia telah tertangguh lama dan sementara itu, sementara pelaksanaan itu, apakah jaminan Kerajaan Negeri untuk meminimakan risiko banjir yang sering berlaku hujung tahun apabila fenomena air pasang besar berlaku? Terima kasih.

**Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM :** Di bawah Jawatankuasa Tetap Infra, kita mempunyai satu *task force* banjir yang diurussetiakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran, dan kita sentiasa memantau dan berbincang dan mencari jalan bagaimana kawasan-kawasan yang sentiasa, kita panggil *hotspot* yang berlaku di seluruh Selangor yang sekarang ini lebih daripada 100 lah. Memang di seluruh Selangor ya, memang kawasan ini bertukar-tukar ya. Ada yang kita telah keluarkan daripada senarai ada yang kita baru masuk sebagai kawasan-kawasan, mana kawasan yang kerap berlaku banjir ini dianggap sebagai kawasan *hotspot* dan akan diberi keutamaan dalam kita melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir. Jadi Rancangan Tebatan Banjir ini sebagaimana juga saya pernah sebut di dalam sidang Dewan yang lepas-lepas, bahawa ia ada yang bersifat segera, sementara atau yang sifat yang jangka panjang, dan kita lebih memberi tumpuan kepada yang jangka panjang walaupun yang sementara ini kita kena ambil juga tindakan segera. Yang kita buat, ini yang berlaku contohnya yang terbaru ini, yang baru ini yang berlaku di Sepang ya, tentang ban yang pecah dan sebagainya itu. Jadi, itu tindakan segera yang saya ambil dan kita perhatikan kawasan-kawasan yang di kawasan pantai ini kebanyakannya fenomena banjir ini bertambahlah dari kawasan lain. Kalau kawasan lain itu dia selalu melibatkan banjir kilat disebabkan sistem saliran dan juga disebabkan kolam takungan yang tidak diurus dengan baik ya, ataupun tidak ada kolam takungan. Tapi kalau di kawasan pantai ini, berhampiran dengan pantai ini, dia ada tambahan komponen iaitu masalah air pasang. Bila air pasang ini, pintu-pintu air ini perlu ditutup untuk menghalang daripada *backflow* ataupun air mengalir masuk semula ke kawasan yang rendah. Ini menjadi isu apabila sistem pamnya perlu di .. ada wujud dengan baik dan selalunya ban yang pecah dan saya telah minta pihak JPS supaya mengambil langkah-langkah baru lah.

Di kawasan-kawasan seperti yang kita perhatikan yang ban pecah, yang sering berlaku ban pecah, kita sekarang kena buat sistem binaan yang lebih kukuh. Tak boleh lagi kita setakat bila runtuh tanah kita bubuh tanah balik. Dia akan runtuh lagi. Jadi, kita telah mula buat, laksanakan di kawasan di Sepang baru-baru ini, kita bina tempat-tempat yang selalu yang runtuh ini, ban ini ialah kawasan-kawasan selekoh. Selekok sungai ini selalunya dia akan runtuh sebabkan air yang melimpah atas ban itu jadi kita telah gunakan kaedah yang lebih kukuh penggunaan batu-batu batan,

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

*boulder* yang besar ini dan juga geotekstil untuk beri kekuatan yang lebih di kawasan selekoh dan untuk jangka panjangnya, kita akan letakkan *sheet piling* bagi kawasan-kawasan yang begini. Dia biasanya tak panjang, dalam 10 meter, 5 meter itu sahaja. Ya, kawasan yang selekoh tu dan kawasan lain itu tidak ada masalah jadi, kita teruskan dengan tanah. Ini sebenarnya banyak berlaku di kawasan yang rendahlah, yang kawasan rendah yang terletak terutama yang di bawah pengaruh air pasang besar ini yang kita laksanakan. Jadi, kita sentiasa berterusan memantau dan sebagaimana semua sedia maklum bajet untuk Rancangan Tebatan Banjir ini bukan kecil ya, dan kita sentiasa memohon dari semasa ke semasa kepada pihak Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan bajet. Dan kita pun telah mendapat banyak yang telah diluluskan yang kita boleh, saya akan boleh senaraikan jika ada keperluan itu dan kita akan pastikan untuk jangka pendek jangka panjang ini kita dapat kurangkan, minimakan ataupun mitigasi banjir, kesan banjir kepada penduduk di seluruh Negeri Selangor. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Taman Templer.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak tanya kepada Yang Berhormat EXCO, soal berkaitan dengan proses pengambilan tanah. Sebab banjir ni pun, di kawasan saya ni kerap banjir. Cuma saya jarang sahaja nak masuk dalam *group whatsapp* kita tu. Sebab taknak menyusahkan pihak kerajaan negeri. Cuma... cuma...

**TUAN SPEAKER** : Soalan, soalan.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Jangan ganggu, jangan ganggu, pembangkang jangan ganggu (ketawa). Cuma, cuma saya nak tanya proses pengambilan tanah ni, boleh tak proses pengambilan tanah ni kalau boleh sebab saya, khususnya di Taman Templer ni kita ada masalah, masalah banjir kilat di anak Sg Udang tu. Saya dah diamanahkan jadi ADUN ni hampir dua (2) tahun. Proses pengambilan tanah ni dua (2) tahun tak selesai-selesai. Boleh tak kalau nak kata proses pengambilan tanah ni kita segerakan?

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat soalan tu dah lari ke sana. Soalan pokok Bukit Malawati dah lari.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Tentang banjir la ni Yang Berhormat.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**TUAN SPEAKER** : Bagi sikit, bagi sikit. Cepat.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Ha sikit lah. Dia masuk sikit. Dia terkeluar, tapi dia tetap masuk. Dia masih lagi atas landasan. *InshaAllah* kita tidak melompat Yang Berhormat, kita tidak melompat.

**TUAN SPEAKER** : Jangan jangan, jangan suka-suka lompat.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Saya tidak melompat. Soalan saya tidak melompat.

**TUAN SPEAKER** : Pagi-pagi ini, pagi-pagi, petik jangan lompat.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Ya, tidak, tidak. Tambah pula kaki patah. Tambah pula kaki patah. Ha, *InshaAllah* tidak melompat. Jadi, saya nak minta jawapan daripada Yang Berhormat EXCO boleh tak proses pengambilan tanah ni kita percepatkan? Sebab, kalau proses pengambilan tanah ni tidak diselesaikan macam mana kita nak buat proses untuk menaik taraf anak Sg. Udang yang kerap terjadi kejadian banjir kilat di dalam Dewan Undangan Negeri Taman Templer? Terima kasih Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM** : Terima kasih Yang Berhormat Taman Templer. Walaupun kaki patah tapi soalan panjang-panjang juga ya (ketawa). Mulut tak patah ya? Jadi.. lidah tak patah (ketawa). Jadi, berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat, memang saya akui, memang proses antara kerja-kerja kita yang banyak terganggu ini termasuklah jalan dan juga banjir ini ialah isu tanah dan utiliti lah. Ini merupakan dua (2) aspek besar yang selalu mengendalakan kerja-kerja kita walaupun kita buat persiapan rapi lebih awal tapi bila melibatkan semua tanah-tanah persendirian ni, lagi lah banyak kerenahnya, banyak kerenahnya, kita akan cuba mempercepatkan Yang Berhormat ya. Cuma saya nak sebut sini, untuk makluman semua, tidak semudah ya, untuk kita selesaikan banjir ini terutama kawasan bandar kerana kolam takungan banjir ini, komponen penting dalam banjir ini, ia tidak boleh kita bina di sembarang tempat. Kita mengikut hidrologinya, apa itu, hidrauliknya *design* itu sendiri untuk memastikan kesan ataupun impak daripada pembinaan yang mahal ini dapat dimanfaatkan atau efisien. Kalau kita main letak sahaja, kita tidak akan mencapai matlamat untuk tebatan banjir itu. Jadi, kebanyakan tanah-tanah ini kalau di kawasan bandar terutamanya, ia memang sukar untuk dapat kawasan-kawasan lapang yang sesuai untuk kita bina kolam-kolam takungan ini. Dan kalau ada pun,

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

proses pengambilan tanah itu sangat lama dan akui memang sebab, melibatkan tanah persendirian dan juga utiliti-utiliti yang ada di bawah itu.

Ini yang menjadi isu besar dan kita case by case lah. Kita akan tengok, teliti untuk cari jalan yang terbaik untuk selesaikan yang berkaitan dengan isu-isu pengambilan tanah ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.**

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR** : Hai, sebelah sana sahaja ke? (Ahli Dewan ketawa)

**Y.B. PUAN LIM YI WEI** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya soalan NO. 9.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

#### **TAJUK : PEMULIHAN SEKTOR PELANCONGAN PASCA COVID-19**

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memulihkan sektor pelancongan di negeri Selangor pasca Covid-19?
- b) Apakah bantuan kepada pekerja-pekerja sektor pelancongan yang terjejas pendapatan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

#### **JAWAPAN :**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya bangun untuk membantu untuk menjawab soalan yang berkaitan dengan pelancongan di Selangor. Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor mengambil langkah proaktif untuk mengatasi masalah penggiat industri pelancongan negeri bagi membangun dan juga memulihkan semula industri ini dalam situasi Covid-19 seperti yang berikut:

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

- i) Pakej Rangsangan Ekonomi melalui bantuan *one-off* kepada pemandu pelancong/ hos komuniti/ penyelaras *homestay* berlesen sebanyak RM 1,000.00 seorang, bagi tujuan pegumpulan duta kecil pelancongan Selangor.
- ii) Pakej Rangsangan Ekonomi melalui penerbitan subsidi “Baucar Pelancongan Negeri Selangor” dengan nilai bantuan peruntukan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Juta (RM 2,000,000.00).
- iii) Penganjuran Kempen Promosi Pelancongan “Pusing Selangor Dulu” yang memberi penekanan kepada pasaran domestik.
- iv) Aktiviti promosi pelancongan norma baharu melalui penglibatan di dalam program promosi pelancongan yang menggunakan platform digital dan atas talian seperti MITA *e-Travel Fair* dan MITA “*Business to Business*” *Inbound Marketplace* dan penganjuran program promosi Selangor *e-Travel Fair* dimana Tourism Selangor dapat berhubung dan berinteraksi bagi menyampaikan tawaran-tawaran serta maklumat terkini industri pelancongan di negeri Selangor kepada pihak agensi pelancongan, pengusaha produk pelancongan dan pihak berkaitan industri pelancongan lain serta para pelancong secara terus tanpa bersemuka.
- v) Penganjuran Program Jelajah Persona Negeri Selangor khusus bagi pasaran domestik seperti ke Negeri Johor, Pulau Pinang dan Terengganu.
- vi) Kempen promosi pelancongan melalui medium pengiklanan *Outdoor Billboard*, *Unipole* dan *Digital Billboard* di beberapa kawasan yang terpilih seperti Johor, Kedah, Terengganu, Melaka, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang
- vii) Penganjuran program *Familiarization Trip (FAM Trip)* yang melibatkan pihak media, agensi pelancongan tempatan dan antarabangsa
- viii) Penyediaan pakej pelancongan yang melibatkan integrasi promosi antara sembilan (9) Daerah di Negeri Selangor
- ix) Penganjuran Acara Pelancongan norma baharu yang menekankan SOP (*Standard Operation Procedure*) mengikut saranan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Untuk menjawab soalan yang kedua, sehingga kini tiada bantuan khusus kepada pekerja-pekerja sektor pelancongan yang terjejas pendapatan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Walau bagaimanapun, buat masa ini pihak Kerajaan Negeri

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi melalui bantuan *one-off* kepada pemandu pelancong/hos komuniti/penyelaras *homestay* berlesen sebanyak RM1,000.00 seorang, bagi tujuan pengumpulan duta kecil pelancongan Selangor. Serta, pakej Rangsangan Ekonomi melalui penerbitan subsidi “Baucar Pelancongan Negeri Selangor” dengan nilai bantuan peruntukan sebanyak RM 2 Juta.

Sekian.

**TUAN SPEAKER :** Kampung Tunku

**Y.B PUAN LIM YI WEI :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan kepada yang Berhormat EXCO. Kami nampak bahawa misalnya di Negara Thailand, mereka ada penjenamaan semula pasca Covid19, misalnya *trusterd tourism* dengan izin. Adakah Kerajaan Negeri Selangor juga mempunyai sebarang konsep penjenamaan semula. Saya tengok ada banyak langkah-langkah yang diambil tapi apakah konsep keseluruhan bagi Sektor Pelancongan Negeri Selangor. Terima kasih.

**Y.B TUAN HEE LOY SIAN :** Buat masa ini kita tidak ada perancangan sebegini. Kita akan bincang dari semasa ke semasa dan pasti selepas ini Yang Berhormat Menteri Besar akan memperkenalkan pakej rangsangan yang berkaitan dengan pelancongan sebab masa ini saya ingin memberitahu Yang Berhormat, sebanyak 485 pemandu pelancong iaitu yang berdaftar dengan Selangor Tourist Guides Assiciations dapat bantuan RM 1,000.00 ini. Selain itu juga 51 hos komuniti iaitu persendirian telah pun menjalankan kursus yang diuruskan oleh TSSB. 51 dapat RM 1,000.00, 16 pengendalian homestay berlesen dengan MOTAC juga mendapat RM 1,000.00. Jumlah keseluruhan adalah RM 552,000.00 peruntukan yang telah kita peruntukan dan juga baucar RM 2,000.000.00 kita akan perkenalkan. Selepas ini, Yang Berhormat akan bagi yang *detail* tentang mekanisme bagaimana kita untuk mengagih baucar ini.

**Y.B DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Yang Berhormat, Selat Klang.

**TUAN SPEAKER :** Selat Klang.

**Y.B DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat Tuan EXCO pada tahun 2018 Selangor telah menerima cukai pelancongan sebanyak, sepatutnya RM 20.6 Juta tetapi hanya dibayar oleh Kerajaan Pusat pada masa itu RM 10.3 Juta. Bagaimakah jumlah yang diterima bagi tahun 2019 dan adakah jumlah tersebut telah diterima oleh Kerajaan Negeri atau belum lagi. Yang keduanya berkenaan dengan Program P3S yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada awal 2019 yang mana program ini adalah

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

untuk menjaga keselamatan dan kebajikan, nyawa dan harta benda para pelancong dan juga penguatkuasaan terhadap operator-operator haram. Jadi apakah program ini akan diteruskan ataupun di tangguh sementara kerana Covid19. Sekian, terima kasih.

**Y.B TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih mantan EXCO Pelancongan. Tapi saya belum dilantik sebagai EXCO Pelancongan so saya tidak pasti saya tidak pasti untuk memberi jawapan yang kedua ini. Jadi saya tiada so akan mendapat maklumat selepas ini. Untuk Tourism Tax pada tahun 2019 kita mendapat sebanyak RM 10.9 Juta daripada pusat. Ini telah pun baru terima, angka RM 10.9 Juta kita akan merancang bagaimana menggunakan wang ini untuk membantu industri pelancongan di Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Morib.

**Y.B TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN** : Terima kasih Tuan Speaker.  
Soalan saya nombor 10.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN (N53 MORIB)**

#### **TAJUK : PELAKSANAAN PROGRAM KASIH IBU SMART SELANGOR (KISS)**

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana penyampaian keputusan lulus atau tidak dari pihak Selcare?
- b) Kelayakan untuk KISS berdasarkan pada kelayakan E Kasih atau BSH melebihi dari kuota yang di beri . Apakah ada penambahan kuota untuk skim KISS dan juga PEDULI SIHAT.

#### **JAWAPAN :**

**Y.B PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih Yang Berhormat Morib. Soalan Yang Berhormat Morib adalah mengenai Pelaksanaan Program Kasih Ibu Smart Selangor dan juga Peduli Sihat Selangor. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pihak Selcare Management Sdn Bhd selaku pengendali kepada Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) bertanggungjawab memproses dan

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

menyediakan kad penerima Program KISS bagi setiap kelulusan nama-nama pemohon yang telah disaring dan dikemukakan oleh Pejabat Khidmat Masyarakat (PKM) kepada pihak Selcare Management Sdn Bhd. Setelah selesai proses mencetak, kad-kad berkenaan akan diberikan kepada pihak PKM untuk diserahkan kepada penerima yang berjaya di DUN masing-masing. Walau bagaimanapun pihak PKM dan pemohon boleh membuat semakan di laman web [www.kiss.com.my](http://www.kiss.com.my) dibahagian semak status permohonan dan pengaktifan kad. Sebagaimana ahli Yang Berhormat semua sedia maklum, salah satu syarat bagi penerima manfaat Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dan Skim Peduli Sihat (SPS) adalah penerima berkenaan perlulah berdaftar di dalam sistem Pangkalan Data Kemiskinan Nasional iaitu Sistem eKasih dan dikategorikan sebagai miskin atau miskin tegar; atau merupakan penerima Bantuan Sara Hidup (BSH). Dan juga sekiranya pembuktian yang gaji atau pendapatan isi rumah RM 2,000 ke bawah. Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju menambah bilangan penerima manfaat Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) sebanyak 5,000 orang yang menjadikan jumlah keseluruhan terkini ialah sebanyak 25,000 orang berbanding 20,000 pada tahun 2019 dengan jumlah peruntukan yang terlibat sebanyak RM 62 Juta. Manakala bagi pelaksanaan Skim Peduli Sihat pula, Kerajaan Negeri turut bersetuju untuk menambah baik Skim Peduli Sihat kepada Skim Insurans Peduli Sihat bermula April 2020 di mana Skim Insurans Peduli Sihat ini lebih komprehensif dengan manfaat perlindungan insurans asas kepada pemegang polisi. Penambahbaikan ini meliputi perlindungan asas insurans seperti berikut. Rawatan kesihatan asas seperti yang telah dilaksanakan, (rawatan pesakit luar), Kematian atau hilang upaya kekal disebabkan kemalangan, Khairat kematian, Penyakit kritis dan Kematian atau hilang upaya kekal akibat penyakit atau musibah. Walaupun Skim Insurans Peduli Sihat ini baru mula diaktifkan pada April 2020, namun pemegang polisi layak menerima manfaat insurans asas bermula Januari 2020 dengan tempoh sah laku polisi sehingga Disember 2021 dan akan diperbaharui sekiranya pemegang polisi masih lagi memenuhi kriteria dan syarat kelayakan yang ditetapkan. Kriteria dan syarat kelayakan yang ditetapkan adalah masih sama seperti skim terdahulu iaitu berpendapatan isi rumah sebanyak RM 2,000.00 dan ke bawah, Mendapat Bantuan Sara Hidup (BSH) atau tersenarai di bawah program eKasih dan Kad aktif dalam tempoh dua (2) tahun. Kerajaan Negeri bersetuju menambah bilangan pemegang polisi daripada 65,000 orang sebelum ini kepada 85,000 pemegang polisi dengan pembahagian seperti berikut. Sebanyak 18,000 polisi diperuntukkan kepada pemohon yang memenuhi kriteria dan syarat kelayakan berasaskan pendapatan terendah daripada senarai pemohon. Kuota ini tidak tertakluk kepada kuota DUN. Kalau Yang Berhormat ingat dahulu semasa penjajaran dilaksanakan ada satu senarai yang mereka yang layak tetapi terkeluar daripada kuota DUN masing-masing. Jadi 18,000 yang paling bawah ini dimasukkan balik di dalam senarai penerima tanpa melihat kepada kuota DUN. Sebanyak 1,000 kad Peduli Sihat ini diperuntukkan kepada ketua kampung tradisi, ketua kampung baru cina, ketua komuniti india, kakitangan Pusat Khidmat

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

Masyarakat Dewan Undangan Negeri, penyelia Pusat Wanita Berdaya (PWB) dan kakitangan pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang berpendapatan RM 2,000.00 dan ke bawah. Sebanyak 200 kad diperuntukkan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas yang tidak tersenarai daripada kuota DUN dan sebanyak 800 polisi untuk kes-kes terpencil dan sekiranya untuk makluman Yang Berhormat sekalian, DUN Yang Berhormat telah melebihi kuota sekiranya ada kes-kes ini sila bawa ke pengetahuan saya. Kita tidak mahu rugi 800 itu kerana tidak pakai. Sebenarnya saya sudah memberi tahu kepada UPEN untuk buka pada rakyat untuk memohon.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN** : Soalan tambahan.

**TUAN SEPAKER** : Silakan Banting.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO. Saya ingin bertanya berkenaan dengan syarat kelayakan eKasih, Bantuan Sara Hidup, Peduli Sihat dan KISS ini, memandangkan Jabatan Statistik pada Jumaat yang lepas telah menaikkan, menganjukkan garis paras kemiskinan kepada RM 2,208.00. Adakah ini akan memberi kesan ataupun impak kepada program-program kebajikan yang akan dilakukan dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri ini. Adakah garis kita juga akan dianjukkan selaras dengan apa yang diumumkan.

**Y.B PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih Yang Berhormat Banting. Ya, baru-baru ini Kerajaan telah mengumumkan paras garis kemiskinan RM 2,000.00 lebih. Sebenarnya Negeri Selangor telah meletakkan dua ribu ini daripada saya ingat daripada 2019 sudah memakai, 2018 sudah memakai paras kemiskinan ini untuk Negeri Selangor. Sudah pastinya, sekarang ini pun kita masih tidak mampu untuk memberi bantuan kepada semua mereka. Kita masih ada *list* kalau kita ingat dahulu Skim Peduli Sihat apabila kita menurunkan daripada tiga ribu kepada dua ribu kita terpaksa menjajarkan asal di situ kelayakan 300,000 lebih dah dapat. Jadi saya fikir keupayaan Negeri untuk meningkatkan jumlah penerima itu bergantung kepada pendapatan Negeri dan itu saya ingat lebih layak menjawabnya adalah Y.A.B Dato' Menteri Besar sendiri.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Burong.

**Y.B DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan Sungai Burong nombor 11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS**  
**(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PRESTASI PELABURAN**

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berikan perbandingan serta faktor yang mempengaruhi prestasi pelaburan suku kedua 2019 dan 2020.
  - b) Bilakah Kerajaan Negeri menjangka prestasi pelaburan kembali pulih dan apakah faktor yang mendorong?

**JAWAPAN :**

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan nombor 23 daripada Gombak Setia. Tuan Speaker Perbandingan yang mempengaruhi prestasi pelaburan suku kedua 2019 dan 2020 tidak dapat dinyatakan kerana statistik kelulusan projek perkilangan bagi tahun 2020 masih belum dikeluarkan oleh pihak MIDA. Namun begitu, pihak Invest Selangor menjangkakan prestasi pelaburan bagi tahun 2020 akan turut menghadapi kesan langsung akibat Pendemik Covid-19 dan juga dari Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan kepada aktiviti pelaburan di dalam sektor perkilangan di Negeri ini. Berdasarkan laporan daripada *UNCTAD's World Investment Report*, prestasi pelaburan langsung asing (FDI) di peringkat global akan mengalami penyusutan sebanyak 40% pada tahun 2020 ini, kesan daripada Pendemik Covid-19 dan perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan oleh negara-negara yang terkesan. Laporan tersebut juga menyatakan jangkaan akan berlakunya penyusutan FDI global sebanyak 5% - 10% pada tahun 2021. Namun begitu, senario ini dijangkakan akan pulih secara beransur – ansur pada tahun 2022 kesan daripada perlaksanaan perintah kawalan pergerakan pemulihan yang sedang berlangsung sekarang ini. Tuan Speaker, Kerajaan negeri melalui Invest Selangor juga telah meneroka peluang untuk syarikat-syarikat pelabur asing yang beroperasi untuk melabur di Negeri ini dan pada masa yang sama mempunyai operasi di negara-negara yang terkesan dengan Pendamik ini untuk cuba menarik minat mereka bagi menimbang untuk memindahkan operasi mereka di negara-negara tersebut ke Negeri Selangor. Dengan itu juga Invest Selangor juga meneruskan

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

usaha-usaha promosi menarik pelaburan menerusi pelbagai kaedah seperti web minda, persidangan dan pameran secara maya atau *virtual*.

**Y.B DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Burong.

**Y.B DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Terima Tuan Speaker. Memandangkan berlaku jangkaan kemerosotan pelaburan luar negara ke dalam Negeri berikutan oleh Covid ini. Adakah Kerajaan Negeri akan mengalihkan pandangan bagi mempertingkatkan usaha-usaha untuk menggalakkan pembangunan pelaburan dalam Negeri bagi merangsang ekonomi.

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, sebenarnya kalau kita melihat kepada perangkaan, pelaburan yang di perolehi oleh Selangor selama ini adalah pada keadaan yang seimbang lebih kurang 60% kepada 40%. Sebenarnya untuk tahun lepas 2019, perangkaan menunjukkan kita berjaya menarik pelaburan dalam Negeri lebih daripada luar Negeri. Jadi ini adalah satu keadaan yang sihat menunjukkan bahawa pelabur tempatan memberi keyakinan dan kepercayaan kepada Negeri Selangor sebagai destinasi pelaburan dan saya kira yang penting sekarang adalah kita meneruskan usaha kita untuk menarik pelaburan FDI iaitu pelaburan luar negara ke Negeri Selangor sebab pelaburan daripada luar negara ini khususnya perkilangan dapat mendatangkan atau membawa teknologi-teknologi yang lebih tinggi ke negara ini.

**TUAN SPEAKER** : Sesi pertanyaan telah tamat. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi, dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Usul Nombor 8, Tahun 2020. Usul Pakej Rangsangan Selangor Prihatin dan Pelan Pemulihan Ekonomi Selangor.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Bacaan Doa.

Tuan Speaker dan Ahli Dewan Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi, bahwasanya Dewan Yang Mulia ini bersetuju dan menyokong Pakej Rangsangan Selangor Prihatin dan Pelan Pemulihan Ekonomi Negeri Selangor demi menghadapi cabaran ekonomi pasca COVID-19.

Ahli Yang Berhormat sekalian, pada 11 Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia ataupun (WHO) telah mengisytiharkan COVID-19 sebagai satu pandemik. Ketika itu kita masih terpinga-pinga, tertanya-tanya apakah kesan sebenar pandemik tersebut ke atas

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

kehidupan kita semua. Sempadan mula ditutup, pergerakan laut, udara dan darat dihentikan. Aktiviti sosial dan ekonomi sedunia tergendala.

Wabak COVID-19 dikenal pasti pertama kali di negara kita pada 25 Januari 2020. Di bulan Februari, kita hanya mencatatkan 22 kes positif. Pada pertengahan bulan Mac, kes melambung 20 kali ganda kepada 428 kes.

Kes pertama jangkitan COVID-19 di Selangor telah dicatatkan pada 3 Februari 2020 sehingga 12 Julai 2020, Selangor mencatatkan 2008 kes terkumpul. 1884 kes sembah serta 24 kematian.

Justeru untuk menghalang serta mengawal wabak tersebut, Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan pada 18 Mac 2020.

Perniagaan dan perkhidmatan yang ditakrif sebagai tidak mustahak telah diarahkan tutup. Pergerakan antara negeri juga tidak dibenarkan.

Penutupan dan pemberhentian segala aktiviti tersebut memaksa pemilik perniagaan terutamanya perniagaan kecil dan sederhana memberhentikan pekerja-pekerja. Menjelang April, Jabatan Perangkaan Malaysia mencatatkan kadar pengangguran meningkat sebanyak 5 peratus bersamaan dengan 778,800 orang. Kadar ini merupakan kadar tertinggi semenjak tahun 1990, dan negara pula menjangkakan pertumbuhan KDNK tahun hadapan hanya sekitar negatif 0.5 peratus. MIDA iaitu Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia menjangkakan penguncutan KDNK tahun 2020 akibat pandemik ini dijangkakan adalah sekitar RM38 Bilion sehingga RM102 Bilion.

Sudah tiba masanya untuk kita bersama-sama memikirkan satu pelan pemulihan ekonomi pasca pandemik yang bertujuan menghalang terjadinya ***“the dislocation of the entire the fabric of Malaysia’s economy.”***

Kita bertanggungjawab untuk berusaha keras demi menyemarakkan semula ekonomi negeri kerana Selangor merupakan dengan izin *economic reactor* ataupun reaktor ekonomi di Malaysia, akan tetapi pandemik ini juga memaksa kita untuk memikir, melihat semula serta mencari penyelesaian terhadap kesenjangan ekonomi dan kesannya terhadap mereka yang berpendapatan rendah, golongan B40, mereka yang mendapat gaji harian dan kepentingan untuk melindungi mereka pada waktu begini.

Mutakhir ini, Jabatan Perangkaan Malaysia merakamkan bahawa terdapat peningkatan kesenjangan pendapatan (income disparity) di mana melalui ukuran Gini Coefficient, jurang antara yang kaya dengan yang berpendapatan rendah semakin melebar sebanyak 0.008 dari 0.399 kepada 0.407. Makanya tidak hairanlah kadar Pendapatan Garis Kemiskinan telah disemak semula dari RM980 kepada RM2,208.

## 13 JULAI 2020 (ISNIN)

Berdasarkan ukuran terbaru ini bermaksud jumlah isi rumah yang dikategorikan miskin dianggarkan sebanyak 405,441, suatu peningkatan mendadak dari jumlah tahun 2016 iaitu hanya sekitar 24,700.

Ini semua memerlukan kita untuk bergulat memikirkan pembangunan ekonomi negara secara total!.

Waima demikian saya yakin kita semua akan keluar dari episod ini gilang-gemilang jika kita bersama-sama sebagai rakyat Malaysia, tidak mengira kaum dan agama, dari Kangar hingga ke Tanjung Piai, dari Pengkalan Kubor Tumpat hingga ke Kapit, dari Baram ke Kundasang, terus berusaha keras, berdisiplin dan bersedia menerima beberapa tabiat baharu atau ‘the new normal’ menjadi sebahagian daripada kebiasaan.

Oleh itu, adalah mustahak pada pandangan saya kita jangan sesekali menyempitkan takrif *new normal* hanya sekadar memakai pelitup muka dan amalan mencuci tangan. Normal ataupun Norma baharu haruslah mencakupi suatu ikhtiar rekonstruksi pemikiran politik dan ekonomi yang jitu jujur, telus dan turut menumpukan perhatian terhadap menyemarakkan kebingkasan rakyat, dengan izin, *people's resilience*.

Berhadapan dengan segala kemungkinan termasuklah kemungkinan kemelesetan ekonomi, pemulihan ekonomi mesti mengambil kira dampaknya terhadap rakyat terbanyak yang berpendapatan rendah.

Sudah pasti kita mahu perniagaan semakin ligat, pelabur terus melabur di Selangor dan industri tetap kukuh serta stabil. Itu adalah komitmen Kerajaan Negeri Selangor. Saya berani menyatakan di sini kita adalah Kerajaan Pro Pembangunan dan Kemajuan. Kita adalah Kerajaan Pro Peniaga. Kita adalah Kerajaan Pro Rakyat, kita adalah kerajaan untuk semua.

Izinkan saya mengutip tulisan ahli ekonomi tersohor dan perintis idea kewujudan Sistem Bretton Woods, John Maynard Keynes yang berjudul *The Economic Consequences of the Peace* yang diterbitkan pada 12 Disember 1919. Keynes mengkritik keras hasil persidangan tersebut yang menekan Jerman selepas kekalahan negara itu pada Perang Dunia Pertama.

Tekanan tersebut pada pandangan Keynes menghancurkan maruah serta jati diri rakyat Jerman. Beliau menyebut, “***the future life of Europe was not their concern; its means of livelihood was not their anxiety***”. Justeru kita tidak boleh sama sekali, sementara memacu semula ekonomi negeri, mengabaikan keresahan serta kesusahan rakyat terbanyak.

Pertumbuhan ekonomi dan pembangunan bukan bermakna menyihir rakyat susah. Kita memusuhi kemiskinan bukannya memusuhi orang miskin!.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

Saya menggesa agar kerajaan dan sektor perniagaan menggembung usaha bersama untuk menyemarakkan semula kebingkasan rakyat Selangor.

Apabila rakyat negeri ini bersemangat untuk menggerakkan ekonomi negeri, ketika itulah juga ekonomi negara serta negara akan berada di landasan yang tepat menuju pemulihan dan kegemilangan. Apatah lagi kita merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK negara.

Kita wajar menyedari untuk menyelamatkan perniagaan, industri dan ekonomi, penamatan kerja bukanlah satu-satunya jalan keluar.

Tuan Speaker,

Manakala itu sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan kita pastinya menyedari kepentingan sumber air bersih, berhemah menggunakan tenaga elektrik, bahawa waktu yang diluangkan bersama keluarga lebih berharga berbanding melepak di gerai ataupun kedai makan. *The new normal* mendesak negara dan masyarakat agar mulai serius dengan cabaran perubahan iklim, *food security* dan dasar lainnya serta mulai merangka polisi bersetujuan untuk menangani isu-isu tersebut.

Saya difahamkan berkurangnya jejak karbon sepanjang PKP kerana kurangnya kenderaan di atas jalan raya. Ini menunjukkan bahawa ia nya bukan mustahil untuk dilaksanakan. Bukan mustahil untuk kita menumpukan sumber untuk membina rangkaian pengangkutan awam yang berkesan dan efektif.

Sektor pertanian dan penghasilan bahan makanan perlu difikirkan dalam kerangka strategik utama. Krisis ini perlu menjadi suatu kejutan kepada kita bahawa kita tidak mampu lagi bergantung kepada negara luar untuk sumber makanan. Krisis ini mendesak kita untuk melihat kepada inovasi dan teknologi baru yang sedang dan akan tercipta untuk menjadikan negara ‘*food independent*’.

Speaker dan Ahli Dewan sekalian,

Negeri Selangor tidak punya pilihan lain melainkan menjadi peneraju yang merintis jalan kemajuan ini. Demi merealisasikan cita-cita ini kita memerlukan sokongan setiap individu, setiap institusi serta agensi kerajaan dan pentingnya Kerajaan Negeri mempunyai hubungan simbiotik yang profesional dengan Kerajaan Pusat demi kebaikan rakyat Negeri Selangor dan negara amnya.

Kita sudah menyaksikan bagaimana rakyat Malaysia se-ia, sekata, sehati, sejiwa berdepan dengan penularan Covid-19. Ternyata aset terhebat negara ini adalah rakyatnya yang berbilang kaum.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tuan Speaker, boleh saya mencelah.**

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Belum boleh.

**TUAN SPEAKER :** Tidak boleh. Tidak dibenarkan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** yang berbilang kaum. Kekuatan ini, lepas ini boleh bahas. Kekuatan ini, Insya-Allah akan membolehkan kita menangani penularan COVID-19 dan seterusnya berikhtiar memulihkan ekonomi negara.

Kerajaan Negeri semenjak bermulanya penularan wabak COVID-19 memandang serius tentang kesannya kepada rakyat Negeri Selangor. Alhamdulillah, sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, Kerajaan Negeri telah menjangkakan kesan penularan COVID-19 ini bukan sahaja akan memberi kesan jangka pendek kepada kehidupan rakyat tetapi dalam tempoh jangka panjang.

Kerajaan Negeri menerobos ruang kolaborasi pintar segenap arah, yang menyaksikan Selangor menjadi satu-satunya negeri yang mempunyai Pasukan Petugas COVID-19 yang diketuai oleh Ahli Parlimen Kuala Selangor. Y.B. Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad dan barisan tokoh lain yang terus bertungkus-lumus sehingga ke hari ini dalam mencetus inisiatif proaktif dalam usaha Selangor terus menggempur COVID-19.

Ke arah mendepani gerak kerja tersebut, Selangor juga meneroka langkah menjadi Negeri terawal menuju Bilik Gerakan COVID-19 yang diketuai oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan) Dato' Zamani Ahmad Mansor. Di mana melalui Bilik Gerakan inilah, beberapa tatacara Operasi Standard ataupun (SOP) pengurusan Pusat Kuarantin dapat dicetuskan dan kemudiannya dijadikan panduan pelaksanaan di beberapa lokasi-lokasi lain di Malaysia.

Ini seterusnya memperkemas sinergi agensi Kerajaan Negeri dan juga agensi Persekutuan seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) Jabatan Perdana Menteri dan lain-lain agensi dalam gerak kerja menyelaras pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) seperti di Sungai Lui, Selayang Baru, Jalan Othman dan terakhir di Kuala Langat Utama dan di Kuala Langat Murni.

Persefahaman erat ini juga di terjemah melalui Sidang Khas Bilik Gerakan yang melibatkan sesi sumbang saran melibatkan semua Pegawai-Pegawai Daerah dan Datuk Bandar/ Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Selangor, sehingga Selangor pernah ‘dicuit’ walhasil pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat Diubahsuai (PKPBD) yang akhirnya turut diperakui keberkesanannya pelaksanaannya sehingga turut diikuti oleh beberapa buah negeri lain.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

Selangor juga terus melakukau terobosan melalui pengenalan Selangkah, sistem pendaftaran akses keluar-masuk di premis-premis kerajaan, perniagaan dan individu yang boleh dianggap sistem paling praktikal dalam melaksanakan Penjejakan Kontak berbanding sistem seumpamanya di Malaysia.

Terobosan-terobosan ini jelas memperlihatkan bagaimana Selangor boleh dianggap sebagai *Frontline State* dalam mendepani upaya dan ikhtiar dalam menggempur COVID-19, dan aktor terpentingnya ialah tidak lain tidak bukan; sekalian petugas baris hadapan dan penjawat awam Negeri Selangor.

Sekalung apresiasi dan tabik hormat saya, mewakili seluruh rakyat Negeri Selangor, untuk didedikasikan buat seluruh penjawat awam pentadbiran Kerajaan Negeri dan Pentadbiran SUK Selangor hingga ke peringkat daerah dalam memastikan agenda menggempur COVID-19 ini dapat direalisasikan ke arah yang terbaik.

Marilah sekalian Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk kita sama-sama bangun dan berdiri menzahirkan tanda apresiasi kita kepada semua petugas barisan hadapan dan penjawat awam Negeri Selangor.

*Semua Ahli-Ahli Yang Berhormat Berdiri.*

Terima kasih.

Ahli-Ahli Dewan yang mulia, bagi mendepani kesan wabak ini dengan serius, Kerajaan Negeri telah melaksanakan dua Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor Prihatin. Bagi fasa pertama, bantuan kewangan diberikan secara terus kepada rakyat dan wira barisan hadapan petugas kesihatan, keselamatan da media pada peringkat awal Perintah Kawalan Pergerakan supaya dapat *wheater the storm*, atau to *cushion the impact*. Bagi fasa kedua, usaha tambahan bagi menangani isu-isu sosial ataupun *social impact* serta usaha ekonomi seperti Selangor Agro Market, Selangor E-Kitchen dan Selangor Advance bagi mengadaptasi kepada norma baharu kehidupan kita. Sehingga ke hari ini, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM 260,144,464.54 (Dua Ratus Enam Puluh Juta Satu Ratus Empat Puluh Empat Ribu Empat Ratus Enam Puluh Empat Ringgit Lima Puluh Empat Sen) sejumlah peruntukan yang telah dilaksanakan yang memberi manfaat kepada 3.5 juta rakyat negeri Selangor ataupun 54% daripada jumlah keseluruhan rakyat Negeri Selangor. Struktur ekonomi Kerajaan Negeri pasca COVID-19 akan mengadaptasikan perubahan dan pendekatan baru dari segi sistem dan pelaksanaannya. Sehubungan dengan itu, bagi menampung kejatuhan pasaran dan membangunkan semula ekonomi Negeri Selangor, Kerajaan Negeri merancang untuk

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

memperkenalkan Pakej Selangor Prihatin Fasa Ketiga. Pelaksanaan Fasa Ketiga ini adalah sebagai satu daya tahan ataupun economic resilience untuk Negeri Selangor membangunkan semula ekonomi setelah mengalami kejutan secara mendadak susulan penularan COVID-19 yang tidak pernah dijangkakan oleh mana-mana pakar ekonomi dunia sekalipun. Untuk itu, di bawah Fasa Ketiga ini, Kerajaan Negeri akan membangunkan Pelan Pemulihan Ekonomi Selangor yang menekankan kepada tiga tonggak utama dalam menangani impak COVID-19. Pertama, Jaminan Bekalan Makanan (*food security*). Kedua, Kemampunan Ekonomi ataupun *economic sustainability* dan Ketiga, Pembangunan Keupayaan ataupun *capacity building*. Jumlah keseluruhan nilai ekonomi dan Pelan Pemulihan Ekonomi Negeri Selangor adalah sebanyak RM55.85 bilion.

### **TONGGAK PERTAMA – Keselamatan Makanan ataupun (*Food Security*)**

Kelangsungan sumber makanan menjadi tajuk yang sangat kritikal tatkala pandemik ini bermula di mana buat pertama kalinya berlaku renjatan terhadap aktiviti ekonomi dalam tempoh yang relative panjang. Walaupun secara umumnya, bekalan makanan di negara kita stabil dan rakyat tidak mengalami masalah untuk mendapatkan sumber makanan sepanjang tempoh PKP, namun ini tidak seharusnya membuatkan kita leka tanpa perancangan jangka Panjang yang mengambil kira secara holistik berkaitan dengan pengeluaran sumber makanan, rantaian bekalan, logistik, guna tanah, teknologi pertanian dan juga harga makanan yang berpatutan. Kita juga perlu berusaha untuk meningkatkan nilai kitaran pertanian dan juga mengurangkan kebergantungan kepada import makanan sebagai persediaan terhadap sebarang krisis import makanan sebagai persediaan terhadap sebarang krisis di masa hadapan seperti pandemik dan juga pemanasan global.

Semasa pelaksanaan PKP, Kerajaan Negeri Selangor telah membantu hampir 8,000 pengusaha di sektor pertanian dengan suntikan dana berjumlah RM3 juta untuk memasarkan produk mereka melalui Program Selangor Agro Market -Pasar Segar Terkawal. Sejumlah 275 golongan petani telah dibantu untuk pembelian dan memasarkan semula keluaran mereka di 13 lokasi dengan kaedah jualan secara terus, secara dalam talian dan pra-tempahan. Sejumlah RM15 juta nilai telah dicatat di sepanjang program Smart Agro Market berlangsung. Untuk tujuan ini inisiatif yang dicadangkan adalah seperti berikut:-

#### **Pertama: Agrodata Selangor**

Inisiatif AgroData merupakan inisiatif untuk melengkapi kesenjangan di antara permintaan dan penawaran bahan makanan asas. Inisiatif ini akan dimulakan di

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

sepanjang gugusan Sungai Selangor dengan tanah berkeluasa 5,000 ekar akan ditumpukan utnuk usaha memastikan bekalan makanan Negeri Selangor terjamin. Kawasan ini berpotensi untuk dibangunkan sebagai Gedung Simpanan dan Pengeluaran Makanan serta Produk Asas Tani bagi Negeri Selangor dan Lembah Klang. AgroData Selangor juga menawarkan penggunaan teknologi dalam sistem kitaran ekonomi dalam bidang pertanian. Pengumpulan data mengenai permintaan dan peluang pertanian akan diterjemah menerusi usaha penanaman secara teknologi tinggi ataupun ‘Smart Farming’ dan aplikasi ‘Internet of Things’.

### **Kedua: Inisiatif Jaminan Bekalan Makanan Selangor oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)**

Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS), akan menjadi tunjang untuk menggerakkan inisiatif jaminan bekalan makanan Selangor melalui projek-projek pertanian makanan tanah seluas 300 ekar di negeri ini.

Antara langkah-langkah yang telah diambil dan akan dipertingkatkan adalah seperti berikut:-

Pertama, menambah pembukaan Kawasan-kawasan pertanian di atas tanah-tanah milik Kerajaan dengan mewartakannya serta penggunaan tanah-tanah yang belum dimajukan, dan untuk tempoh terdekat oleh anak-anak syarikat yang tidak terlibat dalam sektor pertanian.

Kedua, meningkatkan aktiviti pengeluaran di Kawasan Tanaman Kekal Pertanian Makanan (TKPM).

Ketiga, memperkasakan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) di dalam aktiviti pertanian makanan dan seterusnya menjadi peneraju utama sektor pertanian makanan di Negeri Selangor.

Keempat, meningkatkan jumlah insetif-insentif kepada agropreneur seperti insetif input-input pertanian, baka-naka ternakan serta peralatan khususnya golongan nelayan.

Kelima, menggiatkan kaedah pertanian mohon seperti fertigasi, hidrponik dan akuaponik, projek tanaman bertingkat dan penggunaan teknologi seperti dron, sensor dan aplikasi dalam talian.

Secara keseluruhannya, untuk menjayakan Program Keselemaatan Bekalan Makanan kita peruntukan sebanyak RM50 juta.

### **Ketiga: Selangor Digital E-Supply Chain (SELDEC)**

Inisiatif Selangor Digital E-Supply Chain (SELDEC) adalah bertujuan untuk menyediakan platform pasar dalam talian terutama sekali kepada usahawan luar bandar dalam pelbagai bidang termasuk pertanian, penternakan, perikanan dan industri desa untuk memasarkan produk mereka secara terus kepada pengguna.

Inisiatif SELDEC yang dietrajui oleh Selangor Industri Corporation (SIC) ini akan menggabungkan agensi-agensi pembangunan usahawan seperti Koperasi HIJRAH untuk mengurangkan jurang akses terutama sekali kepada usahawan luar bandar terhadap ekosistem pasaran atas talian. Pembentangan SELDEC juga dilihat sebagai inisiatif bagi memastikan hasil-hasil pertanian dan produk di Negeri Selangor mencapai potensi pasaran yang bukan sahaja terhad di Kawasan daerah masing-masing, namun dapat dinikmati oleh pengguna yang berada di daerah yang berlainan.

Strategi ini bakal menyaksikan hasil tanaman setiap daerah di Negeri Selangor dapat ditempah dan terlibat dalam sistem jual beli malah juga melalui sistem penghantaran yang efektif. Ini dilihat dapat mengukuhkan ekonomi penduduk atau usahawan setempat yang mempunyai kuasa langsung dalam menguruskan hasil produk mereka terutama sekali penduduk luar bandar serta menembusi perangkap kartel-kartel yang selama ini menyebabkan petani-petani tidak dapat hasil yang setara dengan keuntungan di pasaran.

### **TONGGAK KEDUA – Kemampanan Ekonomi (*Economic Sustainability*)**

Tonggak kedua pula iaitu Kemampuan Ekonomi (economic sustainability), penumpuan akan diberikan dalam merancakkan lagi pembangunan harta tanah, memastikan pengurusan infrastruktur dan perkhidmatan air yang efisien, mengekalkan keseimbangan dalam aliran tunai Kerajaan Negeri serta peningkatan sistem penyampaian Kerajaan Negeri yang lebih bersifat fleksibel dan mampan dalam pengurusan terimaan hasil.

Antara inisiatif yang dicadangkan adalah seperti berikut:

#### **Pertama : Projek Rumah Selangorku Harapan & Projek Rumah IDAMAN**

Keadaan ekonomi yang kurang memberangsangkan pada ketika ini memerlukan pemangkin untuk memacu fasa pemulihan setelah penularan wabak COVID-19 mula terkawal. Oleh itu, bagi merancakkan semula sektor pembinaan khususnya perumahan, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan Insentif Galakan Pembinaan Rumah Mampu Milik (Rumah Selangorku Harapan) Pasca COVID-19 yang dijangka mampu

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

menambahkan unit Rumah Selangorku dengan sasaran tambahan sehingga 60,000 unit iaitu penambahan sebanyak 30,000 unit di pasaran unit tempoh tiga (3) tahun. Nilai ekonomi yang dijangkakan dijana daripada pembinaan Rumah Selangorku Jenis Khas adalah sebanyak RM 7.5 Bilion.

Sebagai langkah untuk menggalakkan pemaju untuk meneruskan pembinaan Rumah Selangorku, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memperkenalkan Insentif Galakan Pembinaan Rumah Selangorku dengan membenarkan pemaju meminda syarat daripada Rumah Selangorku sama ada Jenis A, Jenis B, Jenis C atau Jenis D kepada satu sahaja iaitu Rumah Selangorku Harapan yang berkeluasan minimum 1,000 kaki persegi pada harga jualan tidak melebihi RM 250,000 seunit serta dilengkapi dengan kelengkapan asas rumah seperti penghawa dingin, kabinet dapur, kabinet baju dan pemanas air.

Dijangkakan melalui insentif ini, Kerajaan Negeri akan mendapat sekurang-kurangnya sebanyak lebih daripada 3,000 unit Rumah Selangorku dengan nilai harta tanah sebanyak lebih RM 750 Juta secara percuma sehingga 2023. Dalam memastikan pelaksanaan insentif ini, Kerajaan Negeri tidak akan mengabaikan golongan B40 khususnya golongan yang kurang berkemampuan serta sukar untuk mendapatkan pembiayaan untuk memiliki rumah tersebut, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memperkenalkan ‘Skim Smart Sewa to Ownership (2STAY)’.

Secara amnya peserta di bawah program ‘Skim Smart Sewa Kemudian Beli (2STAY)’ ini akan melalui 2 Fasa iaitu tempoh penyewaan di bawah Skim Smart Sewa (minimum 2 tahun sehingga maksimum 5 tahun) dan tempoh pemilikan di bawah ‘*Rent to Own*’. Selepas tamatnya tempoh penyewaan 5 tahun, penyewa akan diberikan pilihan sama ada untuk membeli/memiliki rumah tersebut atau sebaliknya. Sekiranya penyewa memilih untuk tidak membeli, penyewa tersebut perlu berpindah keluar dengan mendapat balik 30 peratus jumlah bayaran sewa yang terkumpul sepanjang tempoh sewaan di bawah Skim Smart Sewa tersebut.

Bagi penyewa yang memilih untuk membeli, penyewa akan menggunakan 3 peratus tersebut dijadikan sebagai bayaran deposit pembelian rumah tersebut di bawah Skim Smart Sewa Milik (*Rent to Own*), bakinya dijelaskan secara bayaran ansuran bulanan selama tempoh yang akan ditetapkan kelak. Jangkaan harga jualan rumah tersebut adalah pada harga tidak melebihi RM 200,000 seunit. Umum mengetahui bahawa masalah pemilik rumah masih menjadi antara masalah utama rakyat di negara kita. Justeru, projek Rumah IDAMAN merupakan inisiatif oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan diterajui MBI bertujuan untuk memberi solusi pemilikan kediaman kepada rakyat Negeri Selangor dan seterusnya mencapai Dasar Perumahan Negeri Selangor bagi merealisasikan matlamat ‘Satu Keluarga Satu Kediaman Yang Sempurna’. Program ini

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

mensasarkan kepada golongan berpendapatan rendah hingga sederhana atau kelompok yang dikenali sebagai B40 dan M40.

Pelaksanaan projek Rumah Idaman ini bukan sahaja akan menyelesaikan masalah pemilikan rumah kepada golongan B40 dan M40 tetapi juga akan menyumbang kepada pembentangan ekonomi Negeri Selangor seperti penyediaan peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri mensasarkan 48,000 unit Rumah idaman akan dibina dalam masa 5 tahun dengan nilai ekonomi berjumlah RM 12 Bilion. Projek Rumah Idaman yang dikawal selia oleh MBI bermatlamat untuk mengaktifkan semula kitaran ekonomi melalui pemulihran perniagaan yang kukuh dan pertumbuhan peluang pekerjaan.

### **Kedua : Industri Bekalan Air**

Akses kepada bekalan air yang bersih bukan merupakan satu keperluan yang sangat penting di dalam kehidupan seharian setiap insan dan industri. Keperluan kepada air bersih oleh rakyat adalah merupakan keperluan asas yang tidak boleh dinafikan. Dalam usaha bagi menjamin setiap rakyat mendapat hak kepada air bersih, maka perkhidmatan air perlu diuruskan dengan mementingkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan efisien.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) yang merupakan pemegang lesen tunggal bagi penyediaan perkhidmatan air di Negeri Selangor, wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya menerajui industri perkhidmatan air dalam usaha untuk Bersama-sama mempertingkatkan dan memperkasakan industri bekalan air setanding dengan operasi bekalan air di negara maju.

Bagi mencapai matlamat tersebut, Air Selangor telah merangka Pelan Perniagaan (Business Plan) jangka pendek bagi tempoh tiga (3) tahun dan jangka Panjang bagi tempoh tiga puluh (30) tahun. Untuk ini, Air Selangor merancang untuk menerbitkan Sukuk Kelestarian Air Selangor di bawah rangka Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (Sustainable and Responsible Investment Suku, SRI). Nilai sukuk yang diterbitkan akan berjumlah RM 10 Bilion dalam tempoh matang antara 1 hingga 20 tahun.

Hasil daripada penerbitan Sukuk Kelestarian Air Selangor akan digunakan untuk membiayaan projek infrastruktur air yang mesra alam antaranya menambahbaik fasiliti bekalan air sedia ada seperti 8 buah empangan, 33 loji rawatan air, paip sepanjang 28,713 kilometer, 1577 Kolam takungan dan 653 rumah pam. Disamping itu pelaburan

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

tersebut juga akan digunakan untuk pembangunan projek-projek baru seperti pembangunan Loji Rawatan Air Sungai Rasau dan pembangunan Loji Rawatan Air Labohan Dagang Fasa 2.

Adalah dianggarkan secara keseluruhan pelaburan yang akan terlibat bernilai sebanyak RM 35.41 Bilion untuk tempoh sepanjang 30 tahun manakala unjuran pembangunan untuk tahun 2020 adalah sebanyak RM 29 Juta dan bagi tahun 2021 diunjurkan sebanyak RM 3.2 Billion.

### **Ketiga : Selangor E-Kitchen**

Pada 8 April 2020, Kerajaan Negeri Selangor telah mengumumkan Inisiatif Selangor E-Kitchen yang disasarkan dengan kerjasama Grab dan penubuhan Platform Selangor (PLATS). Inisiatif ini adalah ‘game-changer’ dan merupakan inisiatif digitalisasi perniagaan agar ekonomi negeri dapat memberi penciptaan nilai baru kepada masyarakat. Inisiatif ini membantu penjaja/ peniaga kecil untuk terus beroperasi secara dalam talian bagi mempeluaskan akses pasaran.

Inisiatif ini mensasarkan kepada Penajaja/ Peniaga kecil (PKS Mikro) di dalam industri makanan dan minum (F&B) di sekitar Selangor yang tidak mempunya akses pembiayaan secara dalam talian.

Selangor E-Kitchen telah berjaya membantu 133 usahawan dengan jumlah jualan mencecah RM 1.5 Juta Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk meneruskan Inisiatif Selangor E-Kitchen dan PLATS dengan matlamat 1,000 usahawan dan sasaran nilai jualan berjumlah RM 12 Juta.

Inisiatif E-Kitchen Selangor 2.0 juga akan diperluas ke perkhidmatan barang runcit, restoran, farmasi dan produk usahawan Selangor.

### **Keempat : Inisiatif Pelaburan WAAQAF**

Wakaf merupakan satu cabang dalam bidang muamalat yang selaras dengan ciri-ciri murunah (fleksibiliti) dalam perundangan Islam terutamanya di dalam aspek yang melibatkan kemaslahatan ummah.

Inisiatif Pelaburan WAAQAF bakal dilaksanakan menerusi usahasama MBI dan Perbadanan Wakaf Selangor yang bertujuan untuk memperkasakan ekonomi ummah

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

ataupun penduduk Negeri Selangor. Pelaksaan pelaburan wakaf dipercayai mampu mengatasi kemiskinan bandar dan pengurangan beban kos sara hidup ataupun penghapusan hutang isi rumah.

Inisiatif Pelaburan Wakaf ini akan dimulakan dengan dana pemulaan berjumlah RM 50 Juta. Dana ini akan dilaburkan menerusi mekanisme pelaburan yang patuh Syariah, pelbagai pilihan pelaburan serta pengurusan risiko yang cekap menerusi jaminan pengekalan modal aset wakaf, merupakan antara faktor yang penting bagi memaksimumkan pelanggan pelaburan wakaf. Hasil pulangan ini akan diagihkan oleh Perbadanan Wakaf Selangor kepada golongan sasaran.

### **Kelima : Pemberian Baucar Pelancongan.**

Impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19 terhadap sektor pelancongan Negeri Selangor amat dirasai terutamanya kepada pemain industri pelancongan seperti pengusaha hotel, inap desa (*homestay*), taman tema, syarikat penerbangan, syarikat perkapalan pelancongan dan agensi pelancongan. Dalam usaha menggiatkan semula ekonomi negeri, kita harus memainkan peranan berganding bahu bersama-sama menyemarakkan semula industri pelancongan domestik Negeri Selangor, sekali gus meletakkan Selangor sebagai sebuah destinasi pelancongan yang selamat dikunjungi.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menyalurkan subsidi baucar pelancongan bagi kegunaan di premis perhotelan, taman tema dan homestay berlesen di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor yang berjumlah RM 2 Juta. Kerajaan Negeri juga bersetuju meluluskan insentif khas *one-off* RM 1,000 kepada pemandu-pemandu pelancong, pengusaha-pengusaha homestay berlesen dan hos komuniti yang berjumlah RM 600 Ribu bagi membantu mereka yang bergantung pendapatan dalam sektor pelancongan.

### **TONGGAK KETIGA – Pembangunan Keupayaan (*Capacity Building*)**

Tonggak ketiga, iaitu Pembangunan Keupayaan (*Capacity Building*), Kerajaan Negeri akan memberi penekanan dengan memacu pertumbuhan industri aeroangkasa sebagai industri yang bernilai tinggi dengan koordinasi tenaga kerja (*talent*) yang terdiri dalam kalangan rakyat Selangor. Inisiatif pembangunan teknologi dan kemahiran aeroangkasa sangat diperlukan dalam fasa pemulihan ini untuk mengukuhkan lagi rantaian sumber manusia dalam bidang aeroangkasa.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri turut memberi fokus dalam peningkatan kemahiran tenaga kerja bagi membantu mereka yang terkesan akibat pemberhentian sektor

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

ekonomi semasa PKP. Kerajaan Negeri meletakkan sasaran untuk menangani masalah pengangguran sebanyak 5% sebagai salah satu strategi pemulihan ekonomi pasca COVID-19 selain daripada menyediakan peluang pekerjaan kepada 10,000 orang dalam tempoh tiga tahun.

### **Pertama : Selangor Kerjaya**

Isu kekurangan penawaran pekerjaan sedia ada harus ditangani. Begitu juga pengangguran yang dijangka akan meningkat pasca perebakkan COVID-19 yang mengganas. Melalui Selangor Kerjaya, sistem profiling dan pangkalan data, akan mengambil kira kesesuaian minat, keperibadian, kompetensi dan kemahiran tenaga kerja di Selangor, akan dapat memadankan permintaan industri dan mengisi kekosongan jawatan serta mengurus bakat rakyat Selangor dengan lebih tepat.

Ini bakal memanfaatkan lebih kurang 10,000 modal insan negeri dalam tempoh tiga (3) tahun, khususnya mereka yang akan diberhentikan kerja atau berdepan risiko diberhentikan kerja, untuk diberikan latihan kemahiran baru sesuai dengan Industri 4.0, dengan izin, *new skill, upskilling and reskilling*. Anggaran kos keseluruhan bagi pelaksanaan Selangor Kerjaya ini adalah sebanyak RM 58 Juta dalam tempoh tiga tahun.

### **Kedua : Rakan Digital Selangor**

Digitalisasi memberi ruang kepada masyarakat seluruh dunia melawan ombak besar COVID-19. Namun, tanpa bantuan kepada rakyat yang benar-benar memerlukan, sudah pasti akan ada yang tertinggal. Menerusi Inisiatif Rakan Digital ataupun *Digital Ambassadors*, golongan sasaran seperti warga emas dan perniagaan kecil yang belum celik digital, dapat dibimbing untuk turut terlibat dalam sosio-ekonomi digital masa kini.

Inisiatif ini akan dilaksanakan bersama universiti-universiti awam dan swasta di Selangor, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Kolej INPENS, UNISEL dan Team Selangor. Program ini akan dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM 3 Juta.

### **Ketiga : Inisiatif Data Internet Selangor**

Inisiatif Data Internet Selangor ataupun Inisiatif Data Internet adalah merupakan kerjasama antara Kerajaan Negeri Selangor dan syarikat telekomunikasi untuk menyokong inisiatif digitalisasi bagi mencapai sasaran Negeri Selangor sebagai Negeri pintar ataupun Smart State pada tahun 2025. Inisiatif ini mensasarkan beberapa matlamat :

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

- Pertama, penjimatkan kewangan untuk penggunaan data internet. Internet merupakan elemen penting bagi memastikan inisiatif digitalisasi dapat dimanfaatkan.
- Kedua, memudah cara inisiatif digitalisasi dengan menawarkan kemudahan internet tanpa had kepada masyarakat.
- Ketiga, bantuan sokongan untuk mempertingkatkan kemudahan capaian rakyat kepada perkhidmatan dalam talian yang disediakan terutama kepada golongan yang memerlukan seperti kumpulan B40, palar luar bandar, guru-guru di sekolah bandar, guru-guru di sekolah luar bandar serta usahawan wanita.

Sebanyak RM 18 Juta akan diperuntukkan bagi program ini dan akan memberi manfaat kepada hampir 40,000 penerima di seluruh Selangor.

### **Keempat : Inisiatif Roda Darul Ehsan (RIDE)**

Selangor merupakan sebuah negeri yang peka dan prihatin dengan trend gig ekonomi yang semakin meluas di Malaysia khususnya dan di dunia amnya. Bagi menggalakkan anak muda melibatkan diri dalam bidang ini, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Inisiatif Roda Darul Ehsan (RIDE) dalam Belanjawan 2020 dengan dana awalan berjumlah RM 1 Juta. Menyedari penglibatan generasi muda yang tinggi, Kerajaan Negeri akan menambah peruntukan RM 1 Juta lagi, bagi program RIDE menjadi RM 2 Juta secara keseluruhan dari segi subsidi Lesen Memandu Percuma B2 yang boleh membantu hampir 3,000 orang anak muda dari umur 17 hingga 30 tahun di Selangor. Pendaftaran Program RIDE dijadualkan akan mula dibuka pada 1 Ogos 2020.

Tuan Speaker, Pandemik COVID-19 dan kesannya kepada ekonomi telah menunjukkan bahawa kita tidak boleh kembali kepada apa yang kita lakukan sebelum ini. Ini sebabnya ‘kebiasaan baharu’ ataupun ‘*new normal*’ menjadi frasa yang sering kali diungkapkan. Kebiasaan baharu ini bermakna harus berlakunya perubahan dari segi cara kita menjual dan membeli barang, menjalankan perniagaan, pergi dan pulang dari sekolah, berinteraksi antara kawan dan keluarga serta bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain.

Namun, kebiasaan baharu juga mendesak kita semua, untuk kita mengubah cara kita berfikir mengenai ekonomi dan gaya hidup kita dan menjawab persoalan penting, “ apa masa hadapan kita pasca COVID-19? *What is our post COVID-19 society going to look like? And how do we plan to get there?*” Dalam menjawab persoalan ini, sudah pasti pandangan kita mengenai ekonomi kita tidak dapat kembali kepada biasa dalam menghadapi krisis sebegini yang begitu besar.

## 13 JULAI 2020 (ISNIN)

Berdepan dengan cabaran ekonomi The Great Depression yang bermula pada tahun 1929, Presiden Amerika Syarikat, Franklin D. Roosevelt, mengumumkan dasar The New Deal yang dilihat amat revolusioner pada tahun 1933, dan berjaya menyelamatkan ekonomi Amerika Syarikat dan dunia yang amat terkesan dengan pasaran saham Wall Street yang merudum. Pada waktu itu, Roosevelt berkata, dengan izin, “*No country, however rich, can afford the waste of its human resources. Demoralization caused by vast unemployment is our greatest extravagance. Morally, it is the greatest menace to our social order*”. Bagi saya, pasca COVID-19 jika tidak ditangani dengan berhemah, berkemungkinan menjurus kita kepada *The Great Depression*.

Pakar ekonomi terkenal Mariana Mazzucato menyeru tindakan yang sewajarnya diambil oleh kerajaan. Antara cadangan yang beliau lontarkan adalah :

Pertama, memikirkan semula hubungan simbiotik kerajaan dan pihak swasta ataupun *public-private partnership*. Sebagai hubungan yang rapat dan berjangka panjang, adakah hubungan ini akan bersifat *mutualistic*, *commensalistic* atau *parasitic*?

Kedua, beliau mengetengahkan konsep suntikan fiskal teknologi hijau.

Ketiga, menukar paksi ekonomi dari pendekatan pemegang saham kepada pemegang taruh ataupun *shareholders to shareholders*, di mana pandemik COVID-19 telah membuktikan dasar dan pembiayaan kerajaan dapat menggerakkan pembiayaan sektor swasta.

Antara aspek lain yang harus kita amati adalah nasib para pekerja yang hilang kerja akibat digitalisasi dan peningkatan automasi. Sementara kita pantas melaksanakan agenda digitalisasi dan negeri pintar, wajar kita menilai risiko yang disebut sebagai ‘technological trap’ terhadap negeri serta rakyat Selangor.

Kini, pakar-pakar ekonomi telah melontarkan perbincangan berkenaan idea-idea baru seperti ‘*Public Wealth Fund*’ bagi menangani nasib pekerja yang hilang kerja. ‘*Public Wealth Fund*’ ini akan digunakan untuk tujuan reskilling dan upskilling pekerja, menangani isu perubahan iklim ataupun climate change, dan merapatkan ketaksamaan ekonomi. Ini harus menjadi perbincangan yang *melibatkan “Whole of government and whole of society”* seperti yang kita lakukan dalam menghadapi dan menggempur wabak COVID-19.

Mungkin kita harus memikirkan sumber pendapatan alternatif kepada kerajaan seperti *inheritance tax* harus menjadi pertimbangan negara sebagai langkah ke arah mengimbangkan kesenjangan pendapatan ataupun *income disparity*, sekali gus

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

membantu kerajaan mengagihkan kekayaan negara dengan hemah dan saksama. Dalam pada itu, saya ingin menyatakan komitmen penuh Kerajaan Negeri Selangor memulihkan ekonomi, memulihkan kesenjangan pendapatan antara yang kaya dan miskin, memulihkan kesejahteraan dan memulihkan keadilan supaya Selangor terus kekal sebagai Malaysia's economic reactor.

Tanpa pelan pemulihan ekonomi yang kukuh, *demand* ataupun permintaan pasaran akan berkurang sekali gus menyebabkan kesenjangan antara yang kaya dan miskin meningkat. Detik pasca COVID-19, adalah saat penting ataupun "*the make-or-break moment*" bagi golongan berpendapatan pertengahan dan semua yang sedang berjuang menghala ke taraf golongan berpendapatan pertengahan.

Sebelum ini, teknologi membuka pintu kepada industri perniagaan untuk melakukan yang lebih dengan sumber yang kurang. Kini, teknologi telah menjadi sangat asasi dan wajib bagi peniaga untuk terus bermula dengan selamat sambil menjamin kesihatan mereka. Dengan pengumuman Pelan Pemulihan ini, saya yakin, Selangor akan jadi magnet bagi pekerjaan baharu, meningkatkan taraf hidup rakyat dan mengukuhkan ketahanan ekonomi supaya dapat menghadapi cabaran pada masa akan datang.

Untuk mengembangkan pelaburan di Selangor, kita harus melabur dalam idea-idea baharu supaya kita meningkatkan keyakinan rakyat negeri serta pelabur dari luar negara untuk meneruskan aktiviti-aktiviti pelaburan ekonomi. Pada waktu yang sama, kerajaan Negeri Selangor prihatin terhadap kesusahan yang dihadapi oleh setiap warga Selangor, terutamanya golongan yang amat terjejas dan benar-benar memerlukan.

Pandemik COVID-19 dan krisis yang menyusul menunjukkan falsafah "*you're on your own economics*" tidak realistik dan tidak mampu menangani krisis. Malah, kerajaan harus bertanggungjawab memastikan bahawa "*the economic shock absorbers are in place to ensure no one will be left behind*". Dan itulah prinsip yang telah saya terapkan dalam pentadbiran ini, dan saya, memberi jaminan kepada setiap warga Selangor; cabaran ekonomi yang sedang dan akan kita hadapi, tidak mudah untuk diselesaikan. Namun kerajaan ini akan bekerja kuat untuk memastikan anda tidak terbiar dan mempunyai segala peralatan yang diperlukan untuk mengharungi cabaran-cabaran ini dan masa hadapan.

Tuan Speaker dan Ahli Dewan, saya mencadangkan sokongan terhadap Pelan Pemulihan Ekonomi dan Pakej Ketiga Rancangan Selangor.....Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong, saya buka Usul ini untuk dibahaskan. Silakan Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : *Bismillahirrahmanirrahim.* Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Pertamanya, Sungai Air Tawar ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker kerana memberi Sungai Air Tawar untuk mengambil bahagian pada perbahasan pada pagi ini. Di kesempatan ini juga, Sungai Air Tawar ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker kerana baru sahaja dilantik sebagai Timbalan Speaker dan kami di blok Perikatan Nasional menyokong penuh, Yang Berhormat Timbalan Speaker, kerana beliau yang mesra Perikatan Nasional. TEPUK.

Biarpun kecil tetaplah mara,  
Menghulur tangan menyambut ikhlas,  
Mulanya kami lima bersaudara,  
Kini bertambah menjadi berbelas.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan, ucapan tahniah dan selamat datang kepada sahabat baru, Yang Berhormat Morib, ehh.. Yang Berhormat, minta maaf...(Ketawa) Mungkin.. InsyaAllah. Yang Berhormat Sementa dan Lembah Jaya, kerana seperti mana yang kita ketahui sebelum ini beliau berada di dalam Majlis Kerajaan Negeri dan juga sebagai Timbalan Speaker. Bukanlah mudah untuk mengambil keputusan untuk berada di dalam blok Perikatan Nasional ini. Saya cukup yakin demi kebenaran dan keadilan, beliau hari ini bersama kami. Seperti mana yang kita ketahui, dunia pada tahun ini digemparkan dengan satu wabak pandemik COVID-19, seperti mana yang kita ketahui memasuki negara kita seawal 25 Januari 2020. Di atas perkara ini, kita melihat pada bulan Mac yang lepas, sidang Dewan Pembukaan Negeri juga, di Negeri Selangor, melihat hanya dapat bersidang selama dua hari. Selepas itu kita melihat, berlaku suasana cemas di kalangan rakyat, kerana mereka bimbang wabak ini akhirnya akan menjadi seperti di negara-negara lain, tidak dibendung dan menyebabkan satu fenomena yang luar biasa. Tetapi saya melihat, kecekapan kepimpinan Y.A.B Perdana Menteri bersama barisan kabinet negeri dibantu oleh pasukan *frontliner* akhirnya kita dapat melihat wabak ini akhirnya dapat dibedung daripada Perintah Kawalan Bersyarat (PKPB) bertukar kepada perintah pergerakan bertukar kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dan hari ini kita lihat kes juga menurun dan statistik menunjukkan sehingga semalam jumlah Julai kes COVID-19 di negara kita sebanyak 8,718 kes, 77 kes masih aktif dengan jumlah kematian seramai 122 orang. Manakala di Selangor kes baru adalah 14 daripada 3 import dan 11 tempatan. Kes sembuh baru 4 orang, kematian 0 sehingga semalam dan Selangor seramai 2,088 kes dan terdapat 13 kes yang masih aktif meliputi beberapa mukim dan saya lihat 8 orang tempatan dan 1

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

kes melibatkan warga Jerman. Jadi saya di kesempatan ini ribuan terima kasih kepada semua pasukan *frontliner* dan juga kerajaan negeri Selangor yang bertungkus-lumus membantu menangani kes COVID-19 ini.

Dan kita baru sahaja mendengar ucapan pakej rangsangan ekonomi daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, saya beranggapan pakej ini tidak lebih hanyalah cantik di atas kertas, indah khabar dari rupa. Kita melihat beliau menyebutkan perbelanjaan sebanyak RM 127.78 Juta pada Fasa 1 dan Fasa 2 jumlah RM 72.5 Juta dan keseluruhan berjumlah RM 400.28 Juta, jadi ingin saya bertanya adakah perbelanjaan ini termasuk daripada RM 130 Juta yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan, sebab apa saya kata bajet ini indah khabar dari rupa, saya ingin menyentuh berkenaan dengan insentif khas peniaga dan penjaja berlesen, RM 40 Juta menerusi pengumuman bantuan ini terdapat beberapa bantuan yang dilihat kurang sampai ataupun kurang menepati kehendak bantuan tersebut. Bantuan RM 40 Juta ini saya difahamkan baru berjaya di belanja RM 10 Juta bermakna ada RM 30 Juta lagi belum dibelanjakan. Agenda utama adalah untuk membantu 80 Ribu penjaja menerima RM 500 secara *one off*. Tetapi rungutan daripada penjaja di bawah yang hanya dapat adalah individu manakala penjaja berlesen secara berkelompok tidak dapat seperti di *uptown*. Jadi saya berharap, apakah tindakan pihak kerajaan negeri menerusi *SELGATE* yang dilihat gagal dalam menyegerakan permohonan bantuan ini. Begitu juga berkenaan dengan pengecualian sewa premis PBT sebanyak RM 12 Juta, saya difahamkan ia nya melibatkan pengecualian pembayaran sewa sebanyak sebulan, tetapi dalam masa yang sama berlaku rungutan di peringkat bawah diarah rakyat dan peniaga yang mana Kerajaan Negeri di bawah PBT menaikkan kadar sewa, saya ambil contoh terkini di MBPJ menaikkan sewa tapak niaga pasar Jalan Othman hingga 300% daripada RM 140 kepada RM 400 Jun tahun 2020 sewaktu PKP lagi dan tidak berpatutan ketika rakyat merungut akibat kesan COVID-19 tetapi berlaku kenaikan kadar sewa di MBPJ. Jadi saya nak tanya ini melibatkan dewan Dun Taman Medan, Yang Berhormat Dun Taman Medan tahu berlaku kenaikan kadar sewa ini?

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Haaa... memang tahu, tapi hakikat sebenarnya bukan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Dan Yang Berhormat Taman Medan bersetuju?

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Haaaa pada hakikatnya ada kisah yang lain di sebalik itu, yang tidak mengikut syarat terperinci ialah apa yang dinyatakan oleh Sungai Air Tawar.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Terima kasih Yang Berhormat Taman Medan kerana memberi penjelasan tetapi saya yakin Yang Berhormat Taman Medan sendiri tak tahu sebab apa, sebab di kalangan Ahli Dewan ini sendiri tidak diberi kepercayaan untuk menjadi Ahli Majlis di dalam kawasan PBT masing-masing, inilah yang akhirnya yang menyebabkan bila berlaku kenaikan kadar sewa. Ahli Yang Berhormat dalam dewan tak boleh.. kalau ahli yang berhormat dalam dewan ini sendiri..

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI** : Mohon laluan Sungai Air Tawar..

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Okay saya beri laluan

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI** : Kenaikan kadar itu telah dimaklumkan kepada kami atas sebab-sebab yang munasabah ya. Pada kadar yang mungkin boleh juga penjelasan sama dikongsi Yang Berhormat Bukit Gasing yang mana kami berkongsi kawasan yang sama ya untuk masalah yang sama daripada itu sebab saya lihat apa yang diberi makluman kepada kami oleh MBPJ pihak Majlis Berbandaran Petaling Jaya ialah dengan sesuatu yang bersifat munasabah dan ada beberapa aspek yang menyebabkan ianya perlu dikaji semula dan kemudian ada proses kenaikan tetapi kemudian masih ada ruang perbincangan lagi. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Okay terima kasih Yang berhormat Taman Medan. Alangkah indahnya kalau beliau dapat bercakap dalam mesyuarat ahli majlis kawasan PBT ni tetapi setakat ini saya difahamkan Ahli Dewan Negeri hanya sebagai pemerhati tetapi kami tetap tidak berpuas hati kerana kenaikan ini melibatkan satu jumlah yang sangat besar. Kerana kenaikan ini dilihat sebanyak 300% daripada RM 140 kepada RM 400 jadi saya minta PBT , MBPJ kaji semula sebegitu jua berkenaan dengan kenaikan cukai kerajaan Pakatan Harapan mula menaikkan cukai tanah pangsapuri antara 500% hingga 800% bermula tahun 2019. Saya ingin mengambil kenyataan akhbar *The Star*, lokasi Apartment di Seksyen 14 Petaling Jaya, beliau mengatakan seorang pesara berumur 76 tahun kini perlu bayar RM 292 tahun 2019. Berbanding RM 34 tahun 2018. Iaitu pada tahun lepas, begitu juga seorang lagi 90 tahun terpaksa bayar RM 358 tahun 2019 berbanding RM 42 pada tahun 2018. Kenyataan ini saya ambil daripada keratan akhbar *The Star*. Ini terusnya ialah berkenaan dengan Yayasan Selangor. Kita baru sahaja dengar Yang Amat Berhormat Menteri Besar begitu gah mengumumkan bajet RM 400 Juta tetapi dalam masa yang sama berlaku penjualan aset secara besar-besaran di dalam Yayasan Selangor dengan begitu rakus. Saya ambil keratan tawaran kenyataan penjualan syarikat perseorangan agen hartanah, penjualan pada 2 Julai Taklimat, 2 Julai 10:00 pagi di Dewan Tingkat 16 Menara Yayasan Selangor Petaling Jaya, melibatkan tawaran penjualan lokasi kedai Puncak Ara Damansara melibatkan melibatkan 6 lot dengan kadar harga serendah RM 900,560.477.76 begitu juga kedai Jalan Stesen Klang

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

1 lot melibatkan RM serendah 3,515,106.00 kedai Semenyih Sentral melibatkan harga serendah RM 1,219,574.00 Juta. Kedai Taman Melawati Jaya, Kuala Selangor ini tak tahu la Bukit Melawati tahu tak tahu 1 lot RM 1,120,000.00 Kedai Pasar Moden Rawang 5 lot melibatkan harga serendah RM 956,340.00 , Kedai Semi D Taman Melawati Jaya Kuala Selangor 1 unit serendah 250,000.00 Kondo Universiti Tower, Petaling Jaya melibatkan 25 unit serendah RM 661,112.00. Kondo Puncak Damansara 14 unit dibuka serendah RM 400,214.24. Kondo Temerloh Impian Rawang 16 unit dijual serendah RM 191,114.00 semi D Templer Bestari Rawang 1 unit RM1 Juta dan Semi D Taman Yayasan Kuala Selangor 5 unit dijual Serendah RM 419,520 dengan jumlah keseluruhan jika berjaya hari ni lebih kurang RM 45 Juta. Persoalan kenapa Yayasan Selangor begitu terburu-buru dalam menjual aset Yayasan. Saya difahamkan sejumlah perbelanjaan dalam tempoh setahun sebanyak RM 12.3 Juta *cash flow* sudah digunakan dan kini tanpa melakukan apa-apa initiatif terus mencari jalan dengan mudah menjual aset kepentingan Yayasan Selangor. Saya nak bagi tahu aset ini adalah khazanah ..

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Sungai Air Tawar.. saya nak dapat maklumat daripada Sungai Air Tawar kalau dulu saya sebagai ahli dan Ahli Kerajaan Negeri bila tidak menjadi Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dan tertinggal dan pembangkang sekarang ni kan siapa pengurus besar yang menguruskan Yayasan Selangor ini yang saya kira adakah keputusan-keputusan yang dibuat ini adalah yang baik untuk Yayasan Selangor ataupun macam mana?

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Okay Yang Berhormat Sijangkang nanti saya begitu ...tapi saya nak sambung tadi.. aset Yayasan Selangor ini adalah khazanah pusaka Negeri Selangor yang diwariskan daripada kepimpinan terdahulu kepada kita untuk diurus dengan baik agar ianya dapat diwariskan kepada kepimpinan yang datang. Kenapa penjualan aset ini perlu dijual secara besar-besaran ini belum lagi kita tengok mercu tanda di Jalan Bukit Bintang yang pada waktu satu ketika dulu menjadi kebanggaan anak jati Selangor. Tetapi pada hari ini bertahun-tahun dilihat usang amat memalukan.. bertahun-tahun tidak dapat diurus dengan baik.. kenapa?..dan saya nak menyambut kenyataan Y.B. Sijangkang tadi dia nak tanya siapa yang menguruskan, Saya difahamkan sekarang ialah saudara Eddy Ahmad Adrian Tunku Zairi . Beliau ini dulu berada di dalam CCSB dan mendapat teguran dalam Audit Negara kerana menjawat jawatan bermula 1 Januari 2016 tetapi tidak sah. Dia menjawat menerima gaji tetapi tak dapat surat lantikan sehingga mendapat teguran daripada Audit Negara . Selepas itu dia hari ini berada di dalam Yayasan Selangor. Ada 5 orang sahaja, Ahli Lembaga Pengarah dalam Yayasan Selangor, yang pertama ialah Y.A.B Dato Seri Menteri Besar sendiri, Dato' Seri Menteri Besar. Kedua, Y.B. Timbalan Pengerusinya ialah Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, selepas itu Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri Selangor dan selepas itu Pengarah Pendidikan Negeri Selangor dan Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan dan saudara Eddy Adrian itu. Hanya ada 6

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

orang dan saya nampak mereka ini semua dah pasti sibuk dan saya tak pasti dalam masa setahun berapa kali boleh bermesyuarat berkenaan dengan Yayasan Selangor. Pengarah Negeri dah pasti sibuk, Pengarah Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan juga dah pasti sibuk yang ada hanya Eddy Ahmad Adrian ni. Saya tak tahu *board* ni tahu tak tahu berlaku penjualan setuju ataupun tidak. Jadi saya rasa sudah sampai masanya perlu dikaji semula penglibatan Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Selangor ini perlu ditambah daripada golongan profesional tambah. Perlu di tambah di kalangan Ahli Dewan tambah. Ini tidak Ahli Dewan setahun 3 kali je dapat cakap dalam dewan. Ha itu tidak ada diberi kepercayaan duduk dalam Majlis Daerah sebagai ahli majlis daerah tidak diberi kepercayaan untuk dalam syarikat-syarikat kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Air Tawar, Kuang mohon laluan.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Saya beri laluan kepada Kuang

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Y.B. Sungai Air Tawar, saya melihat bahawa isu-isu berkait yang disebut Yang Berhormat berkenaan dengan Yayasan Selangor ini, sebenarnya adalah sentimen adalah rakyat Selangor sendiri. Yayasan Selangor ini adalah menjadi kebanggaan satu masa dahulu kerana matlamat penubuhannya adalah untuk membiayai anak-anak Selangor ke peringkat yang lebih tinggi sehingga mereka berjaya lah. Tetapi nampaknya apa yang disebut oleh Sungai Air Tawar ini, kita lihat bahawa Yayasan Selangor ini sudah di rel lah luar lari daripada landasan dan matlamat penubuhan. Adakah itu Yang Berhormat Sungai Air Tawar setuju?

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Saya amat bersetuju. Oleh sebab itu, saya berharap Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dapat mengkaji semula penjualan aset Yayasan Selangor. Aset ini belum lagi, saya cukup risau ia ini tak tahu apa nasib bangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang. Mungkin nasib nya juga akan menerima nasib yang sama jika ianya tidak dapat diurus tadbir dengan baik akhirnya jalan mudah dengan menjual bangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang. Itu belum lagi saya dengar tak tahu betul ataupun tidak mungkin akan berlaku penjualan Bangunan Perangsang di Shah Alam. Tapi saya perlukan penjelasan nanti daripada Yang Berhormat betul ataupun tidak penjualan Bangunan Perangsang ini.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Yang Berhormat Sungai Air Tawar, Sungai Panjang.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Panjang.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Hah, ya.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Air Tawar. Kita sebelum ucapan Yang Berhormat Sungai Air Tawar tadi kita mendengar dengan teliti ucapan dan juga pembentangan daripada Yang Berhormat Sungai Tua yang menceritakan tentang Selangor ini sebagai Malaysia *Economy Reactor* tapi pendedahan-pendedahan yang dibuat oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar setuju tak kalau saya bertanya dengan Yang Berhormat Sungai Air Tawar ini umpama ibu ayah kita orang tua kita dulu cari harta, kumpul harta untuk membangunkan negeri ini supaya memudahkan generasi bawah kita, generasi anak-anak kita, generasi yang kemudiannya untuk mendapat nikmat, rahmat dan juga manfaat daripada kumpulan harta-harta ataupun aset-aset yang dikumpulkan ini akhirnya yang di peringkat bawah ni di faraid harta ini sesuka hati dan kita Ahli-ahli Dewan pun tak tahu maklum berkenaan dengan Yayasan Selangor ni nak jual harta sana dan sini habis nak dilupuskan, harga pun macam harga lelong pasar malam aje jadi ini yang menjadi keresahan kepada rakyat di bawah Negeri Selangor seperti mana Yang Berhormat Kuang beritahu tadi.

Yayasan Selangor ini adalah simbolik ataupun adalah ada nilai sentimental *value*

**TUAN SPEAKER :** Sungai Panjang ringkaskan. Ringkaskan.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** kepada rakyat Negeri Selangor jadi Yang Berhormat Sungai Air Tawar pula beritahu Bangunan Perangsang ini semua jasa daripada UMNO Barisan Nasional ketika kita memerintah (Tepuk) dan juga mentadbir Negeri Selangor ni mendapatkan semua aset-aset ini dan akhirnya sampai dalam Kerajaan Pakatan Harapan yang hari ini dah kong kali kong ni nak dijual habis harta jadi apa pandangan, penjelasan daripada Yang Berhormat Sungai Air Tawar. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya ingin bertanya, sebenarnya berkenaan dengan Yayasan Selangor ini berdasarkan pengalaman saya dan penghayatan rakan-rakan seperjuangan di sini di kalangan pakatan kita pun ada bertanya tentang soalan ini dah banyak kali dalam sidang Dewan sebelum ini. Malahan masa itu, masih saya ingat Jawatankuasa ABBAS yang di Pengurus oleh Yang Berhormat Hulu Kelang telah pun membuat lawatan tapi setuju ke Yang Berhormat dengan saya bahawa sebenarnya soalan yang dilontarkan oleh Yang Berhormat itu sebahagian besarnya perlu dijawab oleh rakan yang duduk di sebelah Yang Berhormat iaitu Bukit Antarabangsa yang malangnya hari ini dia tidak ada di sini. Waktu beliau sebagai Yang Amat Berhormat Menteri Besar soalan-soalan itu lah yang ditanya sama ada dari pembangkang ataupun

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

di kalangan kerajaan. Tapi tidak ada satu jawapan yang muktamad dan saya kira agak sekarang ini Sungai Tua perlu mewarisi soalan-soalan tersebut dan bukankah benar kalau kita memberi sedikit masa untuk Sungai Tua mencari jalan keluar bagi Yayasan Selangor ini dan menyelesaikan sekali gus masalah yang tidak sempat dan tidak dapat dan tidak ingin diselesaikan oleh Bukit Antarabangsa dalam masa tiga empat tahun yang lepas.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Banting yang begitu gigih biasanya mencelah setiap kali perbahasan saya. Saya setuju dengan kenyataan Yang Berhormat tetapi kena diingat penjualan ini berlaku pada waktu ketika ini di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Soal yang lepas, lepaslah ini cerita yang mendatang kenapa kalau yang dulu pun dah teruk nak diterukkan lagi. Perlu berlaku penjualan demi penjualan? Selesai macam tu? Buat apa lantik CEO baru ni? Pakar di dalam bidang menjual? Saya ingat kalau setakat pakar di dalam bidang menjual tak perlu duduk dalam Yayasan Selangor. Jadi sebab itu saya minta agar Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar mengkaji semula penjualan-penjualan aset di Yayasan Selangor ini.

Seterusnya, saya ingin kepada menyentuh berkenaan dengan Sistem Selangkah yang baharu sahaja Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar sebutkan menjadi kebanggaan. Sistem Selangkah ini sama lebih kurang

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Soalan-soalan. Saya mohon izin

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Boleh.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Sebenarnya saya rasa soalan yang lebih jitu yang seharusnya dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah selain daripada bertanya asal usul ataupun sebab-sebab mengapa aset ini dijual tapi satu soalan yang lebih penting ialah bagaimana wang yang dihasilkan itu daripada penjualan ini dapat digunakan untuk manfaat untuk kebajikan dan masa depan anak-anak kita. Saya rasa itu juga satu soalan yang sangat penting. Saya kira keputusan untuk menjual, membeli itu adalah satu keputusan *business* ataupun perniagaan dan sememangnya ianya perlu di jawab tetapi kadangkala bukannya ada satu jawapan yang kata itu adalah satu salah. Itu adalah satu keputusan yang betul sepenuhnya. Dia ada logik dia di belakangnya tetapi apa yang penting ialah bagaimana selepas *exercise* ini wang yang diguna wang yang ada itu digunakan. Adakah ianya akan digunakan untuk melabur ke atas masa depan anak-anak kita. Adakah ianya akan digunakan untuk pendidikan. Adakah ianya digunakan untuk mempertingkatkan hartaanah yang masih ada dipegang oleh Yayasan Selangor. Adakah ianya akan digunakan untuk menjana sumber-sumber yang lain untuk Yayasan Selangor

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

daripada pasaran-pasaran yang lain? Itu saya rasa soalan yang perlu ditanya tetapi tidak ditanya dan saya bertanya sama ada Yang Berhormat bersetuju.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Yang Berhormat Banting, Ketua Pembangkang dia soal berkenaan dengan penjualan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya tanya dengan Sungai Air Tawar, saya tidak tanya dengan Sungai Panjang.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Ok. Terima kasih Yang Berhormat Banting. Saya harap beliau ini diberi ruanglah duduk dalam Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Selangor lepas ini sebab banyak idea. Soalan yang saya beritahu tadi bukan duit menjana duit ini tadi tetapi kenapa CEO baru, baru dilantik belanak sampai RM 12.3 juta *cash flow* tiba-tiba jual lagi bangunan tak ada ke jalan lain? Ada macam-macam jalan. Tu bangunan pelan di Bukit Bintang bertahun-tahun tak kosong jadi bangunan hantu tak bukan kira Bukit Antarabangsa ke bukit apa ke tapi sekarang saya nak tahu langkah-langkah daripada Yayasan Selangor ni janganlah dengan cara semata-mata menjual aset dapat untuk umum sedangkan Kerajaan Negeri begitu gah baru mengumumkan satu bajet besar untuk mangsa COVID di Negeri Selangor, RM 400 Juta tapi dalam masa yang sama jual aset sampai berpuluhan juta. Ini satu perkara yang amat mendukacitakan di pihak kami di pihak Perikatan Nasional sebab itu saya kata tadi perlu dikaji semula.

Kalau kita tak bangkitkan saya takut lepas ni bangunan di Bukit Bintang itu pun turut dijual sebab seronok. Orang kalau dah *start jual* ni seronok lagi-lagi benda pusaka ni. Kalau dah mula *start jual* benda pusaka ni memang seronok. Jadi sebab tu saya kata ianya pusaka ya yang diwariskan kepada kita dan sepatutnya diuruskan dengan baik untuk kita berikan pula kepada generasi kepimpinan mendatang.

Seterusnya saya ingin sentuh berkenaan dengan Sistem Selangkah Selangor.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Mencelah

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Mencelah, silakan Sijangkang.

**TUAN SPEAKER :** Sijangkang.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker. Terima Kasih Sungai Air Tawar. Saya sebagai anak Selangor jati ya, kalau tadi Sungai Air Tawar juga sebagai anak Selangor jati ya memberikan definisi Pengurus Besar sebagai Pakar Menjual bagi saya, saya cukup terasa tak tahu lah kalau Ijok ataupun Sementa hasil didikan daripada Yayasan Selangor juga tempat asal pendidikannya. Saya tak sampai hati hendak sebut ia sebagai pakar menjual lah kalau ada mungkin maklumat daripada Sungai Air Tawar apa kepakaran Pengurus-pengurus ni kalau ada maklumat kalau tidak mungkin Menteri Besar saya kira sedia maklum, lebih maklum untuk menjawabnya.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Minta laluan Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Silakan. Kuang.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Saya nak sambut sikit lagi lah. Kalau dulu di Yayasan Selangor ni kita mempunyai satu jawatan yang dipanggil sebagai Pengurus Besar tetapi sejak ada kemasukan baru ini atas pelantikan baru ini ia sudah bertukar kepada *Chief Executive Officer*. Saya tak pasti sama ada saya minta penjelasan selepas ini berkenaan dengan lantikan dan perubahan pada nama tersebut kerana saya lihat dalam laporan-laporan di JP ABBAS ya kita pun semak juga berlaku perubahan terhadap jawatan daripada Pengurus Besar kepada CEO sedangkan Yayasan Selangor ini bukan nya satu Kumpulan Korporat ia adalah sebuah Yayasan yang mempunyai sentimental *value* kepada anak-anak Selangor yang mempunyai aset yang berbilion ringgit tetapi jika aset-aset tersebut tidak di manfaatkan untuk menjana pendapatan ataupun membantu Yayasan itu sendiri maka saya lihat bahawa jawatan CEO itu memang tidak layak lah untuk berada di situ kalau disebut sekali lagi oleh beberapa perkara yang diulaskan oleh Yang Berhormat...

**TUAN SPEAKER** : Ringkaskan Kuang. Nanti Kuang boleh berbahas kemudian. Ringkaskan. Apa pandangannya tu.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Apa pandangan? Adakah jawatan CEO itu patut dikekalkan ke ataupun kita kembali kepada Pengurus Besar. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Terima kasih Yang Berhormat Kuang saya setuju. Dahulunya Pengurus Besar. Bila tukar CEO ni seolah-olah nak di Korporatkan pulak Yayasan Selangor ni. Sebab itu saya kata tadi berkenaan kriteria yang Sijangkang tanya saya tak boleh jawab lah nanti mungkin Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar boleh jawab yang saya tahu beliau ini dulunya berada sebagai CEO

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

Communication Corporation DCCSB tetapi menjawat jawatan daripada Januari 2016 sampai dia ditukarkan tak dapat surat lantikan tetapi menerima gaji. Menerima gaji dan menjalankan jawatan sebagai CEO lepas tu tukarkan pulak di Yayasan Selangor saya dengar dah belanjakan 12.3 juta cash flow lepas tu jual pulak aset Yayasan Selangor ini jadi sebab itu saya minta sangat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar mengkaji semula. Mengkaji semula penjualan aset ini dan mengkaji juga semula Ahli Lembaga Pengarah yang ada di dalam Yayasan Selangor sebab saya tengok semunya ni mungkin sibuk dengan tugas-tugas masing-masing perlu ada penambahan agar ianya baik dan pentadbiran lebih licin pada masa akan datang.

Seterusnya berkenaan dengan Sistem Selangkah Selangor. Kita baru sahaja mendengar Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar begitu gah menyebut Sistem Selangkah yang sama dengan My Sejahtera. Lebih kurang lah My Sejahtera, lebih kuranglah fungsinya, tak apa, tak apa, tak sama pun tak apa.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tuan Speaker. Tuan Speaker, saya ingin mencelah.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Saya bagi, saya bagi.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : (Ketawa). Terima kasih Sungai Air Tawar. Saya ingin hanya hendak membuat satu pembetulan iaitu Sistem Selangkah dilaksanakan sebelum Sistem My Sejahtera. (Tepuk). So, ini adalah satu fakta yang mungkin tak betul lah yang disebutkan oleh Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Tahniah, tahniah. Hebat, hebat, hebat. Saya tak kata Sistem Selangkah ni tak bagus.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Minta laluan. Minta laluan lagi Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Ok. Tak apa, saya bagi lagi.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Saya sebenarnya memang saya, saya agak tidak bersetuju lah dengan Sungai Air Tawar kalau kata My Sejahtera tu mendahului Selangkah kita tu nampaknya kita dah, dah mengubah sedikit fakta yang sebenar lah kan. (Tepuk). Selangkah ni memang kita akui bahawa ia satu *brand* daripada Kerajaan Negeri Selangor dan kita harus berbangga lah dan Sejahtera tu kemudian, kemudian, kemudian cerita. (Tepuk).

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI** : Ni dua-dua makan ni.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Terima kasih Yang Berhormat Kuang. Saya tak kata Sistem ni tak bagus tapi kita tahu sistem ini dibina untuk mengambil data rakyat.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI** : My Sejahtera pun sama juga

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Yang memasuki premis-premis ataupun kediaman-kediaman kerajaan ya. Kita kalau buka dia dah sebut ya bahawa data akan diguna untuk SOP COVID-19 ini. Persoalannya, saya tak kata data itu tak bagus. Persoalan dia, saya difahamkan syarikat yang dilantik untuk mengendali Sistem Selangkah ini adalah Syarikat AI For Good yang berbekalkan modal cuma RM 5,000.00. Saya tak pasti AI For Good, Anwar Ibrahim For Good atau sebagainya tak ada ke syarikat lain. Lain-lain dan sebagainya AA For Good dan sebagainya...

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Minta tarik balik

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Saya bertanya, saya bertanya, saya bertanya kalau bukan tak apa lah saya tarik balik.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Tak boleh lah sebut nama Datuk Seri Anwar Ibrahim tadi tu. Minta tarik balik.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Sayang Taman Templer ya.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Tak. Minta tarik balik

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Minta tarik balik.

*Perbalahan antara ADUN-ADUN*

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Biar ada satu bukti jangan sedap-sedap main tuduh. Kalau nak tuduh, betul-betul tuduh, jangan main sedap je.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Bukan tuduh ini pertanyaan bertanya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Panjang, Taman Templer

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Dapatkan bukti dulu.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

- Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Ini pertanyaan.
- Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Kita minta ditarik balik.
- Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Pertanyaan, tanya jawablah.
- Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Tarikh balik.
- TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Panjang, Taman Templer.
- Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Ok Yang Berhormat Taman Templer. Bandar Baru, Kekanda.
- Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Satu penjelasan, seluruh dunia kita katakan AI. AI itu *Artificial Intelligent*. Macam mana pembangkang ingat AI Anwar Ibrahim. Dia tak tahu apa yang berlaku di dunia.
- Suasana perbalahan*
- Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Terima kasih Yang Berhormat Bandar Baru Klang.
- Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Ni nak tanya obsesi atau pun kasih sayang?
- Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Ini baru bolah dikatakan bijak, saya tengok tadi Yang Berhormat Taman Templer terpekkir terlolong macam kena sampuk puteri bunian.
- Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Tak bijak tak apa, tapi kita nak mempertahankan. Ini dewan yang mulia sepatutnya biar berhujah dengan cara betul. Cara yang bijak sama bukan tuduhan. Kalau nak tuduh, kita boleh tuduh pihak pembangkang macam-macam kita boleh tuduh.
- Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Terus jangan simpan.
- Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Kita minta tarik balik dulu.
- Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Ini pertanyaan, pertanyaan, jadi persoalan dia, saya nak tanya, AI For Good ini dapat melaksanakan sistem SELangkah ini, adakah ia diberi secara tender terus atau ianya ditenderkan? Kalau My Sejahtera saya tak boleh

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

jawab, saya tak boleh jawab. Itu bukan bidang tugas kuasa saya, sebab itu saya bertanya Yang Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kenapa ia nya diberi secara terus? Saya difahamkan diberi secara terus? Kenapa tidak ditenderkan? Apa kriteria Syarikat AI For ini untuk melaksanakan sistem SElangkah ini penting yang dibangga-banggakan. Apa kriteria dia bermodalkan RM5 ribu. Inilah masalah dia main lantik je. Kita pun tak tahu sejauh mana keberkesanan ataupun kemampuan syarikat ini? Jadi saya minta agar Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memberi penjelasan dengan sejelas-jelasnya berkenaan pelantikan syarikat AI For Good untuk melaksanakan sistem SElangkah dan berapakah pembayaran yang diterima oleh Syarikat AI For Good ini? Seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan pemberian Ahli Majlis PBT dan MPKK.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Silakan.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Air Tawar. Tadi disebutkan Syarikat AI ini, saya nak tanya Sungai Tawar ada ke buat carian Syarikat AI ini. Siapa dia punya Ahli Lembaga Syarikat AI ini? Ada ke dalam AI ini disebut Anwar Ibrahim ke? *Artificial Intelligent* ke atau pun apa? Kalau tak saya ingin itu bukan jadi isu AI Syarikat AI ini terima kasih.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Ya bukan maksud saya setuju menjadi isu Syarikat AI. Persoalannya tadi kenapa kriteria yang membenarkan AI ini mendapat *job* untuk melaksanakan sistem SElangkah ini kerana Sistem SElangkah ini satu sistem yang hebat seperti mana yang diperkatakan tadi. Dengan data pengguna yang akan dikumpulkan. Jadi kita nak tahu sejauh mana kriteria yang melayakkan dia dapat secara terus tanya perlu ditenderkan. Biasanya kalau nak bagi syarikat secara terus ini tanpa ditenderkan perlu ada kriteria yang *concrete* yang kukuh untuk melayakkan syarikat ini dapat. Bukan dasar Kerajaan Negeri tak bersetuju dengan pembelian secara terus ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Ok Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Terima kasih bagi ruang untuk mencelah. Tadi Yang Berhormat sangat bangga dengan angka Perikatan Nasional semakin meningkat dalam dewan negeri, tapi nampaknya sebagai Ketua Pembangkang Ahli-ahli Perikatan Nasional tak berapa menyokong ucapan Yang Berhormat selalu menyoal fakta yang diberikan.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Tak apa, tak menyokong tak apa, yang penting ada bersama saya. Terima kasih.

**Y.B. SALLEHUDDIN BIN AMIRUDDIN** : Saya nak sambung sikit lagi. Boleh? Sebenarnya Perikatan Nasional ini bukanlah satu benda yang berdaftar. Jadi kalau tak daftar kita nak kod payah sikitlah. Sabar sikit, sabar.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Terima kasih Yang Berhormat Y.B. Kuang.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya rasa saya betulkanlah sebelum merebak melebar tak terkawal. Bila disebut tender ia melibatkan perolehan. Ini masalahnya SElangkah kita dapat *free*. Kosong ringgit. Dengan *free* itu kita dapat kutip 5.1 Jadi tak ada pilihlah. Orang nak beri ahlan wasahlan terima kasih.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Ok terima kasih atas penjelasan itu. Sebab itu saya bertanya di dalam dewan yang mulia ini. Seterusnya ialah pemberian kepada Ahli Majlis PBT dan MPKK sebanyak RM5.3 juta ringgit. Saya nak tanya pemberian ini adakah pemberian baru ataupun melibatkan pemotongan daripada peruntukan sedia ada? Saya juga nak menyentuh berkenaan dengan rungutan daripada kalangan rakyat yang mana kebanyakan pengurus-pengurus MPKK dilihat tidak dapat menjalankan tugas seperti mana yang diharapkan. Setelah saya melihat berlaku kekangan berkenaan dengan kelancaran, tak apa boleh jawab. Kelancaran dari sudut jawatankuasa yang dilihat tidak lengkap yang akhirnya menyebabkan tidak dapat melaksanakan tugas dengan lancar di peringkat kampung masing-masing. Di peringkat kampung masing-masing dan saya Inn Shaa Allah akan cuba mendapatkan data yang lebih tepat siapa yang dilantik menjadi ahli jawatankuasa. Dan yang mengemparkan juga di tempat saya, saya mendapat aduan, di kalangan rakyat dan juga di kalangan MPKK sendiri yang menyatakan ada beberapa kampung di Sungai Tawar ini seperti di Tebuk Jawa, Teluk Rhu, Kampung Tengah, Kampung Baru, Sungai Tengah Utara yang dahulu Ahli MPKK nya terdiri daripada ahli Parti Pakatan Gabungan Rakyat mungkin Amanah ataupun PKR hari ini diminta untuk menjadi ahli DAP sebab agar baru boleh pengurus MPKK di kampung itu, sedangkan di kampung itu tidak ada parti DAP. Ini yang dibangkit kepada saya. Jadi saya nak bertanya adakah benar? Sekiranya benar untuk apa? Adakah hari ini Pakatan Rakyat ini sudah tidak saling mempercayai Pakatan Harapan, minta maaf.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Tawar.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Pakatan Harapan ini sudah tidak mempercayai sesama gabungan.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Tawar, sekarang ini kita berbahas dengan apa yang telah dibincangkan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Sungai Tua, jadi saya ingat tajuk itu tidak termasuk dalam perbahasan.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Ok, Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker sebab kerana perkara ini boleh menyebabkan kucar kacir.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kita ada masa 10 minit. Jadi tamatkan kalau pukul 1. Tamatkan pukul 1 ya.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Seterusnya, berkenaan dengan kelas pengurusan mental menerusi media sosial. Saya tidak menafikan kesihatan mental sangat penting dan sokongan berterusan dalam menghadapi tempoh sukar ketika ini. Tetapi menjadi persoalan adalah justifikasi jumlah 1 juta ringgit ini semata-mata untuk mengadakan FB *live*. Mungkin 1 juta ringgit ini kedengaran kecil atau dilihat remeh, tetapi bayangkan peruntukan 1 juta ringgit digunakan hanya untuk membiayai kelas *Facebook live* yang disiarkan menerusi FB *Face Selangor 3W* bagi 22 episod sahaja. Hanya 22 episod ini bermakna setiap episod menelan belanja purata sebanyak 45 ribu ringgit. Kalau hendak dibuat perbandingan 45 ribu ringgit ini adalah sebanyak 15 ribu ringgit lebih tinggi daripada peruntukan Ahli Dewan Kerajaan Negeri sendiri yang mana digunakan sewaktu Covid-19 ini. Apa yang mahal sangat untuk adakan FB *Live* ini. Platform FB itu adalah percuma, kalau perlu dibuat promosi iklan FB sekali pun tidak tercapai akal setiap episod menelan belanja sebegini tinggi. Jadi saya berharap Kerajaan Negeri dapat memberikan satu penjelasan terperinci. Bagaimana 1 juta ringgit ini di belanja semata-mata untuk kelas FB *live*. Seterusnya berkenaan dengan Pelan Pemulihan Ekonomi Pasca Covid-19 yang baru sahaja Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar umumkan. Saya hendak beralih kepada isu ini kerana sebagai pembangkang saya merasa terkilan usul yang amat penting ini tidak diberi tahu perincian nya dengan lebih awal. Apabila dibentangkan pada hari ini terus hendak di bahas serta diluluskan pada hari ini juga. Bermakna kami tidak diberikan masa dan ruang yang cukupnya meneliti pelan yang di rancang oleh Kerajaan Negeri ini. Kita di sini mewakili rakyat setiap daripada kita mempunyai kumpulan rakyat dan mungkin berbeza keperluan dan memerlukan fokus serta pendekatan yang berlainan antara satu kawasan dan kawasan yang lain. Jadi apabila tidak diberikan perincian tentang usul ini dengan lebih awal maka suara-suara rakyat yang memerlukan perhatian kerajaan tidak disampai dengan lebih berkesan. Kita tidak mahu pelan pemulihan hanya menjadi bahan propaganda yang menunjukkan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar atau seperti buat kerja tetapi akhirnya nanti terdapat kelumpang dalam tindakan serta pelaksanaannya. Peranan kami sebagai pembangkang kita tidak boleh bersetuju atas perkara itu tetapi kalau ada yang tidak betul kita perlu

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

dengan ketegasan untuk menjadi semak dan imbang kepada pentadbiran Kerajaan di Negeri Selangor. Jadi ...

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Nak minta pandangan sikit daripada Ketua Pembangkang.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Ya Taman Templer silakan.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Terima kasih Ketua Pembangkang, terima kasih Ketua pembangkang. Paling tidak Kerajaan Negeri Selangor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Sungai Tua bawa perkara dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri kita pada pagi ini. Saya pun tak nak berkeraslah dengan Yang Berhormat Ketua Pembangkang ini, sebab saya nampak seolah-olah akan ada Ketua Pembangkang baru nampaknya. Cuma saya nak tanya di peringkat di Persekutuan ini Perdana Menteri kita yang baru ini Abah kata gitu, tak berani nak bawa persoalan tentang dengan Covid ini untuk dibincangkan di peringkat Parlimen sepatutnya benda yang melibatkan kepentingan negara ini sepatutnya di bawa ke peringkat Parlimen jadi minta komen sikit Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Terima kasih Yang Berhormat Taman Templer, saya kira beliau layakkan lepas ini diberi kerusi dalam di dalam majlis Kerajaan Negeri Selangor. Itu kena tanya Dewan Rakyat, tetapi kita tak boleh nafikan, pelaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu Covid dalam menangani krisis Covid-19 ini amat disenangi oleh rakyat Malaysia. Ia terbukti yang penting pelaksanaan kalau cantik di atas kertas sahaja pun di bawah huru-hara, rakyat menderita tiada guna. Jadi itu pandangan saya Yang Berhormat Taman Templer, kerana Taman Templer selalu mengganggu perbahasan saya, saya rasa masuk kepada penutup perbahasan. Saya terus kepada penutup perbahasan saya. Seronok ya. Seronok Taman Templer. Ok terima kasih, seterusnya saya ingin menyentuh isu pendatang asing tanpa izin. Yang menjadi satu kebimbangan kepada penduduk setempat khususnya di tempat saya. Barubaru ini 8 Julai 2020, pihak IPD Sabak Bernam telah berjaya menangkap seramai 10 orang lelaki dan 7 orang perempuan Indonesia bersama 2 lelaki Malaysia yang dipercayai dalang sindiket pendatang asing tanpa izin. Jadi saya merakam ucapan tahniah kepada IPD Sabak Bernam kerana pantas untuk menangkap sindiket warga asing ini. Yang menjadi kebimbangan saya mereka masuk ke negara ini melalui kawasan-kawasan yang diwartakan di kawasan perairan Sungai Lang dan sekitar Sungai Tawar. Saya difahamkan depot pangkalan marin dan MPFM hanya ada di Klang dan mengambil masa sehingga 40 minit untuk sampai ke DUN Sungai Tawar dan saya minta pihak Kerajaan Negeri selepas ini dapatlah membuka 1 depot pangkalan kecil di DUN Sungai Tawar

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

untuk memudahkan marin dan juga MPFM ini menjaga perairan di sekitar DUN Sungai Tawar yang menjadi tempat *hotspot* naik pendatang asing.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Tawar sila duduk, sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan 1 tengah hari.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Saya bertanya tak boleh saya duduk, minta maaf Yang Berhormat Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sebelum saya menangguhkan dewan ini, saya ingin memaklumkan makan tengah hari ini untuk semua Ketua-ketua Jabatan di sediakan di foyer SUK. Dengan ini saya menangguhkan dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**(DEWAN DISAMBUNG SEMULA)**

**(TUAN TIMBALAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Dewan disambung semula dipersilakan Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker kerana memberi sekali lagi Sungai Air Tawar untuk menyambung perbahasan pada sesi petang. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan projek pembangunan bercampur di Taman Air Manis, Pancang Bendena, Sabak Bernam yang telah diusahakan oleh PNSB. Walaupun projek pembangunan ini tiada kena mengena dengan COVID-19 ini tetapi peluang pekerjaan yang akan dicipta akan membantu rakyat khususnya daripada Sabak Bernam dalam menjana pendapatan pada masa akan datang.

Jadi saya melihat projek ini telah pun berjalan daripada tahun 2008, sehingga kini projek yang memakan masa yang cukup lama sehingga 12 tahun. Dan sehingga kini ia juga telah menelan belanja sehingga RM26 juta dari sudut kos menambah dan juga kos pengurusan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Timbalan Speaker, Peraturan Tetap ia Peraturan Tetap 361, seseorang Ahli hendaklah mengehadkan percakapannya pada perkara yang

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu. Saya kira terlalu jauh Yang Berhormat Sungai Air Tawar menyimpang dan sejak awal lagi daripada ucapan beliau perbahasan beliau sudah selalu menyimpang, jadi untuk menjimatkan masa sebab ini bukan perbahasan bajet atau pun bajet tambahan. Jadi sekiranya semua perkara dibawa ke sini, sampai akhir minggu ini pun tidak dapat diselesaikan. Saya juga setuju bahawa perkara itu mungkin penting tapi dia kena bawa pada mengikut agenda.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya mengambil kira kerana saya kira dalam masa setahun inilah, 3 kali peluang untuk saya bercakap di dalam Dewan yang mulia ini untuk menyuarakan pandangan dan suara rakyat. Tetapi kalau dalam Dewan yang mulia ini juga saya dibataskan, ini amat mendukacitakanlah bagi saya. Tapi walau bagaimanapun saya menghormati keputusan Timbalan Speaker, tetapi berkenaan perkara ini tadi sebenarnya saya hendak menyentuh berkenaan dengan pembinaan RNR ini kerana ia dapat menjana ekonomi. Dan ia dapat membantu penduduk di DUN Sungai Air Tawar dalam menjana pendapatan dalam suatu menghadapi COVID ini, lebih-lebih lagi selepas COVID, kita semua tahu selepas COVID-19 ini akan berlaku kemelesetan ekonomi. Jadi kalau ada pembinaan, dulu dijanjikan pembinaan RNR di tapak sedia ada tetapi hari ini saya difahamkan RNR itu akan diubah ...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Timbalan Speaker, Yang Berhormat Sungai Air Tawar masih lagi hendak menyimpang. Memang masa tidak, kita tahu kita hanya 3 kali mesyuarat, tapi bukan sahaja Yang Berhormat Sungai Air Tawar yang bermesyuarat, ramai ADUN yang lain juga hendak berucap. Dia ambil masa semua orang dan saya dimaklumkan bahawa perbahasan ini ada diberi masa sehingga hari esok. Jadi kalau dia ambil masa semua, seorang sahaja yang bercakap. Tak akan Sungai Air Tawar saja hendak cakap. Jadi kenalah masuk kepada perkara pokok dan bukan menyimpang isu-isu yang tidak berkaitan secara langsung dalam hal ini. Kalau tidak, tidak berertilah mesyuarat ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Air Tawar, saya pun sebelum ini telah pun beri peringatan dan hadkan kepada apa yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat iaitu inisiatif dalam menangani wabak COVID yang telah dibentangkan.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Sebab itu tadi saya hendak habiskan perbahasan, suruh sambung petang. Jadi petang ini saya hendak sambung, sebab itu saya kata, saya kira ambil peluang dan ruang untuk saya berbahas membawa suara rakyat. Tetapi sekiranya Timbalan Speaker tidak membenarkan saya akur tetapi saya sungguh kecewa kerana saya rasa inilah

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

tempat sepatutnya saya boleh membawa permasalahan rakyat, memandangkan saya dipilih sewaktu PRU Ke-14. Jadi seterusnya ...

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Saya hendak respons sikitlah. Sebenarnya Yang Berhormat boleh bawa usul dengan tajuk yang sesuai dan tidak ada had kepada Yang Berhormat untuk membawa usul, kenapa tak bawa usul untuk topik-topik yang hendak dibincangkan.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Terima kasih Bukit Gasing. Seterusnya saya ingin bertanya berkenaan dengan pemberian sumbangan CSR daripada Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor sewaktu COVID-19 ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar berapakah sumbangan yang dikeluarkan oleh Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri seperti MBI, PKNS, PNSB dan sebagainya. Adakah berlaku sumbangan CSR, sekiranya ada berapa jumlahnya dan adakah sumbangan ini diberi secara menyeluruh kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri atau pun hanya kepada mereka yang dipilih-pilih sahaja. Jadi saya inginkan penjelasan berkenaan dengan pemberian sumbangan CSR daripada Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri sewaktu COVID-19 ini. Seterusnya sebelum saya menutup perbahasan sayalah, sebab dah disuruh singkatkan jadi Yang Berhormat Bandar Baru Klang dah suruh singkatkan, jadi saya menghormati. Jadi untuk akhirnya saya rasa saya mintalah, saya tengok ada 2 kekosongan yang belum diisi dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor. Daripada dah makan masa beberapa bulan, jangankan projek makan masa berbulan dan tahun. Hendak mengisi kekosongan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pun tak akan hendak makan berbulan dan bertahun. Jadi saya harap kita faham, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri begitu sibuk, tapi kalau dia terlampau banyak memegang jawatan saya takut akan berlaku lebih banyak permasalahan atau pun kelancaran dalam pentadbiran dalam Kerajaan Negeri Selangor. Jadi saya sangat berharap selepas ini diisilah kekosongan, 2 jawatan kosong yang ada dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor. Jadi untuk akhirnya saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker yang mesra di Perikatan Nasional dan memberi ruang yang secukupnya kepada saya untuk berbahas pada hari ini, sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Air Tawar apa maksud mesra Perikatan Nasional itu?

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Baik dengan Perikatan Nasional, mesra.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ok, terima kasih. Dipersilakan Hulu Kelang.

## 13 JULAI 2020 (ISNIN)

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Timbalan Speaker. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin mengambil bahagian ingin mengucapkan terima kasih kepada pembentang Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kepada isu-isu yang berlaku pada hari ini. Apa yang perlu kita sedar dan ingat adalah peristiwa wabak ini adalah peristiwa ada dalam sejarah Islam. Pada zaman pemerintahan Sayidina Umar Al-Khattab Khalifah yang ke-2 yang memerintah selama 10 tahun, dia mengalami peristiwa yang besar penyakit taun. Taun ini datangnya daripada Palestin, dari Juruselam lepas itu bawa ke Syam. Dan dia sangat teruja dan sangat excited menghadapi isu ini kerana sahabat besar Nabi. Sahabat besar Nabi namanya Abu Ubaidah Al-Jarrah seorang panglima tentera yang telah membawa pembukaan pada kawasan Islam di kawasan Rome atau pun di kawasan Syam. Dia yang dikatakan terkena penyakit tersebut, taun. Sayidina Umar membuat keputusan untuk membuat lawatan ziarah pada jeneralnya iaitu Abu Ubaidah Al-Jarrah. Dia mencadangkan memujuk dia untuk menerima pencalonan sebagai Khalifah. Apabila didengari oleh Abu Ubaidah Al-Jarrah, dia tak nak, dia tolak tawaran sebagai calon khalifah. Tapi yang penting, Omar berhasrat hendak membawa ke perjalanan jauh dari Madinah ke Syam. Kemudian ada sahabat namanya Abdul Rahman berkata aku dengar Rasullah berkata sekiranya kamu hendak pergi ke sesuatu tempat yang ada wabak, batalkan rancangan kamu. Sekiranya kamu berada di tempat yang ada wabak, kamu jangan keluar. Jadi Omar kata, dia tak pernah dengar ini. Jadi dia pun mengumpulkan para sahabat seramai 100 dan 2 hari dengar cerita semua mengaku Rasullah punya hadis tersebut.

Berhentilah di situ, satu peristiwa yang dikatakan 3 orang sahabat besar, Abdul Rahman bin Auf, Abu Ubaidah Al-Jarrah membuat keputusan bahawa jangan masuk ke tempat wabak. Saya bawa isunya, isu wabak masalah yang berlaku dalam dunia ini berlaku dalam bentuk komunikasi antara Tuhan dan manusia. Komunikasi antara Tuhan dan manusia ini berlaku, natural. Benda yang disedari tapi ditolak jadi kita sudah berada di satu zaman di mana proses perbicaraan Allah, wahyu Allah turun, disyariat Allah diturunkan pada manusia tapi tak boleh hidup pada zaman dahulu orang tahu.

Jadi saya hendak beritahu 3 orang ini adalah dalam hadis, 3 orang daripada ahli syurga yang diturunkan oleh Allah swt, daripada 10 orang. 10 orang yang dijanjikan syurga.

Jadi saya hendak beritahu kepada kita bahawa peristiwa yang berlaku dalam konteks wabak ada sebab, ini dirakamkan dalam Al-Quran. Contohnya peristiwa yang berlaku dalam Nabi Yusuf, komunikasi antara Allah dengan manusia. Kenapa berlaku, wabak itu berlaku ada sebab, kenapa mesti unsur *luxury*, unsur kemewahan, pembaziran, apabila wujudnya golongan *mutrafon* yang dikatakan dalam Al-Quran, golongan yang bermewah-mewah, benda ini akan berlaku, *still you have to corrected*, perkara akan dibetulkan. Zaman Rasullah yang diturunkan oleh Allah swt, komunikasi ini berlaku berterusan.

## 13 JULAI 2020 (ISNIN)

Rasulullah menyampaikan risalah Allah agar manusia berbuat kebaikan semula. Jadi apa yang saya ingin sampaikan di sini, dalam proses kita, kita ada cadangan *capacity building*. Saya ingin menegaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, apabila kita berkata tentang *capacity building*, *it is not aloft* dengan izin, dia tidak terpisah daripada kita punya keyakinan bahawa asas dia adalah Rabbani. Asasnya adalah kepada kehendak Allah swt. Jadi kita melihat begini, saya ingin tarik perhatian tuan-tuan tentang apa yang berlaku pada zaman Nabi Yusof. Ada sebabnya kenapa satu surah yang dikatakan tercantik, terbaik yang diturunkan oleh Allah kepada kita. Tujuan untuk kita mengambil iktibar. Kenapa berlaku mimpi raja, Raja Mesir bermimpi bahawa dia bermimpi 7 ekor lembu gemuk dimakan oleh 7 ekor lembu kurus. 7 tangkai gandum hijau bersama dengan 7 tangkai gandum yang kering. Dan kemudian berlaku satu petanda yang lain. Jadi dalam sistem itu, merakamkan (bacaan ayat al-Quran) dia nasihatkan, hendaklah kamu bercucuk tanam secara berterusan 7 tahun dan seperti biasa, normal. Kembali kepada normal termaktub dalam al-Quran. Saya dah refer dalam All English Transcation, 20 terjemahan Inggeris dalam bahasa al-Quran, diterjemahkan dalam bahasa Inggeris, *more it's to work normal*. Dalam akhbar ini satu perubahan dilakukan berterusan tapi normal. Jadi Nabi Yusuf berkata kamu hendaklah kembali kepada asal, kembali kepada asal, bercucuk tanam, bertani, hidup bermasyarakat, hidup bernegara, hidupkan apa yang sepatutnya berlaku. Jadi kita kena faham bahawa apa yang dikatakan dalam konsep *building*, yang hendak di bina di Selangor ini. Kembali kepada asal iaitu bukan kembali kepada yang dulu, kembali kepada yang original, bukan kembali kepada asal yang asal yang sebelum itu. Sebelum itu kalau ada kezaliman sistem pertaniannya. Kementeriannya bagaimana, sistemnya bagaimana, keadilannya bagaimana, kalau tidak berlaku keadilan, berlaku penyelewengan, berlaku bagaimana benih pengagihan dan sebagainya, sistem pertanian itu tidak betul, maka kita hendak betulkan. Jadi ini kita perlu lihat bahawa, kita menilai, saya mencadangkan Kerajaan Negeri tengok balik apa *problem* kita dekat Selangor. Kita hendak buat perumahan, zaman dahulu Menteri Besar, Menteri Besar dahulu, masa saya kecil dulu dekat Selangor ini, Menteri Besar Dato' Harun suruh datang ke Selangor. Datang Selangor pacak rumah ada bumbung, sah untuk buat rumah kilat, rumah kilat rumah setinggan. Bapa saya pun pergi, bayar pada Ketua UMNO, RM80 dapat satu bidang tanah untuk rumah setinggan. Jadi, betul ke itu, tidak betul. Kita membina Selangor atas premis yang tidak berapa betul. Lepas itu kita hendak bina GLC, GLC ini yang dikatakan kenapa diwujudkan GLC, Dato' Menteri Besar kata, Menteri Besar yang dulu kata, Menteri Besar yang dulu, dia kata kita perlu GLC *we need the best brain*, Selangor *together come together*, majukan Selangor, rakyat beruntung. Apa untungnya? Akhirnya *a few people* untung. Masa kita memerintah di Selangor tahun 2008 kita dapat maklumat bahawa seorang CEO pada sebuah GLC besar gajinya sampai RM350,000.00 sebulan. Kenapa? Kerana berlaku penyelewengan, kalau kita lihat balik konsep saya nak bawa konsep ini sebab saya nak kita faham, apa yang kita kehendaki dalam menyatakan kita kembali kepada yang asal

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

untuk kita faham benda yang kita kehendaki *just take to normal* tapi *back to original normal, simple* dalam Al-Quran ada jawapannya. Buku-buku dan kitab-kitab agama ada jawapannya. Jawapannya adalah apabila kita mahu membina sesuatu kekuatan kita hendaklah melihat benda itu telah berlaku atau pun belum. Semuanya dah berlaku. Semua yang dikatakan fenomena alam dah berlaku. *You have to refer*, saya hendak mencadangkan bahawa dalam kita *develop* kita punya dengan izin, kita punya manual, program, pembinaan *capacity building* *this should be understood*. Kita kena faham original normal *is the best*, kita kembali kepada asal. (*Ayat Al-Quran* ; *Jika kamu menyembah Tuhan dan jauhilah kejahatan-kejahatan*). Jadi saya hendak mencadangkan di sini bahawa apabila kita bercakap tentang kembali kepada membina satu *capacity building* *you have got to go to* benda-benda *fundamental*, kembali tegakkan keadilan dan meruntuhkan kezaliman dan saya rasa benda ini sangat penting. Benda ini mesti kena ada di Selangor, benda-benda yang tidak adil, tak bagus yang menyebabkan ada orang bermewah, ada saja *interaf*, ada saja orang nilai jerih, ada golongan *mutrafin* maka akan berlakulah perkara ini. Kembali menyebarkan *rahmah* dan menutup segala pintu fitnah dan persengketaan, itu daripada sengketa, di dewan kita bersengketa. Kembali mencapai *maslahah* dan menghindarkan *mafsaddah* bagi seluruh manusia dan kembali bertindak dengan hikmah jauhi perasaan hasad dan mungkar. Dengan itu saya ingin menegaskan di sini bahawa kita berdepan dengan satu perkara di mana Nabi Yusuf kata ; (*Ayat Al-Quran* : Bercucuk tanamlah kamu secara berterusan sebagaimana asalnya). Semua aktiviti masyarakat hendaklah bebas daripada kezaliman dan bagaimana kita hendak bebas dari kezaliman ada neracanya. Neracanya dikatakan sebagai dalam prinsip demokrasi Islam *redho al-awam*, persetujuan rakyat, *public consent*, mandat rakyat. Bagaimana mandat rakyat dilakukan. Kalau mandat rakyat pernah dibagikan kepada satu gabungan parti yang memerintah Selangor terdiri daripada 3 parti sebelum ini, konsepnya adalah sebarang mandat yang diberikan oleh rakyat kepada parti dan dipertahankan. Berlaku satu peristiwa di mana satu parti sahabat kita pada masa itu tidak mahu dan ingin berkecuali dan 2 orang daripada ADUN tersebut telah bertindak lain. Walaupun mereka dituduh, difitnah, dikatakan khianat tapi siapa yang khianat, Timbalan Tuan Speaker boleh bagi jawapan? Jadi saya ingin jelaskan di sini bahawa isu ini adalah penting, isu ini kalau kita ini Negeri Selangor kita tidak bersuara memperjuangkan *redho al-awam*, *public consent*, mandat rakyat. Negara ini menang pilihan raya pada tahun, saya hendak bawa isu-isu di *central must be related* dengan isu yang saya hendak bawa, betul masih lagi *on the track*. Kita mesti sebagai Kerajaan Negeri menentang, menghalang perbuatan yang tidak adil yang dilakukan oleh Kerajaan Perikatan Nasional ini yang telah bersalah laku dengan mengambil, mencuri mandat. Kalau inilah tabiat kita, kita akan menghadapi masalah. Adab dan etika beramal dalam politik ini ada etikanya, adabnya, akhlaknya kalau kita langgar itu tidak jadi apa, silakan.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Mencelah.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Yang Berhormat Hulu Kelang saya ingin menyentuh yang tadi berkenaan dengan tadi ulasan sebagaimana yang kita ketahui pada pembukaan yang lepas telah jelas dan nyata, Tuanku Sultan Selangor pun telah bertitah tohmahan berkaitan pembentukan Kerajaan Persekutuan sebagai sebuah kerajaan pintu belakang atau pun satu rampasan kuasa adalah tidak bertepatan kerana Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong telah diberikan kuasa untuk menggunakan budi bicara baginda sebagaimana yang diperuntukkan di dalam undang-undang. Jadi saya rasa demi menghormati titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor jadi perkara ini tidak perlu dibangkitkan lagi.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Malam itu saya telefon saya punya Pengurus Amanah Negeri, nak buat *statement* macam mana ini, *statement* ini saya rasa tidak adil. Dimasukkan di dalam satu ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam keadaan kita merasakan tak kan bahawa begini sekali tahap ketidakseiringan Tuanku Sultan dan rakyat, realitinya begitu. Realitinya kerajaan itu telah dicuri, di ambil, di buat dengan tak betul, masih tak betul dan apabila keputusan berlaku di Parlimen, Timbalan Speakernya neutral lagi.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Yang Berhormat boleh saya mencelah? Bukan dicuri, telah dikosongkan kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meletakkan jawatan jadi bila berlaku kekosongan sudah pasti pembentukan Kerajaan Baru terbina di bawah seperti mana yang telah di titah oleh Seri Paduka Baginda, bukan dicuri kerana Perdana Menteri sendiri meletakkan jawatan Perdana Menteri, itu pun Duli Yang Mulia beri lagi jawatan Perdana Menteri interim kepada beliau untuk menyambung jadi saya rasa tidak ada isu kalau dia letak jawatan sehingga hari ini..

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Saya rasa kena betulkan kenyataan itu sebenarnya apabila Perdana Menteri meletak jawatan kerajaan tak tumbang kalau tak berlaku lompatan sebab melompat itu yang menyebabkan kerajaan bertukar. Kalau tak berlaku lompatan Pakatan Harapan boleh melantik Perdana Menteri yang lain, Timbalan Perdana Menteri ada.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Bukan kalau berlaku peletakan jawatan, tak pasti, boleh buat satu perkiraan baru. Saya kira ianya satu gabungan baru bukan melompat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik-baik , Sungai Air Tawar, Meru, Hulu Kelang teruskan.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Lompat tak lompat itu saya tak isu, saya timbulkan isu *Redho Al-Awam*, *public consent* redho, kalau tak redho macam mana, tak redho itu adalah satu zaman dan keadaan saya terpaksa *endorse* satu istilah jiwa rakyat, saya nak merayu saya nak buat *statement* kalau ada perbahasan saya nak kata, saya merayu kepada Tuanku fahamlah hati budi rakyat. Rakyat merasakan tertipu, tak betul, tak boleh buat begitu.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Boleh minta penjelasan. Terima kasih. Saya ingin hendak bertanya sedikitlah Yang Berhormat bersetuju atau tidak sama ada Yang Berhormat tentang isu janji menipu ini fasal khianat ini berkaitan dengan tipu daya muslihat inikan. Ada janji Perdana Menteri nak bagi pada Yang Berhormat Dato' Anwar Ibrahim, 2 tahun, lepas itu janji tangguh, tangguh, tak jadi, apa sikap macam ini? Sikap berdolak dalik dan akhirnya dengarnya kata langsung tak nak bagi. Jadi sikap ini redho tak redho?

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Okay.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Sungai Burong, kalau kita hendak bercerita-cerita dengan berkenaan apa yang berlaku di Dewan Negeri Selangor saja, dah melencong jauh, kita cerita apa yang nak kita buat di Selangor dan bahaskan apa yang dititahkan tadi ya, terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Saya setujulah.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Yang Berhormat, maksud saya minta penjelasan saja. Kalau dia nak jawab, kalau tak nak jawab tak apa.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Saya tak redho, saya tak setuju. Itulah melanggar peraturan adab dalam berparti, orang lain nak buat konsep dia, konsep kita berunding, saya memang tak suka dia..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta mencelah Yang Berhormat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Okay.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Hulu Kelang, saya ingin bertanya dan membantu untuk mengukuhkan kenyataan bukankah benar atau tidak bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya kira dalam satu ucapan di televisyen pada bulan

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

tiga ke bulan empat, tiga agaknya. Dia sendiri mengaku, beliau menjadi Perdana Menteri ini tanpa mandat rakyat. Saya rasa dalam ucapan itu ada diakui. Saya guna bahasa dan ayat-ayat sopan sikitlah, dia tidak mendapat rakyat tapi perkataan dia boleh macam-macam tapi hakikatnya ialah memang orang nombor 1 di Kerajaan Persekutuan Malaysia sekarang ini yang bukan dari parti UMNO, saya nak ingatkan kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang bukan parti UMNO, tidak perlu bermati-matian untuk mempertahankan yang bukan seorang daripada parti anda juga. Tapi dia berkata seperti ini *Kerajaan saya bukan Kerajaan yang memegang mandat rakyat*. Bukankah itu satu kenyataan, saya ingin bertanya kepada Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Ya itulah masalahnya. Jadi kita teruskan ya. Masalahnya kita berdepan dengan orang yang tidak, saya menyeru kepada diri saya dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian di peringkat Negeri dan Parlimen, kita kena faham demokrasi ini bukan hanya proses, ia adalah prinsip dan nilai. Kita cakap demokrasi ini dia ada adabnya.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Minta penjelasan sikit boleh? Saya nak minta penjelasan, saya nak tanya sikitlah sebab kalau dibangkitkan oleh Banting bahawa kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mendapat mandat rakyat tapi tahukah dalam sistem demokrasi yang diamalkan di negara kita ini mandat ini adalah melalui perwakilan, rakyat memilih wakil rakyat, Ahli Parlimen, dan Ahli Parlimen ini yang menentukan Perdana Menteri, inilah yang saya nak katakan, saya nak *follow up* daripada Banting tadi jadi saya nak penjelasan daripada Hulu Kelang perkara itu. Jadi isunya setuju tak dengan pandangan saya bahawa dalam sistem demokrasi yang diamalkan dalam negara ini, mandat itu datangnya daripada rakyat dan daripada Ahli Parlimen dan terpulang Ahli Parlimen. Ahli Parlimen boleh melantik Perdana Menteri, jadi kalau cukup kuorum dia, kalau dia kata tak percaya dengan Perdana Menteri, jadi kalau semua Ahli Parlimen tidak setuju maka dengan sendirinya mandat Perdana Menteri itu akan terbatal, jadi..

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Mandat rakyat diberi oleh pengundi untuk Pakatan Harapan, bila dia di bawah Pakatan Harapan dia dapat undi itu.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Timbalan Speaker, saya nak minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sila duduk semua. Hulu Kelang teruskan.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Apa masalahnya? Masalahnya mandat itu bererti di atas pendirian apa dia berdiri pada pilihan raya, manifesto, perakuan dia apa. Itu yang menjadi mandat. Rakyat bukan bodoh.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Boleh Sungai Air Tawar mencelah? Bagi saya kalau hendak dikira dari sudut mandat Barisan Nasional yang menang paling banyak kerusi dalam Parlimen, kalau dari segi mandat. Tetapi untuk membina , hei ! Pada waktu ketika itu! Tetapi untuk membina sebuah kerajaan baru berlaku gabungan di antara parti-parti yang akhirnya membentuk gabungan Kerajaan Pakatan Harapan, begitu juga bila Perdana Menteri meletakkan jawatan sudah pasti Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong perlukan mandat baru daripada segi sokongan, gabungan pada ketika itu yang berlaku perpecahan bukan dalam Kerajaan Muafakat Nasional, yang berlaku perpecahan di dalam Pakatan Harapan itu sendiri.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Tetapi berlaku kebenaran di situ apabila semua Ahli Bersatu seolah-olah menyokong Muhyiddin Yassin pada ketika itu benda itu tak berlaku. Bagaimana Tun Mahathir dan lain-lain itu tidak bersama sebenarnya tetapi *declare* ke istana bersama.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Masalahnya Tun Mahathir letak jawatan dia tak nak bagi Perdana Menteri itu kepada yang lain, itu saja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat sila duduk, Hulu Kelang sila teruskan. Hulu Kelang teruskan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Jadi isunya begini, dalam keadaan Perdana Menteri letak jawatan, Yang Dipertuan Agong minta satu interim *Prime Minister*, peruntukan itu ada tapi tidak diuji, di *test* dalam Parlimen. Kesudahannya saya difahamkan oleh pakar undang-undang maknanya permintaan cadangan itu bukan *supreme*, dia kena diuji, diluluskan dan diproses dalam, *nobody endorse* Mahathir sebagai PM, lepas itu bila diadakan perkiraan itu pun tidak diuji, dia tak boleh sistem dekat istana buat, proses itu mesti berlaku di Dewan Parlimen untuk belah bahagi begini-begini, majoriti Muhyiddin. Itu tidak berlaku. Jadi, pelik sangat. Kenapa sistem kita jadi ..

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Boleh mencelah sikit? Saya ingat

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pencelahan. Hulu Kelang

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Yang Berhormat, dia tidak memahami Sistem Perundangan negara kita ini. Proses itu telah berjalan ya, Perdana Menteri telah meletakkan jawatan, ya. Di suruh, ambil jawatan, tak nak, merajuk, ya. Jadi, ha bagi interim lagi. Jadi siapa yang *culprit* ni di sini sebenarnya? Yang banyak merosakkan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Mana boleh kata merajuklah apa semua ni. Perdana Menteri kalau sekiranya dah tidak ada sokongan majoriti letak jawatan itu namanya *gentleman*.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat, sila minta kebenaran untuk bercakap ya.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Tiada istilah..dalam Dewan sendiri kalau dah tak cukup majoriti, kita kena akur. Dah tak ada sokongan maka kita kena letak lah jawatan. Berlakunya pengkhianatan. Jangan salahkan Perdana Menteri. Perdana Menteri terpaksa, bukan suka-suka.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Speaker, mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Hulu Kelang, boleh mencelah ya, mohon ya. Mohon, mohon, mohon.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Siapa yang *culprit*?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Hulu Kelang boleh mencelah? Sijangkang mohon laluan. Sijangkang mohon laluan. Boleh? Mencelah.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Ok, boleh.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Hulu Kelang, terima kasih Tuan Speaker. Kita dah jauh sangat dah. Kita, kalau tadi peringatan dari Bandar Baru Klang pun saya ingat semua sedia maklum. Kita balik ke Selangor. Cuma saya nak bawa satu persoalan. Hulu Kelang nak jawab boleh, tak jawab pun tak apa. Kalau tak jawab lagi bagus. (Ahli Dewan ketawa). Apa pandangan dari Hulu Kelang, tak jawab di sini tak apa. Kalau satu ketika dulu, rakyat memberi mandat kepada Hulu Kelang, semasa Pilihan Raya sebagai calon atas tiket PAS. (Ahli Dewan mengetuk meja). Soal redha dengan tidak redha, soal redha dengan tidak redha ..

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Saya beritahu apa dia .. adakah saya, adakah saya .. ok!

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Itu sangat memalukan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Tun dan pasukannya bertemu dengan ADUN-ADUN tiga (3) kali. Kali pertama, tolak. Dia punya perjanjian kita tolak. Kita tahu dia nak bentuk kerajaan lama.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Saya ingin bertanya ..

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Nanti lah, nanti.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Jangan lah jawab, bagi lah dia jawab, kalau dia tak bagi saya tak adalah tanya.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Kita ada banyak masa, tiga (3) hari? (Ahli Dewan ketawa). Ok, jadi, *point* dia adalah, saya bertanding tu atas tiket PAS tetapi saya bawa aspirasi Pakatan Harapan .. Pakatan Rakyat. Menang Pakatan Rakyat. Kali kedua, peluang untuk PAS *join* BN. So .. nanti..nanti..jangan, jangan..sampai tak berani. Yang lain, PAS .. dua (2) orang lagi berani. Nak salah siapa? Kali kedua sama juga. Kali ketiga sama. Tapi format dia lain, format dia itu EXCO-EXCO PAS. Cakap dulu, kami tidak minta pandangan. Presiden PAS dan condong. Masa saya menang 2008, PAS ada lapan (8) orang. BN (20) Khir Toyo masa tu boleh bentuk kerajaan dengan bawa satu (1) Speaker. 28 jadi 29, *small majority*, 28 boleh bentuk kerajaan. Hassan Ali dah dia seronok sangat, seronok mungkin jadi Menteri Besar. Dia tak mengaku, saya dah, saya jelaskan dalam Lembaga Disiplin semasa dia diambil tindakan, tapi mereka tak dengar. Awak kata saya pengkhianat, yang pengkhianatnya PAS. (Ahli Dewan mengetuk meja). Sekadar dakwaan. Sekadar dakwaan.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Kata pada masa itu ..

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Lihat rakyat redha ke tidak, tak redha sebagai calon daripada PAS. Kemudian tidak bersama-sama dengan PAS.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Kalau dulu macam mana PAS nafikan bersama dengan UMNO, sekarang bersama.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Tak pernah pun calon, tak ada calon pun.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Bukan, soalnya mula-mula nafikan, ada bercium-cium dengan UMNO, akhirnya .. bukan fitnah, sekarang memang bersama. Sekarang memang bersama. Terbukti! Tuduhan itu adalah benda, perkara yang benar.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Meru dan Sijangkang sila duduk.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Sekarang ni betul tak? Sekarang betul tak? PAS dengan UMNO bersama? Itu bahasa kiasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Meru dan Sijangkang, sila duduk! Ok tak apa, saya tarik kata-kata saya tadi. Tapi,

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Ana tahu, ana tahu.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Yang dituduh adalah perkara yang benar. Dan sekarang terbukti, bukan satu fitnah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Teruskan Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Orang berani, ataupun orang di Malaysia minta saya letak jawatan ADUN Hulu Kelang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Teruskan Hulu Kelang. Mandat rakyat itu jelas. Dulu pun mandat rakyat, ini pun mandat rakyat juga. Jadi, Hulu Kelang teruskan topik lain.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Sekarang kita mesti mendukung demokrasi, *syura*, asas yang sama. Bila kita berkata tentang demokrasi, *syura* itu adalah satu modelnya. Di dalam pandangan agama dan pandangan politik, ada empat (4) tunjang penting yang mengikat kita agar sentiasa bersikap positif, bersikap adil, bersikap saksama terhadap demokrasi dan *syura*. Empat (4) perkara ini adalah keadilan, apa yang kita buat ada aspek keadilan, itu betul. Parti Keadilan. *Syura, consultation, kesamarataan dan pemulihan insan*. Kalau kita lihat dalam konteks matangnya demokrasi pada zaman Khalifah Ali sekalipun Sayidina Uthman Abu Bakar, dia pernah, Sayidina Ali pernah memberi nasihat kepada Gabenor nya, yang nak pergi ke Syam dan ke Parsi, dan pesanan bahawa *syura* adalah satu tunggak yang perlu kamu dukung dan

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

menyatakan bahawa .. ok, ok. Dalam apa yang dikatakan Malik Bin Asyhtar Al Saie, ‘Ketahuilah wahai Malik bahawa aku mengutus kamu ke sebuah negara yang telah diadili di hadapan kamu kepada penguasa yang adil dan zalim. Ketahuilah wahai Malik bahawa aku mengutus kamu ke sebuah negara yang telah diadili di hadapan kamu tentang penguasa-penguasanya yang ada yang adil dan ada yang zalim. Oleh itu, rakyat akan menghakimi kamu dengan cara yang sama seperti sekarang kamu menghakimi penguasa yang dahulunya daripada kamu. Oleh itu, biarlah amal soleh dan amal baik menjadi harta anda yang sebenar.’

Biarlah ADUN-ADUN sekalian, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Ahli-Ahli Parlimen sekalian menjadikan amal baik, jasa kita kepada rakyat, kebaikan kita kepada rakyat, kasih kita kepada rakyat, harta kita yang paling penting. Disiplinkan lah diri dan jangan mengingini perkara yang bukan hak kamu. Latih lah hati kamu untuk merasa belas kasihan terhadap orang awam. Kasihanilah mereka dan bersikap baiklah kepada mereka. Jangan bersikap seperti haiwan liar terhadap mereka. Jangan sekali-kali kamu rampas harta mereka, nampak. Kerana sesungguhnya orang-orang itu terdiri daripada dua (2) kelompok. Pertama, rakyat tadi terdiri daripada dua (2) kelompok. Pertama, mereka yang sama seperti kamu kerana agama, kedua, mereka yang setara dengan kamu daripada segi kemanusiaan. Ini adalah satu *universal declaration* yang sangat hebat. Di kalangan manusia itu terdiri daripada mereka yang sama dengan kamu daripada segi agama dan setara, sama hebat dengan kamu dari segi kemanusiaan. Dan dengan itu, kita berharap bahawa apabila kita bina satu modul ke satu program latihan akan membina jati diri, membina *capacity building*. Perlu ada perkara-perkara ini. Perlu diterapkan bahawa kita mesti meletakkan agama sebagai asas penting dalam menentukan program-program yang nak kita jalankan. Dengan itu, saya harap apa yang saya sampaikan ini akan dijadikan kebaikan dan ambillah iktibar, kata Menteri Besar, daripada program Nabi Yusuf A.S, program 15 tahun dia, 7 tahun yang dia kata, *sab'at sinina da'aba*, 7 tahun lagi, *sab'at syidadin*, setahun, (*bahasa Arab*). Satu (1) tahun, yang *equivalent to the* 7 tahun yang susah. 7 tahun yang susah itu, lebih dahsyat susahnya daripada 7 tahun yang kamu perlu berjaga-jaga. Program ini mesti ada *pattern*. *Pattern* dia mesti ada turun naik yang konsisten, kawalan yang rapi, disiplin yang ketat yang akhirnya, seorang itu boleh mengatakan, pilih lah aku, *Inni Hafizun Amin, Inni Hafizun Alim*.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Yang Berhormat Timbalan Speaker.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Aku sebagai orang yang mampu kerana aku boleh mengurus dengan baik dan aku adalah orang yang berilmu.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Yang Berhormat Hulu Kelang, ada sikit sahaja sebelum tutup. Saya mendengar ucapan Yang Berhormat Hulu Kelang, berkenaan dengan saranan dan juga pandangan dan saya tertarik dengan satu prinsip iaitu penerimaan umum ataupun mandat rakyat tadi tu. Setuju tak kalau saya katakan ataupun saya cadangkan kepada Yang Berhormat Hulu Kelang bahawa kerajaan yang ada, ialah perbahasan yang bergantung di peringkat Persekutuan ni, kerajaan yang ada ni mendapat, walaupun dikatakan mungkin tidak mendapat mandat dan sebagainya tetapi ia mendapat keselesaan daripada orang awam termasuklah Kerajaan Negeri Selangor sendiri terutamanya apabila kerajaan yang baru dibentuk ini menghadapi wabak COVID-19 dengan pelaksanaan berbagai-bagai bentuk bantuan, Bantuan Prihatin Nasional yang meliputi kepada seluruh lapisan masyarakat sehingga tidak ada masyarakat yang ketara dilihat mengeluh ataupun kalau kita boleh lihat sebagai contoh di negara jiran yang menghadapi wabak COVID-19 juga sampai ada rakyat yang turun di jalanan, sampai ada yang mereka yang tak makan, sampai ada mereka yang betul-betul susah tetapi ini tidak berlaku di dalam negara kita Malaysia hatta di negeri Selangor sendiri kerana kebijaksanaan dan juga kestabilan, pentadbiran kerajaan yang dibentuk di peringkat Persekutuan, sehingga kita semua berada di dalam keadaan yang selesa dan tidak ada berlaku sebarang kekecohan di luar sana khususnya daripada orang awam. Adakah ini dikategorikan sebagai *redha al awam* juga?

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Saya nak menegaskan di sini, rakyat Malaysia *relatively cool*. Dia ada yang dua (2) people orang Malaysia ni. Dia tak anggap rasuah tu satu gejala besar. Dia tak jijik pasal rasuah, kau rampas lah, curi duit banyak mana pun curi lah. Kalau kau jadi Perdana Menteri, kau tetap Perdana Menteri. Kedua, orang Melayu, orang Malaysia ni yang Melayu Islam ni, dia cukup mudah percaya, kalau orang kata Islam ni terancam. Islam ni telah hilang kuasa. Melayu cepat ambil keris, ambil pedang. Saya ada, saya saksikan peristiwa 13 Mei, depan rumah saya. Saya lihat bagaimana cina-cina tak ada kena mengena dibunuh. Hampa kecewa saya. Bapa saya jaga kantin, saya pergi Chow Kit beli barang, tak ada masalah ni cina-cina Chow Kit. Tapi bila UMNO dah semarakkan rasa takut tu, cina akan kuasai Selangor, Melayu akan hilang kuasa di Selangor, pun panik. Dah 60 tahun pun begitu juga. Bila PAS dan UMNO bergabung kata kita kena kembali menguatkan politik Melayu Islam, semua percaya. Ini pembohongan. Jangan main sentimen. Tak betul. Saya kuat mengatakan perbuatan ini adalah (*Bahasa Arab*). Orang satu dominasi pemikiran yang sangat menyeksakan dan sangat sesak. (*Bahasa Arab*). Sesungguhnya Firaun itu orang yang zalim dan dia memecah-mecahkan pemikiran rakyat, rakyatnya menjadi takut. Dan akhirnya berkuasa. Jadi, jangan main-main ini tuan-tuan. Kita berpolitik, berpolitik juga tapi kita punya akidah kena jaga. Saya bukan apa, saya ingin ingatkan diri saya bahawa memang kita punya masyarakat ini, dia *law abiding that is why I simply* tahan sampai 60 tahun. Sampai guna ISA pun tak boleh berani lawan betul-betul. Saya tak akan terima, ISA. Saya tengok,

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

bila saya lawan ISA ni, saya lawan betul-betul sampai masa hari saya nak ditentukan boleh bebas ataupun tidak selepas dua (2) tahun, Pegawai KDN dia bawa fail. Dia kata ‘Saari, you punya masa depan dekat sini, tapi tak kira. Tak! Ke sana you dengan i. Setuju, bebas. Tidak, terus di tahan.’ dua tahun lagi. Kenapa you sompong sangat. Kamu sudah melanggar undang-undang di sini kami kena tangkap kamu. Ini undang-indang Malaysia ke? dia tidak takut selepas itu kalau saya mati pun tidak ada apa-apa, itu perasaan saya. Jadi saya tidak reda, Malaysia dibuat begitu oleh UMNO terutamanya kerana di mana ada masalah di situ ada UMNO, di mana ada UMNO di situ ada masalah. Sekian.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, Banting juga berdiri di sini untuk menyokong usul yang dibentangkan oleh Sungai Tua ini. Kebelakangan ini kita banyak mendengar tentang komentar-komentar ataupun tulisan ataupun ucapan bahawa Kerajaan Perikatan Nasional sekarang nampaknya *steady* dan memberi keselesaan kepada rakyat semasa mengharungi cabaran COVID-19 ini. Saya merasa bahawa sebenarnya Kerajaan Persekutuan ini haruslah merendah diri. Dahlah ketua dia berkata bahawa mereka memang mentadbir tanpa mandat rakyat itu pengakuan mereka sendiri tapi janganlah *claim* semua kredit yang saya rasa kita perlu mengakui bahawa keseluruhannya Malaysia mengharungi COVID-19 ini dengan satu keadaan ataupun dengan satu pendekatan yang sangat *steady*. Kes kita tidak seteruk negara yang lain kita dapat mengawal penularan pandemik ini tapi Yang Berhormat sekalian terutama sekali rakan-rakan kita yang di sebelah sana harus ingat ini adalah usaha dan kerjasama daripada rakyat. Kalau kita hendak bagi kredit Pakatan Harapan pun mungkin tidak ada lagi tapi rakyat Malaysia harus diberi pujian itu yang pertama dan *frontliner* itu yang kedua, pasal apa dalam keseluruhan tiga bulan lebih kita menghadapi pandemik COVID-19 ini kita lihat rakyat Malaysia dan *frontliner* yang banyak berkorban. Mereka mengorbankan masa mereka, mengorbankan pendapatan mereka, mengorbankan kudrat dan tenaga mereka, mereka tidak ada gaji, mereka sanggup duduk di dalam rumah 24 jam satu hari kerana mereka akur bahawa itulah apa yang perlu dilakukan untuk memutuskan penularan COVID-19 ini. Kita boleh lihat Tuan Timbalan Speaker, saya rasa di kawasan Tuan Timbalan Speaker sendiri ada rakan-rakan, ada penduduk kampung, ada wanita menjahit PPE, pakaian-pakaian pelindung dan disumbangkan kepada hospital dan klinik kerajaan. Mereka melakukan ini kadangkala dengan menggunakan sumber dan kemahiran yang ada pada mereka sendiri. Mereka tidak berharap untuk mendapatkan apa-apa sumbangan dari segi wang ringgit. Ada ramai lagi rakyat Malaysia yang bersikap dermawan menderma apa sahaja yang ada pada mereka kerana mereka tahu sebenarnya negara kita sedang menghadapi satu bencana COVID-19 dan sekiranya kita tidak bekerjasama maka kita akan menghadapi satu masalah yang sangat besar. Jadi saya rasa kita kena give *the biggest credit to people of Malaysia and also to our frontliner*.

**Y.B DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Timbalan Speaker boleh minta penjelasan.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN :** Kita tidak boleh terlalu memuji-muji Pemimpin-pemimpin Politik khususnya politikus-politikus yang merancang Langkah Sheraton. Saya rasa Langkah Sheraton ini saya rasa kita boleh ketepikan. Ya, yang Berhormat Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Minta penjelasan. Saya sebenarnya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Banting bahawa jika dalam konteks Malaysia ini rakyat memainkan peranan penting kerana sifat disiplin kepatuhan mereka yang taat perintah undang-undang hanya segelintir sahaja rakyat yang saya fikir ingkar undang-undang dan telah diambil tindakan tegas tetapi pada masa yang sama juga kita boleh melihat kepada beberapa negara juga contohnya Brazil, Amerika Syarikat apabila pucuk pimpinan dalam menangani masalah COVID-19 ini mereka mengambil sambil lewa ataupun tidak begitu tegas maka akhirnya masalah itu tidak berkesudahan sehingga pada hari ini. Jadi saya berpendapat selain daripada rakyat, *frontliner* dan pelbagai agensi-agensi Pentadbiran Kerajaan, agensi-agensi swasta dan juga NGO yang turut sama memberikan sokongan padu dalam menghadapi krisis ini yang paling penting juga adalah pucuk pimpinan kerana ketegasan. Saya ingat apabila Kerajaan Pakatan Nasional mengambil alih dengan tugas Yang Amat Berhormat yang pertama adalah tegas untuk mengatasi COVID-19. Saya fikir dibiarkan dua bulan Kerajaan PH terus mentadbir mungkin kita tidak tahulah akan menjadi seperti negara lain atau sebagainya. Jadi saya ingin bertanya, pucuk pemimpin sebenarnya juga memainkan peranan penting dan dalam konteks negara kita ini *i think kredit must be given for does* dan kita juga menyokong sumbangan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia yang saya ingat hari ini telah begitu orang kata *respect* termasuk pucuk pimpinan. Jadi Templer tadi dia betulkan saya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya faham. Saya boleh beri sedikit penjelasan tetapi apa pun sekali kita tidak boleh membuat andaian yang tidak benar sekiranya andai kata kalau Kerajaan Persekutuan masih lagi dipegang oleh Pakatan Harapan kita tidak akan tegas, kita tidak akan apa-apa. Saya rasa itu adalah andaian jahat dan selama-lamanya soalan ini tidak akan ada jawapannya kecuali Yang Berhormat bersetuju Pakatan Harapan menjadi Kerajaan Persekutuan dan kita akan tengok lah apa yang diperlukan.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**Y.B. DATO' TENG CHANG KIM :** Yang Berhormat, seperti apa yang dikatakan Sungai Burong saya hendak tanya setuju atau tidak bahawa sekira merujuk faktanya, mengikut perangkaannya sebelum Langkah Sheraton kes COVID-19 di Selangor hanya 20 kes selepas *Sheraton move* ia melonjak 20 kali iaitu 400. Jadi adakah itu disebabkan yang melonjaknya, COVID-19 kes adalah disebabkan oleh *Sheraton move*.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Hujah daripada Yang Berhormat Bandar Baru Klang. Saya rasa kalau kita hendak cakap itulah Yang Berhormat Sungai Burong. Jadi kalau kita hendak kenakan orang macam meludah ke langit kena diri sendiri juga tapi Yang Berhormat kalau hendak dibandingkan dengan keadaan luar negara memang negara kita ini terkawal tetapi apa yang perlu kita lakukan sebagai sebuah Kerajaan Malaysia, saya rasa kita perlu mendesak masyarakat antarabangsa, khususnya Pertubuhan Kesihatan Sedunia untuk menyiasat bagaimana ini boleh berlaku, COVID-19 ini boleh berlaku. Saya rasa perlu ada satu sikap yang tegas di peringkat Kerajaan Persekutuan untuk mendesak masyarakat antarabangsa untuk menyiasat. Kita tidak boleh leka Tuan Timbalan Speaker, COVID-19 telah menyebabkan kerugian yang begitu besar kepada semua negara termasuk Malaysia, termasuk Selangor dan termasuk rakyat kita dan saya rasa kita tidak boleh lari dari tanggungjawab kita kalau kita tidak berupaya berusaha mencari jawapan kepada soalan bagaimana ia bermula. Saya rasa kita kena tanya dan untuk itu saya menggesa Kerajaan Perikatan Nasional untuk mendesak, bertanya di pentas dan arena antarabangsa khususnya di peringkat WHO siapakah pesakit pertama, bagaimana ianya boleh berlaku di Negara China. Adakah ia berpunya daripada pasaran daging binatang liar ataupun daripada Makmal P4 di Wuhan. Saya rasa kita tidak tahu lagi kita masih sama-sama kita tidak ada vaksin pun bagaimana kita hendak merawat COVID-19 dan saya difahamkan berlaku *mutation* ataupun di mana ini akan menyukarkan langkah kita untuk melawan COVID-19 ini lagi susah. Jadi Yang Berhormat sekalian saya rasa kita perlu bertanya dan saya berharap rakan-rakan yang di sebelah sana boleh menyampaikan hasrat daripada kita kepada Kerajaan Perikatan khususnya kepada Kementerian Kesihatan. Minum air suam memang tidak akan menyelesaikan masalah tapi kita hendak cari ubat dan penyebabnya. Jadi saya mohon daripada Yang Berhormat di sebelah sana. Tuan Timbalan Speaker kalau kita lihat di dalam pakej rangsangan ekonomi ini bukan sesuatu yang aneh bagi kita di Selangor. Saya masih ingat lagi 12 tahun yang lepas masa kita menghadapi krisis kewangan *sub prime crisis* 2008, Yang Berhormat Bukit Lanjan pada masa itu adalah EXCO. Kita telah pun membentangkan satu pakej rangsangan ekonomi yang mengetuai 5 inisiatif. Saya mengambil peluang ini untuk kita imbas kembali masa itu 5 inisiatif itu adalah yang pertama membersihkan Sungai Klang, yang kedua memperkasakan pengangkutan awam, menstrukturkan semula perkhidmatan air yang mana sekarang ini kita telah pun berjaya menyelesaiinya kerana pada tahun 2018 kita menjadi Kerajaan Persekutuan

kita berjaya menyelesaikannya. Yang keempat pembaharuan bandar dan yang kelima mengatasi masalah rumah terbengkalai. Kita masih ingat lagi pakej rangsangan ekonomi dan mana-mana pakej rangsangan ekonomi yang kita hendak bentangkan ini mungkin dalam wajah yang pelbagai, berbeza-beza tetapi apa yang penting adalah perkataan rangsangan. Maksudnya apabila Kerajaan membuat sesuatu keputusan itu ia perlu kita boleh nampak kesan jangka pendek, ada rangsangan dan ada *stimulus* yang kita boleh nampak. Jadi itu adalah sangat penting dan saya menyokong usul yang dibentangkan oleh Kerajaan Selangor sekarang kerana ia menepati ciri-ciri satu pakej yang bergelar pakej rangsangan ekonomi kerana apabila kita membelanjakan wang, menyuntik wang kapital ke dalam pakej ini kita perlu boleh nampak kesan secara langsung dan kalau kita lihat cara pembentangannya juga sangat penting. Kalau di peringkat Kerajaan Negeri Selangor kita bentangkan kita tidak *uturn*. Kita bentangkan kita laksanakan malah apa yang kita lakukan kita tambah baik sebagai contoh pelepasan sewa ataupun cukai sewa penjaja pada permulaannya hanya bulan April sahaja kalau saya tidak silap. Kemudian ditambah kepada bulan Mei pun boleh tapi kalau kita lihat Tuan Timbalan Speaker dan Ahli Yang Berhormat yang lain pakej rangsangan ekonomi yang dibentangkan oleh Kerajaan Persekutuan *uturn* berapa kali. Pernah *uturn*. Saya bagi satu contoh, program subsidi ubah, dikatakan permulaannya perlu menunjukkan bukti bulan Januari mengalami kemerosotan 50% daripada segi pendapatan berbanding dengan bulan Disember 2019 ke ataupun bulan Januari 2019. Kemudian bulan Januari pandemik COVID-19 belum ada lagi. Siapa yang akan mengalami kemerosotan pendapatan sebanyak 50% pada masa itu. Jadi program subsidi diubah. Kalau diikutkan ramuan asli itu, tidak akan ada orang yang akan menikmatinya dan kemudian terpaksa *u-turn* pusing balik, runding-runding kemudian tambah baik lagi. Itu pada saya adalah sedikit terkilan kerana saya ingat ada orang-orang lama yang akan kembali di dalam Kerajaan Persekutuan sepatutnya pengalamannya lebih celik, ini orang lama tapi rupa-rupanya *uturn* juga. Jadi Tuan Timbalan Speaker dan Yang Berhormat sekalian itulah saya rasa bila kita melihat dan membandingkan pakej rangsangan ekonomi itu bukan setakat berapa wang ringgit yang kita hendak laburkan kita hendak masukkan tapi kita juga perlu melihat dan meneliti cara penanganan dan juga mentadbir pakej rangsangan ekonomi itu. Satu contoh lagi, Kerajaan menawarkan pakej rangsangan ekonomi ini, kita menawarkan dan mewar-warkan dengan semua infomasi, borang, laman web siap sedia bagi pakej rangsangan ekonomi yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan sebagai contoh wang ataupun subsidi yang akan dibekalkan kepada tadika RM5,000 sampai sekarang borang masih belum ada lagi. Umum sudah lebih daripada satu minggu sehingga sekarang kita tidak tahu lagi macam mana. Orang tanya kepada saya macam mana hendak mohon, di mana hendak mendapatkan borang, laman webnya mana. Kementerian Pendidikan masih belum bersiap sedia. Ya, wang cukup besar, RM5,000 untuk tadika yang berdaftar, RM3,000 untuk tadika tidak berdaftar tapi borang tidak tahu di mana mahu dapat. Jadi Yang Berhormat sekalian sedikit sebanyak perbandingan yang saya ingin

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

bentangkan di dalam Dewan yang mulia ini untuk dikongsikan iaitu apakah kelebihan kita di peringkat Kerajaan Negeri dan juga di peringkat Pakatan Harapan dan apakah kepincangan yang di sebelah sana. Tuan Speaker yang saya hormati, cabaran sebenarnya masih belum lagi reda. Cabaran besar masih menanti kita dalam Bahasa Inggeris *we are not out of the wood yet*. Kita akan menghadapi mengikut apa yang saya ada, penurunan kadar KDNK sebanyak 2.9%. Sebanyak sekurang-kurangnya 2 juta peluang pekerjaan akan kita hilang dan pendapatan purata setiap isi rumah keluarga akan merosot sekurang-kurangnya sebanyak 12%.

Kesemua angka ini adalah angka yang cukup menakutkan kita. Itulah sebabnya kita masih belum lagi selesa. Tidak boleh kata lagi kita selesa. PKP pun belum tamat lagi, sama ada akan dilanjutkan atau tidak kita tak tahu lagi. Ya Yang Berhormat Sungai Burong, kena ingat 31 Ogos tak semestinya Merdeka. Dunia luar sekarang ini masih lagi terjerumus dalam apa ini gelombang kedua. Sempadan kita masih lagi ditutup, kalau kita buka kepada pelancong dari Amerika Syarikat, China, Brazil, Itali macam mana keadaannya?. Adakah kita bersedia?. Jadi, Yang Berhormat sekalian, kita masih perlu berwaspada, belum selesa lagi. Tapi apa pun sekali kita perlu apa ini kita perlu berwaspada dan memastikan segala urusan kerajaan dilaksanakan berdasarkan Pakej Rangsangan Ekonomi sama ada di Pakatan Harapan ataupun Perikatan Nasional, Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri kita harus memastikan ia nya dilaksanakan dan digunakan pada tempat yang betul.

Satu lagi perkara yang saya nak ingatkan kepada Yang Berhormat sekalian ialah, kita membentang usul ini, kita perlu sokong dan saya rasa itu adalah satu usaha yang murni, pada masa sekarang kita membahas usul Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor ini. Pakej-Pakej yang dibentangkan oleh Kerajaan Persekutuan sebelum ini pun tidak ada peluang untuk dibentangkan dan di bincang dan dibahas di peringkat Parlimen. Tapi di Negeri Selangor kita dah buat, sudah buat macam ini. Itu sebabnya saya rasa saya memuji tindakan daripada Kerajaan Negeri kerana berani mendepani rakyat, berdepan dengan kita, berdepan dengan pembangkang yang akan bertanya soalan dan cara penanganan Pakej Rangsangan Ekonomi saya rasa cukup *steady*, berbeza dengan apa saya masih ingat lagi Tuan Speaker pada 16 Mac kita lihat apa yang berlaku, pada masa itu pandemik sudah pun berlaku ya. Cara Kerajaan Persekutuan mengumumkan pelaksanaan PKP melalui adalah melalui satu sidang media yang berlangsung pada 16 Mac sepatutnya pada pagi 16 Mac ada satu PC, tapi PC itu tak nak umum apa-pun pun dan ini menimbulkan huru-hara di kalangan rakyat kerana pada masa itu rakyat sudah bertanyakan tentang bertanya-tanya adakah *lockdown* akan dilakukan akan diumumkan oleh kerajaan atau tidak, begitu banyak khabar angin di sana sini. Tapi Kerajaan Persekutuan tidak dapat memberi satu hala tuju adakah *lockdown* diadakan atau tidak. Tunggu sampai 16 hari bulan baru bagi ingat akan diumumkan, tak diumumkan, apa yang

## 13 JULAI 2020 (ISNIN)

diumumkan tunggu lagilah PC satu kali lagi 9.00 malam pada hari yang sama. Itu cukup menakutkan seluruh rakyat Malaysia. Kerana anda adalah pun menyebabkan rakyat Malaysia berada di dalam *mood* huru-hara, gelisah, bimbang sepanjang satu hari dan barulah pukul 9.00 malam diumumkan akan diadakan Perintah Kawalan Pergerakan dan semua orang lari sana lari sini, pada hari keesokan 17 hari bulan Mac berpusu-pusu pergi, serbu menyerbu ke pasar raya. Membeli segala apa sahaja yang boleh, *panic buying*. Jadi Yang Berhormat sekalian, adakah itu cara yang paling bagus untuk menangani satu COVID ataupun satu pandemik. Pada saya itu adalah sesuatu yang kurang sesuai. Kemudian kita lihat dari segi bahan-bahan perubatan. Di negara lain seperti di Taiwan diumumkan bahawa kerajaan tidak membenarkan eksport sebarang bahan-bahan perubatan seperti *face mask* dan sebagainya. Tidak dibenarkan. Tetapi ini tidak dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan saya rasa itu adalah satu kekurangan yang cukup besar. Menyebabkan pada bulan 2 dan bulan 3 sebenarnya ini pun tidak perlu tunggu sampai PKP bulan 3. Bulan 2 kalau kita lihat ia akan datang kepada kita mengapa Kerajaan Persekutuan tidak mengumumkan, melarang eksport bahan-bahan perubatan seperti sarung tangan, *hand sanitizer* dan juga *face mask* ke luar negara dan memastikan bekalan tempatan cukup. Itu sebabnya pada permulaan bulan 2 dan bulan 3 khususnya bulan 3 kemuncak kes positif COVID-19 ini pasaran tempatan tidak ada bekalan *face mask* dan *hand sanitizer* yang mencukupi, tetapi saya rasa kita perlu berterima kasih kepada ahli-ahli farmasi kerana pada masa itu secara sukarela ya Yang Berhormat Sungai Burong merekalah orang-orang Malaysia yang seperti ini mereka melalui Persatuan mereka. Mereka mendirikan website yang berdasarkan GIS dan memberi informasi seberapa tepat yang boleh kepada rakyat Malaysia di manakah ada farmasi yang ada menjual *face mask* yang ada menjual *hand sanitizer*. Itu bukan inisiatif Kerajaan Malaysia, itu inisiatif farmasi-farmasi yang menjadi ahli kepada Kesatuan Farmasi. Mereka melakukan ini dan mereka menggunakan teknologi yang ada. Itu yang kita perlu beri pujian.

Tuan Speaker, kita juga tidak harus melupakan sumbangan SME dalam ekonomi negara kita dan dalam *lockdown* ataupun PKP ini merekalah sebenarnya antara pihak yang mengalami kesan yang paling teruk. Untuk makluman dewan yang mulia ini, 98% daripada usahawan yang ada di negara kita adalah SME iaitu industri kecil dan sederhana. Di mana 76% daripadanya adalah industri kecil. 98% SME, 76% adalah industri kecil, selebihnya adalah sederhana dan daripada 98% SME ini 20% daripadanya adalah usahawan wanita. Oleh sebab itu, apa yang kita lakukan mana-mana yang bercadang untuk melancarkan apa-apa Paket Rangsangan Ekonomi ia nya perlu memastikan pihak SME ini mendapat kesan positif langsung daripada paket ini, mendapat suntikan modal supaya mereka boleh *survive* dalam mengharungi cabaran COVID-19 ini. Lebih-lebih lagi 20% daripada SME adalah diketuai oleh kaum wanita, kaum hawa. Jadi untuk itu saya rasa kita perlu, saya rasa tadi saya ada mendengar

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

pembentangan daripada Kerajaan Negeri dan saya berasa lega kerana kebanyakan elemen yang ada pada Pakej Rangsangan ini adalah dituju kepada SME dan sudah pasti 20% SME yang dikelola oleh kaum wanita ini akan mendapat manfaat daripadanya. Tuan Timbalan Speaker, satu perkara yang saya rasa ingin sentuh ialah semangat *federalisme*. Sekarang Kerajaan Negeri Selangor dipimpin oleh Pakatan Harapan dan sekarang ini akan membentangkan Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor ini dan adalah amat penting supaya Kerajaan Persekutuan memberi kerjasama yang rapat dan erat dengan Kerajaan Negeri Selangor. Saya masih ingat Yang Berhormat Speaker semasa tempoh PKP ini ada Menteri Kanan saya rasa tuan-tuan dan puan-puan tahu ada Menteri Kanan yang menegur Kerajaan Negeri, masih ingat tak masa kita melaksanakan semasa Kerajaan Persekutuan mengumumkan pelaksanaan PKP Bersyarat pada 4 hari bulan Mei, bersyarat. Masa itu, sektor untuk dibenarkan beroperasi semula, tapi ada negeri yang rasa mungkin kita kena tunggu dan lihat dahulu dan lalu Kerajaan Selangor melaksanakan PKPBD panjang hurufnya kadangkala Menteri Kanan ada seorang Menteri Kanan pun keliru. Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat Diubahsuai (PKPBD) dah ditegur oleh Menteri Kanan kononnya Kerajaan Negeri mungkin akan didakwa kerana mengingkari arahan Kerajaan Persekutuan, saya ingin bertanya bukankah benar Menteri Kanan ini pernah pada suatu ketika dahulu menjadi Menteri Besar di Kerajaan Negeri Selangor tapi mengapa menegur Kerajaan Negeri pula bahawa Kerajaan Negeri mungkin akan didakwa. Hakikatnya Tuan Speaker, Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit tahun 1988 ini memberi kuasa bukan sahaja kepada Kementerian Kesihatan tapi juga memberi kuasa kepada Pejabat Kesihatan Daerah, Inspektor Kesihatan, Pegawai Pejabat Kesihatan di PBT untuk menjalankan tugas mereka. Akta ini merangkumi Pegawai-Pegawai Kerajaan yang bertugas di bawah struktur kuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan dan saya tidak percaya Tuan Pengarah KSU, Kementerian Kesihatan dia boleh *micro manage* sesuatu perkara sehingga ke peringkat daerah. Sudah tentu tidak, Pejabat Kesihatan Daerah walaupun di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia tapi dari segi anggotanya kekuatan tenaganya dia juga amat bergantung pada PBT, Penguat kuasa PBT di peringkat PBT, di peringkat Pejabat Tanah untuk menjalankan tugas dia di bawah Akta ini. Oleh sebab itu, kita tidak perlu tegur-menegur tapi sekiranya perlu, perlulah secara proaktif mengadakan perbincangan sesama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat, jadi sedikitlah terkilan pada masa itu. Saya merasa sedikit terkilan mengapakah kena tegur-menegur.

Tuan Speaker, pembangunan infrastruktur adalah perkara yang sangat penting dalam Pakej Rangsangan Ekonomi ini dan dalam pakej ini ada disebut banyak kali tentang pentingnya perkhidmatan Internet dan saya ingin membangkitkan satu isu iaitu kualiti perkhidmatan Internet ataupun Internet jalur lebar di Daerah Kuala Langat, pada masa sekarang masih lagi di tahap yang tidak begitu memuaskan dan sekiranya kita hendak melonjak semula ekonomi Selangor saya amat memohon supaya perkara ini diberi

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

perhatian. Selain daripada infrastruktur seperti lebuh raya, jalan, longkang dan sebagainya. Infrastruktur Internet ini juga sangat penting khususnya di kawasan Mukim Tanjung Dua Belas di Kuala Langat termasuklah kawasan saya merangkumi kawasan di Yang Berhormat ADUN Sijangkang. Di mana kebanyakannya besar kawasan ini telah dizonkan sebagai zon industri sederhana dan berat. Tapi dari segi jaringan Internet saya menerima aduan sebenarnya semasa tempoh PKP ini bahawa mereka menghadapi masalah kerana kekurangan Internet di situ. Mereka masih lagi menggunakan perkhidmatan Streamyx, Streamyx ya saya tahu di Bandar besar sekarang Streamyx tidak ada lagi. Semua pakai UNIFI, TIME, macam-macam. Tapi di kawasan ini, ini kawasan perindustrian masih menggunakan Streamyx. Jadi, saya rasa perkara ini perlu diberi perhatian yang serius oleh Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan.

**Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH** : Mohon mencelah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Ya.

**Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH** : Saya bersetuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat Banting. Keadaan Internet sangat teruk di kawasan Mukim Tanjung Dua Belas. Seterusnya Daerah Kuala Langat dan ini memerlukan satu naik taraf peringkat TM ataupun syarikat yang mengendalikan sistem UNIFI, tidak terjejas dan saya amat bersetuju.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Saya terima kasih atas hujah daripada rakan saya, jiran saya Dengkil. Kerana dalam pakej ini *intention* nya inisiatif bagus dan banyak yang kita nak cadangkan ini hanya boleh dilakukan sekiranya kita mempunyai infrastruktur Internet yang mantap. Tetapi sekiranya yang *basic*, yang paling asas itu iaitu perkhidmatan jalur lebar itu tidak dapat di naik taraf, maka saya rasa ia akan *defited purpose* dan saya mohon perhatian daripada Kerajaan perkara ini sebenarnya telah dibangkitkan sebelum ini. Dan saya kira perlu ada satu komitmen yang lebih tegas daripada Kerajaan termasuk Kerajaan Persekutuan untuk menggunakan peruntukan-peruntukan seperti dalam NFCP dan juga USP, universal, USP dan juga NFCP ini untuk mempertingkatkan perkhidmatan jalur lebar di kawasan Kuala Langat termasuk di Kawasan Sabak Bernam dan juga Kuala Selangor. Saya rasa perlu, kalau tiada internet macam mana kita nak buat order, grabfood ke apa ke pun tak boleh juga, apa tah lagi AgroMart dan sebagainya.

Saya dengar khabar bahawa sepanjang tempoh PKP ini ada nelayan di peringkat daerah Sabak Bernam, sehingga sampai mereka menjual ikan melalui *Facebook Live* dan pasaran nya cukup memberangsangkan. Tetapi kalau talian tak cukup kelajuan internet itu adalah itu sahaja, susah lah. Jadi peluang itu akan menjadi terbatas. Jadi Tuan

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

Speake, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana merancang pelbagai Pakej Rangsangan Ekonomi dan saya lihat disini apa yang kita perlu lihat ialah wang yang disalurkan oleh Kerajaan sama ada Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri, ianya perlu disalurkan dengan satu matlamat yang jitu. Apa yang kita perlukan ialah wang yang diperolehi oleh diterima oleh rakyat ini akan dibelanjakan. Sekarang kita dah sudah melihat satu trend, Yang Berhormat Speaker, orang dapat wang dia simpan dalam bank. Dia simpan dalam bank yang dapat untung ialah bank, tapi bank nak buat tawaran pinjaman, tak ada orang yang layak. Jadi, wang itu disimpan dalam akaun-akaun bank, jadi itu tidak akan membantu ekonomi kita untuk berkembang semula. Jadi sebab itu saya rasa Kerajaan Negeri sebelum ini telah pun mengadakan satu program Jom Shopping, kita memberi baucer.

Jadi saya terbaca satu rencana yang mengatakan bahawa sekiranya Kerajaan hendak memberi sumbangan wang ringgit kepada rakyat, adalah bagus kalau ianya disumbangkan dengan cara mana ianya mesti dibelanjakan. Wang yang kita beri itu mesti dibelanjakan, bukannya disimpan dalam akaun bank. Iaitu sebab disitu daripada artikal itu, nampaknya apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri sebelum ini iaitu pemberian baucer Jom Shopping adalah sesuatu yang tepat pada waktunya kerana ia membolehkan rakyat untuk berbelanja dan secara tidak langsung menghidupkan semula ekonomi itu. Dan dari situ juga Tuan Puan Yang Berhormat sekalian, kita lihat satu perkara, satu dasar yang dilancarkan oleh Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan sebelum ini, iaitu pada awal bulan Januari kita pada masa itu Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan mengumumkan untuk memberi E-Tunai Rakyat sebanyak RM30. Saya rasa perkara itu masih segar di dalam ingatan kita.

Perkara baik iaalah sekarang ini Kerajaan Perikatan Nasional juga bercadang hendak memberi wang tunai melaui E-Wallet sebanyak RM50 di bawah Penjana. Belum sampai lagi ya, belum sampai lagi tapi tak apa lah, anggaplah dia akan sampai, tapi sekurang-kurangnya ini menunjukkan bahawa ada orang yang copycat, yang copy ataupun mengguna dasar yang bagus daripada Kerajaan Pakatan Harapan. Saya masih ingat pada masa itu, banyak netizen di sebelah sana, dia menuduh kita bukan-bukan, kononnya kedekutlah RM30 mana cukup dan sebagainya, tapi sekarang dia diteruskan pulak walaupun amoun dia RM50, tapi saya rasa kita tidak akan perkata mengkritik ini sebagai satu amount yang sangat sedikit ataupun kedekut dan kita akan kritik ataupun tegur ialah mungkin dia belum sampai lagi pada tahap dan juga masa yang paling cepat.

Tapi apa sekali ini menunjukkan bahawa Kerajaan Perikatan Nasional sebenarnya secara tidak langsung bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan. Tapi apa yang penting adalah, kita hendak mencadangkan kepada rakyat supaya jangan simpan wang di dalam akaun bank, kena

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

belanja. Jadi Tuan Speaker, itu adalah satu yang saya rasa perlu diketengahkan dalam perbincangan kita dan satu lagi perkara berkenaan dengan Kelestarian Bekalan Makanan.

Banting ingin bertanya tentang status tapak kekal pengeluaran makanan di Sungai Kelambu, Kuala Langat. Perkara ini telah pun saya bangkitkan banyak kali di dalam siding dewan ini, tetapi belum ada apa-apa lagi perkembangan terbaru kerana ia melibatkan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan dan saya rasa itu adalah sesuatu yang perlu diberi perhatian kerana sepanjang tempoh PKP ini pada permulaannya, memang para pertain menghadapi masalah untuk memasarkan hasil-hasil tanaman mereka seperti ubi, halia dan sebagainya.

Saya rasa Kerajaan perlu mengubah satu keputusan cepat supaya petani yang bercucuk tanam ditempat ini dapat menjalankan aktiviti pertanian mereka dengan hati yang tenang, kerana mereka merupakan penyumbang kepada ekonomi negara dan mereka pada awal pelaksanaan PKP juga sudi untuk menderma hasil-hasil tanaman mereka untuk disumbangkan kepada rakyat-rakyat miskin di Kawasan Kuala Langat. Jadi itu sebabnya Tuan Speaker, saya kata kita kena beri credit kepada orang seperti ini, bukan saja Kerajaan, bukan saja Perdana Menteri, tetapi disebalik keputusannya dilakukan oleh Kerajaan, dasar dia Pakej Rangsangan Ekonomi, ada ramai lagi dibelakang yang memberi sumbangan secara tidak langsung.

Satu lagi perkara internet telah pun saya sebut. Ramai budak-budak juga, kerana internet juga tidak ada peluang untuk menjalankan aktiviti pembelajaran melalui online, ada yang tidak ada laptop, ada yang tidak ada rangkaian internet yang mencukupi. Saya rasa itu adalah satu perkara yang perlu kita lihat dan industri perubatan dan pencemaran. Dua perkara lagi Tuan Speaker.

Kita lihat negara lain, kerana pelaksanaan PKP ini banyak negara menghadapi masalah kesuntukan ataupun masalah kesuntukan bahan-bahan perubatan. Tadi ada saya ada sebut, ada negara yang membuat dasar dan melarang pekilang-pekilang daripada mengeksport bahan-bahan keeperluan ini seperti *facemask* dan sebagainya. Dan kita lihat pandemik ini telah pun mengajar kita untuk sentiasa bersiap sedia dan sentiasa bersiap sedia supaya kita oleh mengembeleng segala usaha dan tenaga dan sumber yang ada pada negara kita untuk menghasilkan bahan-bahan perubatan yang diperluakan oleh Kerajaan.

Di negara-negara seperti Taiwan, kita lihat begitu berjaya nya mereka daripada sebuah negara yang selama ini bergantung kepada import facemask, sehingga sekarang mereka boleh menggunakan, mengembeleng semua kilang yang ada di negara mereka untuk

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

menghasilkan *facemask*. Kalau dulu mereka mungkin pembuat mesin, pembuat aircond, dan sebagainya tetapi sekarang ini mereka boleh dalam masa yang cukup singkat bertukar menjadi *manufacture facemask manufacture handsanitizer manufacture* sehingga boleh eksport. Dulu mereka import, sekarang mereka eksport. Jadi itu adalah satu contoh transformasi yang kita perlu fikirkan dan masalah pencemaran yang kita tidak boleh menafikan seperti apa yang disebutkan dalam ucapan, masalah pencemaran-pencemaran di Selangor nampaknya bertambah sepanjang pelaksanaan PKP ini tetapi kita juga tidak boleh melupakan, kita boleh declare bahawa sebenarnya sepanjang tempoh dua tiga bulan ini, banyak penggunaan plastik.

Kerana sekarang ini ramai orang suka untuk tapau ataupun membungkus makanan dan minuman, *grabfood*, *panda food* dan sebagainya juga sangat popular. Ini secara langsung telahpun menyebabkan kebergantungan kita terhadap plastik bertambah dan menyebabkan sisa plastik bertambah juga dan ini bakal menjadi satu masalah alam sekitar kepada kita dan saya memohon Kerajaan supaya memberi perhatian kepada perkara ini supaya kita pada masa yang sama kita mengurangkan kandungan dan juga penggunaan plastik.

Kita juga amat khuatir dengan pelitup muka yang dibuang merata-rata tempat sekarang kerana dahulu kita tak ada pelitup muka, tapi sekarang ada banyak malahan kitab oleh membeli dengan harga yang lebih murah, tapi sekarang ini kita nampak banyak pelitup muka ataupun *facemask* dibuang merata-rata tempat. Jadi saya rasa dua tiga perkara yang saya bercadang untuk diketengahkan di dalam perbahasan ini dan saya memohon usul ini disokong dan dipersetujui oleh semua. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Saya persilakan Jeram

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih pada Tuan Speaker. Pagi tadi diparlimen Tuan speaker mengucapkan selamat hari jadi kepada Tun, disini Selangor, saya mengucapkan selamat hari jadi kepada Tuan Speaker,

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih, teruskan.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Semoga Panjang umur, murah rezeki dan berbahagia bersama girlfriend dan juga anak-anak yang disayangi.

Tuan Speaker yang saya hormati, saya meneliti apa yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar berkenaan dengan perbelanjaan COVID-19 dan sebagainya. Jadi apa yang saya nak perkatakan disini ialah, ada kaitan nya dengan isu-isu yang saya nak ketengahkan pada sidang dewan kali ini. Yang pertamanya berkenaan

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

Yang Berhormat EXCO Batu Tiga. Saya mohon maaf kerana saya terpaksa berterus terang dan bagitahu, bukan apa demi kebaikan dan menjadi satu pengajaran yang kita perlu jadikan contoh.

Yang pertamanya berkenaan dengan ketua kampung. Walaupun ketika itu saya berada di blok sana, tetapi saya perlu bagitahu apabila berada di blok sini. Berkenaan dengan tingkah laku ataupun salah guna kuasa ketua-ketua kampung. Saya pernah mohon untuk membuat pertukaran ketua kampung dan berkali-kali saya telah maklumkan berkenaan dengan hajat saya. Tetapi telah diendahkan oleh Yang Berhormat EXCO. Ini contoh saya nak bagitahu Yang Berhormat, ini ada 12 program yang dibuat oleh ketua kampung.

Ketua kampung itu daripada parti BERSATU, dimana apabila kita kenal pasti ada masalah, kita minta tukar kepada ketua kampung. Kenapa saya bagitahu kat sini, kerana perbelanjaan yang di bagitahu oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ada kena mengena dari segi penyelewengan. Ada 12 program-12 program yang dicopnya dari segi bekal khemahnya, makanan nya segala PA System nya semuanya daripada satu syarikat sahaja. 12, ini macam mahkamah saya kena tunjuk, ada buktinya boleh tengok.

Syarikatnya telah *expired*, syarikat yang dicop itu, saya selidik syarikatnya telah *expired*. Jadi benda ini apabila kita nampak ada salah laku dari segi penyelewengan perbelanjaannya, maka saya minta Yang Berhormat EXCO untuk bertukar sampai ke sudah, sampailah tamat dan disambung sementara sehingga bulan 6 dan telah pun tamat. Dan saya dimaklumkan ketua kampung telah bertukar, pasti dan mohon membuka rantingnya di Jeram. Jadi saya mohon Yang Berhormat Melawati terima mantan ketua kampung itu sebagai ranting dan terus melantik sebagai ketua kampung disana. Yang kedua..

**Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Yang Berhormat Speaker,

**TUAN SPEAKER :** Silakan Batu Tiga.

**Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Boleh namakan kampung tersebut.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI:** Kampung Jeram.

**TUAN SPEAKER:** Tapi kampung Jeram berada di Bukit Melawati.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI:** Mereka, ketua kampung itu memohon membuka ranting sebab Yang Berhormat Bukit Melawati merupakan ketua cabang di sana. Itu yang pertama, yang kedua masih lagi dalam bidang kuasa EXCO Batu Tiga.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

Berkenaan dengan tanah Kerajaan Negeri Selangor. Tempoh hari saya melihat Yang Berhormat EXCO telah membuat lawatan dan saya juga melihat ada juga EXCO lain yang membuat lawatan. Yang Berhormat, kita kena tunjuk contoh yang bagus. Apabila usaha pengusahaan itu dilakukan di tanah haram, iaitu tanah Kerajaan Negeri Selangor. Sepatutnya kena ambil tindakan. Apabila saya buat aduan kepada Pejabat Daerah (DO) dan minta pantau dan memberhentikan penanaman ataupun pengusahaan yang dilakukan di tanah Kerajaan Negeri secara haram. Maka DO kata, Yang Berhormat EXCO telah memberi kebenaran. Kalaulah ini dibuat oleh bangsa lain, sama ada bangsa Cina atau India, dan mereka meminta kepada saya sebagai wakil rakyat, menanyakan kenapa bangsa Melayu boleh buat, kenapa kami bangsa lain tak boleh buat. Saya nak jawab apa. Sebab itu di kawasan saya, saya sebagai wakil rakyat, sepatutnya Yang Berhormat tolong rujuk dengan saya. Tanya apa masalah yang sedang berlaku. Supaya saya boleh memberi penjelasan. Benda ini berlaku ketika saya masih lagi dalam blok kerajaan.

Kenapa Yang Berhormat EXCO, tidak berunding, tempoh hari saya pernah berbincang. Saya pernah menyuarakan benda yang sama kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Di mana EXCO sekiranya turun ke kawasan, kalau berlaku apa-apa isu, tolong tanya pendapat ataupun mendapatkan penjelasan daripada wakil rakyat. Sama ada wakil rakyat itu kerajaan mahupun pembangkang. Mereka lebih arif. Apabila mendapat bantahan daripada penduduk kepada saya selaku wakil rakyat. Dan saya meminta Pejabat Daerah mengambil tindakan, tetapi diendahkan. Tidak diendahkan. Marah tadi tu.. marah tadi.

Jadi, jadi inilah, berlaku pertindihan kuasa, ataupun kalau bahasa kasarnya, salah guna kuasa oleh Yang Berhormat EXCO untuk menghalang penjawat Awam. Yang mana DO. untuk mengambil tindakan. Kerana kita sudah sah, tanah itu merupakan tanah Kerajaan Negeri Selangor.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Tuan Speaker, saya rasa, Jeram bercakap atas kapasiti tidak menyelidik terlebih dahulu. Menuduh saya menyalah guna kuasa dalam dewan ini, ini tidak betul.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat, ini bukan menuduh. Apabila Yang Berhormat membenarkan mereka meneruskan penanaman itu. sebenarnya DO sendiri, Yang Berhormat, sebenarnya Pegawai Daerah sendiri telah meminta memberhentikan kerana melakukan pencerobohan ke tanah tersebut. Dan DO sendiri telah mengarahkan Jabatan Penyiasatan ataupun penguat kuasa untuk menanam, memacak, di mana mengatakan...

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Saya mohon mencelah, soalan Speaker,

**TUAN SPEAKER :** Silakan, silakan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Masalahnya Jeram menuduh saya menggunakan kuasa, sedangkan keputusan meluluskan projek itu diteruskan adalah dibuat di dalam MMKN. Tidak ada salah guna kuasa di sini. Jadi saya mohon tarik balik apa yang telah disebut oleh Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat EXCO, benda itu dibawa kemudian dalam MMKN. Sebelum itu telah berlaku. Di mana arahan telah diberikan kepada Tuan Pegawai Daerah.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Tidak. Saya menafikan perkara itu. Tarik balik

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Jeram. Tuduhan sebegini, 36(6), sangkaan jahat, tak boleh. Sebab tak ada bukti yang menunjukkan bahawa Yang Berhormat EXCO Batu Tiga mengarahkan. Kecuali kalau ada tunjukkan surat. Jadi begitu, jangan tuduh sembarangan. Boleh utarakan masalah, tak ada masalah. Tapi jangan tuduh. Ini sangat serius. 36(6), sangkaan jahat.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya dimaklumkan oleh Pegawai Daerah, kerana saya meminta Pegawai Daerah, minta penjelasan kenapa surat saya tidak dilayan. Ataupun tidak diambil tindakan.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Jeram, cakap verbal, tanpa hitam putih tak boleh dijadikan kes dalam mahkamah.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya telah menghantar surat.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Yang Berhormat Speaker, saya minta Jeram tarik balik tuduhan itu, sebab benda tu jelas melanggar peraturan.

**TUAN SPEAKER :** Saya minta perkara itu, jangan tuduh. Tak de. Tarik balik perkara itu. Boleh ungkit perkara, tetapi jangan tuduh, secara spesifik, Batu Tiga, EXCO, mengarahkan. Tak ada yang menjelaskan bahawa Batu Tiga mengarahkan. Cuma

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

ngomong-ngomong, mana-mana. Jadi saya minta Yang Berhormat Jeram, dengan gaya bebasnya, tarik balik lah.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Tuan Speaker, sebenarnya, benda ini telah dikata oleh pegawai daerah itu sendiri. Bila pegawai daerah kata, takkan saya nak minta pegawai daerah keluarkan surat mengatakan...

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Tuan Speaker, saya mengatakan Peraturan Tetap 36(6), kalau ada isu yang berbangkit sebenarnya boleh bertanya, tetapi membuat tuduhan di dalam Dewan ini, saya tak boleh terima, jadi saya mohon ditarik balik benda sebegini.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Saya tidak boleh tarik..

**TUAN SPEAKER :** Jeram, dengar nasihat di sini. 36(6) sangkaan jahat. Jangan tuduh. Saya dah beritahu, cuma mengatakan ini, cakap itu, cakap, saya tak boleh dalam Dewan yang mulia ini. Baik, saya minta tarik balik perkataan tentang Batu Tiga. Minta tarik balik. Ini sangat serius. Tanya, ungkit tak apa.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Ini bukan soal tanya. Apabila seseorang mengarahkan kepada pegawai kerajaan, itu dipanggil apa.

**TUAN SPEAKER :** Mana bukti.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIM :** Jeram ada bukti ke, Jeram. Kalau verbal, tak boleh.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Pegawai Daerah itu mengatakan arahan datang daripada EXCO..

**TUAN SPEAKER :** Tak ada bukti, ngomong-ngomong saja. Tidak boleh dijadikan tuduhan di dalam Dewan.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIM :** Tarik balik, Jeram, tarik balik.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Tidak ada istilah untuk nak tarik balik sebab saya berpegang kepada

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Tarik balik, tarik balik....

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIM** : Tarik balik Jeram. Tarik balik. Tak ada bukti, Jeram buat tuduhan melulu.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Berdasarkan apa yang sedang berlaku. Jadi kalau begitu, seolah-olah macam saya menipu di dalam Dewan yang mulia ini.

**TUAN SPEAKER** : Jeram duduk dulu. Speaker cakap, Jeram duduk dulu. Saya bagi nasihat, dalam hari yang mulia ini. Kita baru bersidang hari pertama. Saya minta Yang Berhormat Jeram dengan gaya bebas, kita fikir dulu, kita tuduh sembarangan tanpa fakta. Tidak boleh dibenarkan di dalam Dewan yang mulia ini. Tuduh secara spesifik. Saya nampak tadi, dengar cakap orang, tapi kita tak ada hitam putih. Kalau ada surat hitam putih, boleh kita cerita dengan perkara itu. Jadi saya minta daripada Yang Berhormat tarik balik daripada menuduh Batu Tiga. Ha... itu yang saya minta lakukan. Silakan.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Terima kasih Tuan Speaker. Tetapi saya rasakan, sekiranya menarik balik apa yang saya cakap, seolah-olah saya menuduh ataupun membawa satu isu yang salah ataupun isu pemalsuan. Jadi sebab itu, sebab itu, sekiranya Yang Berhormat boleh rujuk dekat pejabat daerah dan tanyakan, adakah yang Pegawai Daerah berkenaan mengatakan sedemikian kepada saya. Sebab saya, kalau saya tarik balik seolah-olah macam saya ni tak bertanggungjawab dengan apa yang saya cakap.

**TUAN SPEAKER** : Saya minta Yang Berhormat Jeram, Peraturan Tetap mengatakan kita tidak boleh membuat sangkaan jahat, tuduhan sebegini tanpa fakta. Saya telah berikan nasihat supaya tarik balik. Jangan kalau tidak nanti saya ambil tindakan tidak baik untuk kita semua, jadi saya minta Yang Berhormat secara tertib, kita sebagai Ahli Dewan yang bertanggungjawab, keluarkan kenyataan perbahasan, boleh. Saya bagi peluang. Tadi ada yang lain yang berdiri, saya bagi peluang, untuk berbahas. Tak ada masalah. Walaupun di blok yang bebas. Gaya bebas pun tak apa. Silakan. Tetapi fakta jangan auta. Bukan soal auta, tapi tak jelas. Tak jelas, ada pertikaian itu jangan. Jangan dijadikan tempat ini untuk menuduh perkara sedemikian. Sila, tarik balik. Sebagai bertanggungjawab, ahli yang bertanggungjawab. Tarik balik.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Ini bukan soal auta atau fakta, Yang Berhormat Tuan Speaker. Okey, saya..

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker. Peraturan Tetap.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**TUAN SPEAKER :** Silakan. Sila duduk. Peraturan Tetap.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker. Peraturan Tetap, 44(1), Pengerusi setelah menarik perhatian Dewan atau Jawatankuasa kepada kelakuan seseorang ahli yang berdegil menyebutkan hujahnya sendiri atau hujah ahli lain di dalam sesuatu perbahasan, boleh meminta ahli itu berhenti itu bercakap. Jadi saya menarik perhatian supaya sekiranya Yang Berhormat Jeram masih berdegil hendak mengulangi hujahnya dan tidak mahu menarik balik, maka saya mohon agar Tuan Speaker menggunakan Peraturan Tetap 44(1).

**TUAN SPEAKER :** Baik, Yang Berhormat Bandar Baru Klang, saya ambil maklum. Yang Berhormat Jeram, saya bagi sekali lagi peluang, untuk terus berbahas tetapi dengan syarat, tarik balik tuduhan tadi. Ya, silakan.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya menarik balik dengan apa yang saya katakan tadi. Pada masa yang sama, saya mohon EXCO Batu Tiga, mendapatkan jawapan untuk saya ini, daripada pegawai daerah itu sendiri. Ketika membahas ataupun menjawab soalan saya punya, kenyataan saya tadi.

Seterusnya, saya ambil contoh Yang Berhormat EXCO Kota Kemuning. Kota Kemuning, apabila masuk kawasan, beliau, Yang Berhormat EXCO maklum, beliau maklumkan kepada saya, berkenaan dengan tujuannya dan beliau membantu saya di kawasan. Jadi, inilah contoh, inilah contoh yang mana EXCO-EXCO lain, (TEPUK), perlu, perlu ambil ataupun belajar. Sebab urusan beliau masuk ke kawasan saya, tidak ada kena mengena pun pada saya. Tetapi beliau menghormati dan mengajak bersama.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Yang ini tak payah tarik balik.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Jadi, saya harap Yang Berhormat EXCO lain pun sama. Kerana apabila Yang Berhormat EXCO turun, dia la, jarang-jarang turun. Apabila turun, tanya dia, apa yang dia boleh bantu. Jadi masa itulah sebagai ADUN kawasan yang kita rasa masalah itu, di mana yang melibatkan EXCO tersebut, kita boleh bagi tahu. Jadi jarang-jarang, dan memang tak berlaku. Jadi saya mengucapkan terima kasih, kepada Yang Berhormat Kota Kemuning kerana menghargai saya, selaku ADUN, yang tempoh hari, di sana. Saya ucap terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Jeram, lain orang lain gaya. Yang Berhormat Jeram dengan gaya bebas, lain EXCO pun lain gaya. Tapi yang saya nampak Yang Berhormat Jeram, kurang perhatian. Minta Yang Berhormat Kerajaan bagi perhatian lebih. Sayangilah Jeram. Sayangilah Jeram.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Mohon mencelah, mencelah.. Minta Jeram, bagi saya mencelah.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Saya tak bagi. (dewan kecoh) Yang Berhormat Tuan Speaker, seterusnya, saya ke EXCO PBT. Saya mohon, saya mohon maaf terlebih dahulu, kerana niat saya sama seperti EXCO Batu Tiga, saya beranggapan seolah-olah macam orang panggil kak Jee.. Saya sebenarnya tak nak apa-apa *feeling*, tetapi apabila saya bercakap, saya membawa mandat ataupun amanah rakyat, jadi saya, rasa bersalah sekiranya saya tak melakukan tanggungjawab saya.

Yang pertama, berkenaan Infra Majlis Daerah. Saya nampak Yang Berhormat Pelabuhan Klang, buat video. Dan sehingga RM1 juta.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker, Peraturan Tetap lagi. Tuan Speaker, saya sebenarnya keberatan nak bangun, nak rujuk kepada Peraturan Tetap. Tetapi terpaksa saya melakukan, kerana hari ini kita membincangkan satu Usul yang begitu penting. Bagaimana memulihkan ekonomi demi kepentingan rakyat akibat pandemik. Tapi..

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat EXCO, saya dah bagi tau. Dengar dulu Yang Berhormat

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Peraturan Tetap. Peraturan Tetap..

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat, jangan beranggapan apa Yang Berhormat cakap betul.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Peraturan Tetap. Dengar dulu, kenapa saya..

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Jeram, duduk dulu.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Dengar dulu kenapa saya bangkitkan...

**TUAN SPEAKER :** Peraturan Tetap. Bagi dia cakap dulu.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Peraturan Tetap 31(6), jelas. Bahas mengikut pokok Usul tersebut. Ini bukan perbahasan bajet atau bajet tambahan. Kalau kita membahaskan, titah ucapan Tuanku, boleh la bawa. Semua boleh bawa. Satu dunia boleh bawa. Gaya bebas. Tapi ini bukan bebas. Ini bukan gaya bebas.

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

Jadi, kalau tidak kita menghabiskan masa tentang perkara yang tidak berkaitan dengan Usul ini, jadi rakyat melihat melalui siaran secara langsung, apa yang kita buat di sini, menceritakan sesuatu yang tidak dibawa oleh kerajaan. Dibawa, yang di Usulkan oleh Menteri Besar. Saya tahu.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat, saya menghormati Yang Berhormat, tetapi, Tuanku mengizinkan untuk kita bersidang dua minggu, tetapi dipendekkan kepada 3 hari.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Bawalah Usul sendiri. Peraturan 26.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Usul sendiri saya pun ditolak.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Usul tak betul, sebab tu ditolak. Belajar bawa Usul yang betul.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Jadi bila diberi peluang, berbahas, tolong bagi ruang, jangan asyik nak ambil Peraturan saja. Apa yang kita nak bawa ini, bukanlah cerita yang mana berlaku di kawasan saya. Saya perlu bertanggungjawab. Kalau Yang Berhormat, asyik mengatakan tak ada kena mengena. Itu bagi Yang Berhormat. Yang mana melibatkan kawasan saya.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Ini belum habis tentang Peraturan Tetap....

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Bandar Baru Klang, tak apa. Sabar. Yang Berhormat Jeram, sabar dulu. Kita dah bagi blok bebas dan bagi gaya bebas. Bukan sebebas-bebasnya. Maksudnya kena ada limit. Kena ada ikut saluran, waktu kita membahaskan Usul yang dibawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Paket Rangsangan Ekonomi. Jadi kita nak cerita jumpa EXCO mana, jumpa EXCO mana, sikit-sikit boleh la, tapi dah terlalu banyak...jangan la. Kita balik ke landasan awal.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih Tuan Speaker. Jadi Pelabuhan Klang kalau-lah buat video dapat tontonan sejuta lebih, sebagai wakil rakyat kerajaan yang mengatakan Majlis Daerah itu tak buat kerja, itu amat memalukan sebenarnya..adakah saya perlu buat video yang sama supaya mendapatkan tontonan 1 atau 2 juta. Kerana itu yang kita bawa tempohari ada juga pendengaran awam dan sebagainya bagaimana memperbaiki kelemahan PBT jadi Yang Berhormat EXCO tolong tengokkan..ini saya bagi tahu ni esok saya ada panggil Lando..Lando dia dapat aduan kerana jalanraya dibuat sama di kawasan saya jeram ketika waktu hujan. Jadi saya nampak juga dua tiga yang lepas Yang Berhormat Pelabuhan Klang bermesyuarat

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

bersama dengan Lando..Siapa Lando ini?.. Adakah Lando ini Pegawai Kerajaan? Kerana beliau berada dalam mesyuarat bersama dengan Yang Berhormat Pelabuhan Klang, dan apabila saya maklumkan saya mengajak Lando hadir pada keesokkan harinya pukul 10:30, 2 hari lepas, malam-malam mereka menurap,jadi bermakna wakil rakyat ni tak dipandang..Lando ni dia datang dengan mencarutnya diviralkan takut buat kerja. Saya juga syorkan PBT ataupun Yang Berhormat Infra, EXCO Infra bolehlah mengambil Lando ini untuk sebagai Pegawai Kerajaan yang memantau Infra ataupun JKR, kerana saya nampak lebih berkesan kerana aduan wakil rakyat sendiri tidak diendahkan apabila Lando nak datang malam-malam buat dah selesai. Saya pun tak tau cakap apa Yang Berhormat. Yang kedua, berkenaan dengan Ahli Majlis, saya kaitkan dengan perbelanjaan yang mana Yang Amat Berhormat bentangkan tadi, Ahli Majlis, ini bukan tuduhan .jangan suruh saya tarik balik dan saya ada bukti hari ni tak bawa tetapi kalau suruh tarik esok saya bawak. Ahli Majlis DAP yang mana menghantar perbelanjaannya menyumbang seribu ringgit apabila saya tanya pada jawatankuasa penduduk hanya dapat 100 ringgit. Jangan tuduhan saya boleh bawa benda tu dan boleh bawa rakaman dengan majlis perwakilan penduduk, ini kerana masjid yang diluluskan untuk covid ini adakah sasarannya ataupun sampai kepada masyarakat. Itu persoalan ada kaitan Yang Berhormat Tuan Speaker ada kaitan ye. Yang Ketiga,

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Yang Berhormat ..itu satu tuduhan yang agak yang sangat serius. Ada tak laporan polis? Laporan MECC sudah dibuat atas tuduhan tersebut? ...

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat, ini semua saya ada bawa bukti dan saya akan buat dan saya akan serahkan kepada...

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Jadi masih belum buat laporan polis?

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Belum buat..sekiranya saya..sekiranya..

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Sebagai wakil rakyat bertanggungjawab kenapa tak buat laporan polis sengaja nak mainkan politik dengan tuduhan tak berdasas?

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat saya bertanggungjawab sebab tu saya kata apa yang saya cakap dalam dewan yang mulia ni saya bertanggungjawab..jadi saya akan ..bagi pada Yang Berhormat ketua kepada DAP siapa ahli majlisnya ..saya akan serahkan untuk mengambil tindakan ataupun untuk apa yang nak dibawa ke Pakatan Harapan. Yang ketiga, perancangan bandar, yang berhormat EXCO, PBT tolong kita sebagai wakil rakyat ketiga saya berada di blok sana,

## 13 JULAI 2020 (ISNIN)

kita menjanjikan manifesto sekiranya saya menang, ini saya akan buat, iaitu saya kan pastikan jalannya cantik, saya akan bina bangunan ini itu, saya akan bina bangunan ini, tetapi adakah Yang Pertua Majlis Daerah ataupun Majlis Perbandaran di Kawasan anda berbincang dengan adun-adun Kawasan sekiranya membuat sebarang pembangunan. Tidak ada. Di kawasan saya sendiri Yang Berhormat EXCO adalah tanah ehsan 10 ekar 9 ekar lebih diberi Eco World Pejabat Daerah kepada Majlis Daerah dan saya merancang disebabkan tiada aktiviti ataupun tempat aktiviti untuk remaja dimana saya diingatkan tempat itu boleh dimanfaatkan tetapi baru-baru ini saya dapat info daripada YDP sendiri sudah ada perancangan. Jadi kita ni sebagai wakil rakyat ni siapa yang merancang untuk sesuatu memangla Majlis Daerah itu bertanggungjawab untuk membangunkan tetapi apa salahnya berbincang dengan wakil rakyat kawasan sekurang-kurangnya kita boleh selarikan dengan janji-janji kita sebagai wakil rakyat kepada penduduk ataupun pengundi kita. Yang keempat, tempoh hari ketika saya berada disana saya pernah bangkitkan isu kepada Yang Berhormat EXCO dimana yang senarai kilang yang tidak ada lesen apabila tempoh hari saya salah cakap, kilang haram, Yang Berhormat EXCO telah memberi peringatan bukan kilang haram kilang yang tidak ada lesen. Sehingga kini saya belum lagi terima kerana apabila ada aduan oleh penduduk berkenaan dengan bau asap kilang tersebut, kita nak kenal pasti adakah kilang itu sah ataupun tidak ada lesen ataupun tidak, jadi kalau kita tidak ada memang terlalu banyak kilang, jadi bagaimana kita nak tahu kilang mana yang ada lesen dan tidak ada lesen. Kilang mana yang telah baru diluluskan untuk pembinaannya dan sebagainya tidak ada perbincangan kita tidak ada info. Tempoh hari kita ada meminta sekiranya ada kelulusan kilang baru atau pembangunan tolong bagi Salinan kepada adun Kawasan supaya kita tahu apa yang sedang berlaku tetapi itupun tidak berlaku. Baru ini saya nampak *Malaysia Gazette* dalam live Yang Berhormat EXCO bersama YDP Klang tak silap saya buat serbuan. Yang Berhormat EXCO saya ingin memberi cadangan saya bukan lah orang yang mahir ataupun terlalu pandai tidak tetapi saya boleh beri cadangan untuk bagaimana untuk betul-betul kita nak lupuskan perniagaan pendatang asing ini. Yang pertamanya ketika membuat serbuan, jangan hanya membawa pegawai daripada penguatkuasa sahaja, kena bawa daripada pegawai SSM dan yang kedua bawa Imegresen yang ketiga bawa Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kenapa saya berkata demikian, kerana pengusaha itu telah berkahwin dan sebagainya ada juga orang menjual ataupun memberi menyewakan nama mereka untuk membuat lesen tetapi apabila adanya Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam serbuan, mereka *on the spot* boleh *check* adakah dia bayar cukai dan sebagainya. Kerana kebanyakannya aceh pengusaha aceh di kawasan peruncitan banyak menyewa lesen daripada orang, jadi kalaular serbuan ini dilakukan secara kumpulan memang mereka tidak boleh mengelak daripada bayar cukai dan juga imegresen untuk maklumat Yang Berhormat EXCO imegresen tidak memberikan orang aceh kebenaran untuk sebagai pekerja peruncit tidak ada lesen tidak ada permit untuk makluman Yang Berhormat tetapi kalau kita bawa penguatkuasa saya tak salahkan penguatkuasa daripada Majlis kerana mereka

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

hanya memberikan lesen sekiranya dokumennya cukup, tak boleh salahkan dia, jadi kita ada jabatan-jabatan yang terlibat perlu buat secara kerjasama. Jadi saya pernah memanggil jabatan-jabatan ini bermesyuarat di pejabat saya, dan saya minta senarai nama kedai runcit yang ada di kawasan saya tetapi sehingga hari ini Majlis Daerah tidak memberikan senarai itu. Seterusnya, saya mohon Yang Berhormat EXCO memandangkan covid ini berlakunya terjejasnya pendapatan, boleh tak mempertimbangkan lesen penjaja diberikan kepada sesiapa yang berniaga yang ingin berhasrat untuk menambah pendapatan kerana mereka telah mengalami masalah kewangan sekurang-kurangnya 6 bulan tanpa ada sebarang kekangan tanpa usaha atau penjaja. Seterusnya diskaun yang diberi oleh Kerajaan Negeri hanya sebulan, itupun dengan syarat tidak ada sebarang tunggakan kepada Majlis Daerah tertentu. Jadi saya merasakan sekiranya memberi pengecualian ataupun diskaun kita tahu sedia maklum kita pandemik covid berlaku selama 3 bulan jadi sebulan memadai mereka ialah pengusaha kecil tanpa meniaga mana mungkin boleh bayar dan sebelum itu mereka ada tunggakan kerana mereka tidak mampu bayar jadi tolong pertimbangkan janganlah sekiranya tidak ada sebarang tunggakan barulah layak menerima diskaun sebulan itu, harap Yang Berhormat EXCO tolong bantu..

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat masa..sampai lampu merah...

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat ...Sedikit...sedikit...yang berkenaan isu arak, tempoh hari saya pernah bawa isu ini Yang Berhormat Tuan Speaker telah menolak inipun ada bukti saya ada bawa juga, Yang Berhormat Pandamaran Bandar Baru Klang mengatakan kita perlu berpisah daripada pembuat dasar dan juga Ahli Majlis sebagainya tetapi kita nak buat dasar ni saya membawa usul bukanlah untuk nak jadikan ni untuk kita berbincang kerana Perikatan Nasional ada UMNO dan PAS yang mengatakan kepimpinan Islam tetapi tidak bincangkan tetapi disini DAP sekurang-kurangnya beri ruang untuk bincang berkenaan dengan isu arak ini. Dan isu ini usul ini saya akan bawa pada masa akan datang supaya diperbincangkan bukan saya nak suruh arak diharamkan tidak dan kita tahu dalam agama mana-mana pun tidak benarkan minum minuman arak. Saya hanya meminta ada 2 usul yang pertamanya berkenaan dengan tempat larangan apabila Yang Berhormat EXCO menjawab dulu tidak ada undang-undang kecil di Negeri Selangor yang membolehkan menghalang orang meminum arak di tempat awam...

**TUAN SPEAKER :** Pendekkannya ..

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang keduanya, berkenaan dengan minuman keras di restauran. Kita benarkan minuman ditempat-tempat yang tertentu bukan di restoran sebab apa restoran itu tempat orang makan jadi lepas makan dia

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

minum dia boleh balik tetapi minum minuman arak di restoran tidak sesuai. Saya minta bincang supaya Selangor nampak lebih *advanced* banding dengan Kerajaan Islam di *federal* mungkin lebih *advanced* dari segi cadangan-cadangan sedemikian Yang Berhormat EXCO sila duduk ..

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Saya bukan EXCO..

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Mantan EXCO..sila duduk..sila duduk okay seterusnya pandangan saya Yang Berhormat EXCO tolong ambik perhatian

**TUAN SPEAKER :** Dah tolong dah sampaikan ..cukuplah Yang Berhormat

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat, 2 lagi ..

**TUAN SPEAKER :** 2 lagi..

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** 48 ribu unit rumah dibuat dalam tempoh 5 tahun, minta tolong sebelum ini yang berhormat EXCO dah ada diblok sini jadi saya pernah minta 20% bukan untuk adun, untuk penduduk tempatan itu kerana ramai yang datang yang duduk di kawasan saya terutamanya di Jeram tetapi mengundinya di kawasan lain tetapi apabila minta bantuan minta dengan saya. Kerajaan Negeri Selangor pula memberi bantuan kewangan kepada dun berdasarkan jumlah pengundi. Jadi tolonglah EXCO-EXCO baru yang nak dilantik tu berikan peluang 20% sahaja daripada jumlah unit rumah yang dibina di Kawasan. Ada satu lagi Yang Berhormat, yang terakhir saya mohon sekiranya masalah dikawasan saya di Jeram ini, tidak selesai saya akan mohon merafak sembah mohon hadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membantu masyarakat saya selesaikan kerana saya beranggapan saya sudah mohon dengan cara yang baik kepada EXCO tetapi EXCO tidak membantu menyelesaikan masalah saya dikawasan saya itulah pilihan saya

**TUAN SPEAKER :** Jangan mengaitkan ye.. Yang Berhormat boleh bahas dah cukupla..

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang ini saya sokong lah sebab Kerajaan Selangor bantu saya covid saya sokong ye..

**TUAN SPEAKER :** Yang lain, ..Subang Jaya ..sila ..1 minit sambung..silakan

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Terima kasih Tuan Speaker..kerana memberi ruang pada Subang Jaya untuk membahas usul Pakej Rangsangan yang

## **13 JULAI 2020 (ISNIN)**

dibentangkan oleh Dato Menteri besar. Subang Jaya memula dengan merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor atas pengurusan yang cekap dan mantap selama kita dilanda wabak covid-19. Kita sedia maklum bahawa Selangor adalah antara negeri yang tinggi dan padat bilangan penduduknya. Justeru memudahkan wabak Covid-19 menular, walaubagaimanapun bilangan kes telah menurun hasil kerjasama semua pihak berkepentingan.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat sila duduk..sambung ye takpe...Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian jam sudah menunjukkan 4:30 petang maka, saya menangguhkan persidangan hari ini dan disambung pada hari esok 14 hb Julai, 2020 hari Selasa jam 10 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 4.30 PETANG)**